


Jilid III
Bil. 27



Hari Isnin
16hb Oktober, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 5229]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 5230]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5231]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Penyelamat Kedua PETRONAS Akibat Skandal II Bank Bumiputra—Y.B. Tuan
Lim Kit Siang (Tanjong) [Ruangan 5306]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5311]

ATURAN URUSAN MESYUARAT:

Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan)—Menarik Balik
[Ruangan 5315]

Rang undang-undang Kewangan—Menarik Balik [Ruangan 5315]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL:

**Ucapan Tahniah dan Lafaz Ikrar Taat Setia Dewan dipersembahkan Kebawah
D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas Pemilihan Baginda
sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia [Ruangan 5315]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) [Ruangan 5335]

MALAYSIA
PARLIMEN KETUJUH DEWAN RAKYAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, D.K. (I) (Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' SERI DR LING LIONG SIK**, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' SERI S. SAMY VELLU**, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' SERI DR LIM KENG YAIK**, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI RAFIDAH AZIZ**, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, **DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubung).
- „ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).
- „ Menteri Luar Negeri, **DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, **DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN**, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N., (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 16hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989;
2. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989;
3. Akta Bank Negara Malaysia, Kawalan Pertukaran Wang, Insurans dan Takaful (Pindaan) 1989;
4. Akta Pertaruhan (Pindaan) 1989;
5. Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1989;
6. Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1989;
7. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1989; dan
8. Akta Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1989.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membaca Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“12hb Julai, 1989

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989);
2. Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan;
3. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Kawalan Pertukaran Wang, Insurans dan Takaful (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Pertaruhan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan);

6. Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan); dan
8. Rang Undang-undang Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA”.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TINDAKAN TERHADAP ASA

1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kedudukan tindakan undang-undang yang diambil terhadap ASA mengenai kempen anti-minyak makan tropika di Amerika Syarikat; adakah kesan kempen ini merebak ke pasaran Eropah, India dan China. Setakat manakah penemuan-penemuan saintifik yang positif (negatif) dicapai oleh makmal-makmal di seluruh dunia yang dikomisyenkan oleh Kementerian untuk mengkaji minyak kelapa sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan tindakan undang-undang terhadap ASA dan lain-lain pihak yang terlibat di dalam kempen anti-minyak tropika di Amerika Syarikat, sukacita saya menjelaskan bahawa cadangan tersebut merupakan satu daripada langkah-langkah yang telah dipertimbangkan untuk menentang kempen tersebut. Untuk maksud ini, sebuah syarikat guaman di Amerika Syarikat telah diminta mengkaji

perkara ini dan sekiranya dirasakan benar-benar perlu, tindakan sewajarnya akan diambil.

Mengenai kesan-kesan kempen anti-minyak tropika, di samping menumpukan usaha membanteras tohmah-tohmah palsu di Amerika Syarikat, Kerajaan juga telah mempergiatkan usaha-usaha untuk memastikan bahawa kesan-kesan buruk kempen tersebut tidak merebak ke negara-negara lain. Dalam hal ini, suka saya maklumkan bahawa Kerajaan telah dapat memastikan pasaran minyak kelapa sawit sama ada di Eropah, India ataupun di Negeri China tidak dipengaruhi oleh dakwaan-dakwaan palsu tersebut. Di samping itu, kita juga sedar iaitu kita tidak dapat mengelakkan sama sekali daripada dakwaan palsu yang berpunca di Amerika Syarikat dari merebak ke negara lain melalui media massa. Akan tetapi di mana terdapatnya perkara ini berlaku, Kerajaan akan cuba sedaya-upaya membetulkannya dan memperbaiki keadaan demi kepentingan minyak kelapa sawit.

Mengenai hasil penyelidikan yang telah dikomisyenkan dan dijalankan di luar negeri seperti di Amerika Syarikat, Belanda, Jepun dan Pakistan, tiada penemuan yang menunjukkan minyak kelapa sawit menimbulkan kesan-kesan negatif terhadap kesihatan terutamanya dari segi penyakit jantung. Malah kajian-kajian ke atas manusia dan binatang telah menunjukkan kelebihan minyak kelapa sawit dari segi kesannya seperti:

- (i) tidak meningkatkan malah sebaliknya mengurangkan kandungan kolesterol di dalam darah;
- (ii) tidak membawa akibat kepada peningkatan “atherogenesis” ataupun clogging of the arteries iaitu salah

satu ciri-ciri atau punca-punca yang boleh membawa kepada penyakit jantung;

- (iii) mengelakkan pembekuan sel darah merah atau "thrombosis" dan seterusnya; dan
- (iv) mengelakkan daripada pertumbuhan tumour atau barah.

Dengan penemuan positif mengenai kelebihan-kelebihan minyak kelapa sawit dari segi kesihatan, Kerajaan yakin boleh memasarkan minyak kelapa sawit Malaysia bukan sahaja kerana kualiti dan mutunya yang tinggi bahkan juga kerana ia berkhasiat dan merupakan minyak makan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, syarikat guaman manakah yang telah Kerajaan lantik untuk membuat kajian dari segi undang-undang untuk memberi nasihat kepada Kerajaan sama ada tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Persatuan Soyabean Amerika ini, bilakah syarikat ini dilantik dan bilakah pula laporan lengkap akan diberikan kepada Kerajaan?

Yang keduanya, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya masalah yang sama sepertimana yang kita hadapi di Amerika tidak akan berlaku di negara-negara Eropah dan negara-negara lain yang disebutkan tadi? Sebagai contoh, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat kempen-kempen publisiti di negara-negara Eropah, China dan sebagainya sebelum masalah yang sama merebak di negara-negara tersebut?

Dato' Alias bin Md. Ali: Sebuah panel sedang mengkaji tentang syarikat guaman yang akan mengambil

kes ini dan setakat ini kita belum membuat apa-apa keputusan. Yang Berhormat akan diberitahu apabila kita telah membuat keputusan nanti. Saya tidak berapa jelas tentang soalan yang kedua. Minta ulang.

Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah-langkah tertentu supaya masalah yang sama seperti mana yang kita hadapi di Amerika tidak akan berlaku di negara-negara Eropah, India dan China. Sebagai contoh adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kempen awal-awal lagi iaitu kempen publisiti tentang kegunaan kelapa sawit ini dan sebagainya di negara-negara tersebut supaya perkara yang sama tidak berlaku di negara-negara itu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara-negara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga mengeluarkan minyak makannya sendiri tetapi setakat ini tidak ada sebarang usaha yang berpunca daripada negara-negara tersebut untuk menjalankan kempen-kempen memburukkan minyak kelapa sawit dan oleh kerana itu adalah terlalu awal untuk mengatakan sama ada kemungkinan itu akan tiba atau tidak. Kita akan, dengan izin, cross the bridge when we come to it. Walau bagaimanapun, langkah-langkah penerangan dan maklumat mengenai khasiat kelapa sawit sentiasa disebarikan ke negara-negara pengguna melalui seminar-seminar yang dijalankan dari masa ke semasa dan langkah-langkah ini akan berterusan sama ada kempen-kempen daripada pihak yang terlibat dijalankan ataupun tidak.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang diperburukkan oleh ASA ialah minyak tropika. Jadi di dalam kumpulan minyak tropika ialah minyak kelapa

sawit dan minyak kelapa. Di antara dua minyak ini minyak kelapa-lah yang mempunyai banyak bahan-bahan lemak yang membahayakan.

Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah hakikat ini dipergunakan untuk memberitahu ASA ataupun memberitahu pengguna-pengguna di seluruh dunia dan seterusnya digunakan di dalam tindakan undang-undang yang dicadangkan itu dan sehubungan dengan itu apakah peranan dan sumbangan negara Filipina yang mengeluarkan banyak minyak kelapa yang menjadi the real culprit ini di dalam usaha kita membanteras kempen-kempen seperti ini.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, perbezaan dari segi khasiat permakanan di antara minyak kelapa sawit dan minyak kelapa adalah sesuatu yang diketahui umum. Dan dalam menjalankan kempen promosi minyak kelapa sawit bukanlah menjadi niat dan tujuan kita untuk merendahkan sebarang keluaran minyak makan yang lain. Terpulanglah kepada pihak pengguna mengambil maklumat daripada ciri-ciri yang terdapat di dalam kelapa sawit dan minyak kelapa untuk mendapat perbandingan mereka. Walaupun pada zahirnya memang terdapat perbezaan antara minyak kelapa sawit dan minyak kelapa, namun pihak kerajaan Filipina yang banyak mengeluarkan minyak kelapa mengeksport minyak kelapa ke Amerika Syarikat bersama-sama dengan kita, Malaysia, dan juga Indonesia sebagai pengeluar minyak kelapa sawit yang kedua terbesar di dunia untuk menentang kempen menentang minyak kelapa sawit ini, terutama dari segi melobi supaya tidak wujud sebarang legislature, dengan izin, yang bersifat diskriminatif terhadap minyak tropika iaitu minyak kelapa sawit dan minyak

kelapa. Kita berpuas hati dengan kerjasama yang kita dapati daripada negara-negara yang berkenaan.

NEGARA PERINDUSTRIAN BARU (NIC)

2. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah beliau sekarang tidak berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian baru (NIC) sedangkan pada suatu ketika Kerajaan begitu aktif menggalakkan cadangan ini. Adakah bermakna bahawa Kerajaan kurang keyakinan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian baru, jika tidak, mengapakah Malaysia mempunyai semua sumber dan potensi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian baru jika hanya Kerajaan mengetahui bagaimana mempergunakan sumber dan potensi sepenuhnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai NIC telah banyak kali dinyatakan di Dewan ini. Seperti yang sering dinyatakan matlamat kita adalah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat melalui pembangunan perindustrian. Matlamat ini bukanlah untuk mencapai status atau bagi menganggotai mana-mana kelab atau organisasi economic exclusive tetapi adalah bertujuan membangunkan ekonomi negara bagi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dengan meningkatkan pendapatan, mengurangkan kadar kemiskinan dan pengangguran serta memperbaiki keadaan ketidakseimbangan ekonomi di antara kumpulan ethnik di negara ini. Dengan itu, soal tidak berminat dan kurang keyakinan tidak timbul kerana bukanlah merupakan matlamat akhir kita hendak menghebahkan pencapaian matlamat

pembangunan ekonomi negara. Saya yakin kita dapat membangunkan ekonomi negara melalui kegiatan perindustrian kerana Malaysia kaya dengan sumber asli, mempunyai bilangan tenaga manusia mahir dan terlatih yang berpatutan dan modal dari dalam dan luar negeri yang mencukupi. Apa yang perlu kita lakukan ialah mengembelikan semula faktor ini dengan cekap dan efisien agar negara kita dapat mencapai potensi pertumbuhannya di samping dapat bersaing dengan negara-negara maju dalam sektor barangan pembuatan di pasaran antarabangsa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar Kerajaan tidak berminat mengenai dengan NIC ini oleh kerana negara Malaysia tidak mahu dicap, jika tidak, negara-negara maju tidak akan memberi bantuan apabila dikategorikan sebagai sebuah negara NIC?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah lakukan sesuatu untuk negara kita demi untuk mendapat sebaik-baik advantage, dengan izin. Oleh itu, apalah gunanya kalau kita mendewadewakan labelling NIC kalau kita akan kerugian advantages, dengan izin, dan mestilah Kerajaan memikirkan tentang soal ini walaupun dari segi hakikatnya kita menuju ke arah negara perindustrian.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan halangan-halangan yang sebenar yang akan dihadapi oleh Malaysia jika ia menjadi negara industri baru atau NIC dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tidak lama dahulu Malaysia telah mengumumkan hasratnya untuk menjadikan Malaysia

sebagai sebuah naga kecil yang kelima menjelang tahun '90an. Memandangkan kepada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah ini bermakna bahawa Malaysia telah gagal menggunakan dengan sepenuhnya kelebihan ekonominya yang begitu baik dan sumber-sumbernya yang begitu kaya yang sedia wujud ketika merdeka untuk mendahului lain-lain negara Asia selain daripada Jepun dalam mencapai taraf NIC.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya menyatakan tadi bahawa matlamat kita adalah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat melalui pembangunan perindustrian. Kita memang hendak menuju ke arah itu. Jadi, kalaulah kita dengan begitu "premature", dengan izin, mengakui bahawa negara ini adalah NIC maka kita akan kehilangan dan kerugian dari segi "trading benefits" dan sebagainya seperti yang saya kira Yang Berhormat sudah sedia maklum dan kita tidak langsung mengakui bahawa dengan keadaan begini, hanya disebabkan oleh kita merasa tidak dilingkungi dalam ketiga buah negara NIC ini, bermakna bahawa kita sudah tidak mampu menggunakan sumber tenaga yang kita ada kerana kita telah dengan begitu nyata dapat melihatkan pembangunan negara dengan begitu pesat berasaskan kepada penggunaan yang bijak oleh Kerajaan setakat ini. Cumanya kita belum sampai ke satu tahap yang kita mahu mengakui bahawa negara ini adalah negara NIC.

KEDAI BEBAS CUKAI DI LAPANGAN TERBANG

3. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa barang-barang yang dijual di kedai bebas cukai dekat Lapangan Terbang di

negara kita ini sangat mahal, barang-barang yang dijual sehingga tiga atau empat kali ganda daripada harga barang di kedai biasa, kalau sedar, apakah tindakan akan diambil untuk menurunkan harga barang itu supaya pembeli tidak menjadi mangsa pekedai-pekedai bebas cukai itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa harga barang-barang yang dijual di kedai bebas cukai dekat lapanganterbang di negara kita ini sangat mahal di mana barang-barang yang dijual sehingga tiga atau empat kali ganda daripada harga barang di kedai biasa. Harga barangan yang dijual di kedai bebas cukai adalah bergantung kepada sama ada barangan tersebut tertakluk kepada cukai atau tidak. Bagi barangan yang dikenakan cukai, harga di kedai bebas cukai adalah lebih murah daripada harga di kedai biasa, contohnya, minuman keras dan rokok. Bagi barang-barang yang tidak tertakluk kepada cukai, harga di kedai bebas cukai mungkin lebih mahal sedikit dari kedai biasa kerana faktor kos "overhead" dan jumlah jualan barangan tersebut.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan barang-barang tertentu dijual di kedai bebas cukai ini. Seperti contoh, minyak wangi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan kenapa seperti dikatakan minyak wangi adalah terlebih murah dijual di dalam kapalterbang kalau dibandingkan dengan kedai-kedai bebas cukai yang didapati di lapanganterbang seperti Subang. Saya mohon penjelasan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, barangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu minyak wangi, mengapa harga yang dijual di dalam kapalterbang itu lebih murah daripada kedai bebas cukai di

dalam lapanganterbang. Tuan Yang di-Pertua, saya sedia dapat menerangkan mengapa harga yang dijual di dalam kapalterbang itu adalah lebih murah. Mungkin itu adalah satu strategi pemasaran yang dijalankan oleh syarikat yang berkenaan.

MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM)—AGENDA

4. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah agenda yang telah disediakan untuk Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada 18-24 Oktober, 1989 di Kuala Lumpur dan apakah pendirian Malaysia terhadap isu-isu seperti:

- (a) penubuhan pasaran tunggal EC dan peranan yang boleh dimainkan oleh Great Britain untuk membantu supaya kepentingan negara-negara Komanwel yang lain tidak terjejas;
- (b) masalah hutang negara-negara Selatan-selatan;
- (c) penyelesaian menyeluruh masalah Kampuchea ekoran daripada pengunduran tentera Vietnam; dan
- (d) Dasar Apartheid dan penindasan terhadap orang-orang Kulit Hitam oleh regim Pretoria di Afrika Selatan.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ataupun CHOGM kali ini akan menumpukan perhatian kepada isu-isu politik dan ekonomi antarabangsa di samping isu-isu kerjasama komanwel.

Soal Apartheid dan rantau Afrika Selatan merupakan beberapa isu yang akan mendapat perhatian Ketua-ketua Kerajaan, terutama dengan adanya

perkembangan-perkembangan terbaru dalam proses kemerdekaan Namibia dan perubahan pucuk pimpinan regim Afrika Selatan. CHOGM dijangka akan menentukan pendirian dan tindakan-tindakan masa depan komanwel untuk membantu menghapuskan Apartheid. Selain dari itu, isu-isu serantau seperti mengenai Kampuchea, Asia Barat dan soal keselamatan negara-negara kecil juga akan turut mendapat perhatian utama. Di samping soal politik, CHOGM juga akan menumpukan perhatian kepada soal ekonomi antarabangsa. Dalam bidang ini, isu-isu seperti beban hutang negara-negara membangun sekatan pasaran, rundingan perdagangan berbagai hala, kadar tukaran wang, kadar faedah pinjaman pasaran tunggal Eropah tahun 1992 dan sebagainya akan menjadi tajuk-tajuk utama perbincangan. CHOGM juga akan meneliti hasil kajian kumpulan pakar mengenai kesan-kesan perubahan struktur masyarakat terhadap peranan wanita dan sebagainya. CHOGM kali ini juga akan menumpukan perhatian terhadap masalah alam sekitar.

Berkaitan dengan itu, suatu Deklarasi Komanwel mengenainya dijangka akan dikeluarkan oleh CHOGM. Draf deklarasi tersebut telah pun disediakan oleh Malaysia untuk dijadikan sebagai asas perbincangan. Dalam hal ini, Malaysia mengharapkan satu perbincangan yang rational dan bukan, dengan izin, "emotional". Perbincangan dan deklarasi yang akan dihasilkan itu bukan bertujuan untuk mencari punca atau untuk menyalahkan sesiapa atas sebab timbulnya masalah tersebut. Tujuannya ialah untuk mencari jalan bagaimana dan cara mana Komanwel dan dunia keseluruhannya boleh berkerjasama untuk mengatasi masalah ini.

Dari segi kes kerjasama komanwel pula, banyak perkara yang akan dibincangkan. Antara yang penting

ialah soal bagaimana komanwel boleh menggalakkan kerjasama dalam usaha membasmi salahguna dan pengedaran dadah, Kerjasama Teknikal Komanwel dan Pelan Bertindak Komanwel Mengenai Wanita dan Pembangunan. Malaysia juga akan mencadangkan penubuhan sebuah badan perunding ataupun penasihat untuk membantu negara-negara membangun, menguruskan soal-soal penggunaan dan penyerapan teknologi dalam perancangan program pembangunan mereka. Badan tersebut yang dikenali sebagai, dengan izin, Commonwealth Consultative Group for Technological Management iaitu CCGTM dijangka akan dapat membantu negara-negara membangun menafaatkan teknologi dalam usaha pembangunan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pasaran tunggal persatuan negara-negara Eropah, ingin saya menyatakan bahawa pada masa ini kita belum cukup jelas lagi tentang bentuk dan implikasi buruk baiknya pasaran itu terhadap kita. Oleh itu, Kerajaan berharap mendapat penjelasan dari Britain mengenainya semasa CHOGM diadakan kelak. Di samping itu, negara-negara Komanwel lain juga menyuarakan kebimbangan mereka melalui Britain.

Mengenai hutang negara-negara selatan, pendirian Malaysia adalah jelas. Negara-negara maju harus turut dipersalahkan kerana telah memberi pinjaman yang, dengan izin, "imprudent" sehingga menjadikan banyak negara-negara membangun yang mengalami beban hutang yang serius. Malaysia berpendapat di antara cara untuk mengatasi masalah ini ialah melalui penekanan kepada pengurangan hutang berbanding dengan menjadualkan hutang semula. Bagi Malaysia cara yang paling praktikal ialah dengan merupakan sebahagian besar atau bagi negara-negara yang tidak berkeupayaan

langsung untuk membayar keseluruhan hutang mereka.

Mengenai Kampuchea, Malaysia tetap dengan pendiriannya bahawa penyelesaian menyeluruh mengenai soal Kampuchea akan hanya dicapai melalui perkongsian kuasa semua puak-puak Kampuchea yang bersengkita dan di bawah kepimpinan Putera Norodom Sihanouk.

Mengenai Apartheid pula, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya dasar tersebut dan segala bentuk penindasannya terhadap penduduk kulit hitam di Afrika Selatan. Pendirian Malaysia ini sentiasa disuarakan di forum-forum antarabangsa seperti Komanwel, Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan-pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia menyokong sepenuhnya sekatan ekonomi yang menyeluruh terhadap regim Afrika Selatan. Ini adalah satu-satunya langkah yang paling berkesan untuk memaksa regim Pretoria menamatkan sistem tersebut.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, ke atas tajuk alam sekitar yang akan dibincangkan dalam CHOGM akan datang ini, memandangkan bahawa Malaysia sudah menerima perhatian antarabangsa yang negatif sebab isu tropical rain forest khususnya sebab beratus-ratus orang hulu atau kaum Penan telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah dan memandangkan bahawa Malaysia sedang menyediakan satu draf deklarasi atas tajuk ini, apakah tujuan pihak Kerajaan Malaysia dalam hal ini, adakah ia untuk menentang anti tropical hardwood campaign yang dijalankan di Eropah dan Amerika ataupun adakah perhatian akan diberi oleh CHOGM supaya perlindungan alam sekitar seluruh dunia ini khususnya di atas isu perlindungan hutan-hutan rimba tropika dibentangkan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit risau dan bimbang ke atas

isu keselamatan. Apakah langkah-langkah telah diambil untuk memastikan keselamatan supaya Ketua-ketua kerajaan, Perdana Menteri-Perdana Menteri Kerajaan Komanwel ini akan tidak diugut. Adakah "death threats" sudah terima? Adakah langkah yang sesuai sudah diambil? Itu sahaja.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu alam sekitar yang saya sebutkan sebentar tadi, ianya adalah menyeluruh bagi seluruh dunia iaitu sama ada bagi negara-negara yang sudah membangun, negara yang sedang membangun dan negara yang akan membangun dan ianya akan dibincangkan secara keseluruhannya dan tidak ada isu-isu spesifik yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, berkaitan dengan masalah rain forest dan sebagainya, kerana itu adalah perkara yang sudahpun kita jelas dan terangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan apabila mereka datang ke negara ini ataupun melihat sendiri tempat-tempat yang tertentu.

Dari segi keselamatan, terutama sekali melalui Polis Di-Raja Malaysia kita telah membuat perancangan yang teliti dan puas hati di atas segala tindakan dan juga persediaan-persediaan yang diperbuat untuk menjamin bahawa Ketua-ketua Kerajaan serta Ahli-ahli Delegasi berada di negara ini, berada dalam keadaan yang baik dan sehingga pada masa ini kita tidak menerima apa-apa ancaman terhadap Ketua-ketua Kerajaan yang berkenaan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di samping mengambil bahagian dalam persidangan CHOGM sama ada Kerajaan Malaysia akan menggunakan peluang ini untuk merapatkan hubungan bilateral dengan negara-negara Komanwel yang tertent-

tu seperti India, Pakistan dan Bangladesh dengan tujuan memasarkan kelapa sawit dan komoditi Malaysia yang lain?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, sudah pasti bahawa semasa Ketua-ketua Kerajaan berada di sini mereka akan mengadakan perbincangan jika masa mengizinkan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri lain yang berkenaan dari aspek bukan sahaja memperbanyakkan perdagangan di antara negara-negara kita dengan negara berkenaan, tetapi juga dari segi komoditi yang dimaksudkan sebentar tadi.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE BELGRADE

5. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Belgrade baru-baru ini untuk kukuhkan negara kita dari segi politik dan ekonomi;
- (b) berapakah pucuk pemimpin negara-negara lain yang telah ditemui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam jangka masa lawatan ini dan berapakah perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat dan apakah jenis perjanjian tersebut; dan
- (c) sebab apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berjuang di atas hutang negara lain supaya mereka boleh dapat "write-off" hutang tersebut tetapi tidak mengambil apa-apa tindakan di atas hutang negara kita.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat Belgrade, Yugoslavia kerana menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang diadakan tiga tahun sekali.

Pergerakan Negara-negara Berkecuali bertujuan untuk mempertahankan dan mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara anggotanya dalam dunia yang terbahagi kepada blok-blok kuasa besar yang berlainan ideologi dalam suasana peperangan dingin di antara kuasa-kuasa besar.

Dasar berkecuali telah menyelamatkan Malaysia daripada terjerumus ke kancah konfrantasi, sementara itu dengan menganggotai dan mengambil bahagian yang aktif dari pergerakan ini. Malaysia telah berpeluang memperkenalkan identiti dan Dasar Kebangsaan kita kepada dunia luar. Kenyataan kita dalam pergerakan ini telah memberikan kita kekuatan bersama, dengan izin, "collective strength" bagi menghadapi pelbagai cabaran dalam menyelesaikan perhubungan luar kita dengan negara-negara lain.

Pergerakan Negara Berkecuali berpegang teguh kepada prinsip tidak mencero bohi hal ehwal dalam negeri negara-negara lain dan tidak menggunakan kekerasan dalam dasar luar masing-masing. Sebagai cara menyelesaikan masalah antarabangsa. Hasil dari ketegasan dan dasar-dasar di atas maka Malaysia serta seluruh anggota pergerakan itu telah memenangi penghormatan daripada negara-negara lain termasuk kuasa-kuasa besar dan hasil-hasil ini juga telah membawa kesan-kesan yang baik secara langsung dan tidak langsung kepada perkembangan ekonomi, politik, sosial di negara kita.

(b) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pertemuan

penyakit tersebut daripada merebak di negara ini; dan

- (c) sama ada sebuah unit khas telah ditubuhkan untuk mencegah penyakit yang serius ini daripada merebak.

20-10-89

9. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah pencegahan yang telah diambil atau akan dilaksanakan untuk menahan merebaknya:

- (a) Demam Denggi;
(b) Hepatitis B; dan
(c) AIDS,

di negara ini memandangkan kepada Tahun Melawat Malaysia 1990.

24-10-89

21. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kes Sindrom Kekurangan Daya Tahan (AIDS) dan pembawa-pembawa AIDS yang dikesan sehingga akhir Ogos, 1986;
(b) bilangan kematian yang disebabkan oleh AIDS;
(c) memandangkan betapa seriusnya masalah AIDS di Malaysia, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk meningkatkan kempen terhadap penyakit pembunuh ini kerana melainkan tindakan tegas dan perancangan yang komprehensif diambil sekarang, masalah ini semakin bertambah buruk sebagaimana yang diperlihatkan di negara-negara jiran kita; dan
(d) apakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk merekomendasikan Kementerian Dalam Negeri untuk memperketatkan pemeriksaan ke atas orang-orang yang masuk dan keluar negara ini.

24. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah pencegah yang diambil untuk mencegah pengidap-pengidap AIDS daripada menderma darah dan bahawa darah yang diderma oleh orang awam bebas daripada pencemaran AIDS; juga nyatakan bilangan penerima darah yang mengidap penyakit AIDS selepas pemindahan darah dan apakah pampasan yang akan dibayar kepada mangsa-mangsa berkenaan.

26-10-89

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelancongan menyatakan jumlah wang yang akan dibelanjakan sempena dengan "Tahun Melawat Malaysia 1990", jumlah pulangan dari segi kewangan yang dijangka diterima daripada pelancong-pelancong asing, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penyakit AIDS daripada dibawa ke negara ini oleh pelancong-pelancong asing.

32. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementeriaannya untuk mengatasi masalah kenaikan mangsa "AIDS" yang sedang berlaku di dalam negara kita pada masa kini;
(b) apakah cara-cara kesihatan yang harus diikuti oleh seorang dewasa kita untuk mengelakkan kejangkitan penyakit tersebut; dan
(c) selain daripada iklan dalam TV adakah Kementerian akan menjalankan kursus-kursus ataupun kempen-kempen lain untuk memberitahu kepada rakyat kita betapa serius masalah AIDS ini kepada negara kita.

30-10-89

23. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Kesihatan menyatakan hari ini sana sini berita

tentang Sindrom Kekurangan Daya Ketahanan Penyakit (AIDS) telah disiarkan dengan luasnya. Berbagai tindakan dan hukuman telah diusulkan. Lebih-lebih lagi dikatakan penyakit ini berleluasa di Negeri Thai:

- (a) adakah pihak kesihatan sudah mengadakan Pusat-pusat Kawalan Penyakit ini di semua pintu masuk (imijeresen) Malaysia bagi mencegah penyakit AIDS ini;
- (b) apakah tindakan Kerajaan kepada pelancong-pelancong yang membawa kuman-kuman AIDS ini; dan
- (c) sehingga hari ini berapakah jumlah penyakit yang disyaki berpenyakit AIDS di Malaysia, dan negeri manakah yang paling ramai sekali.

24. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan mangsa-mangsa yang telah dihidapi penyakit Sindrom Kurang Daya Tahanan (AIDS) di negara ini dengan memberi pecahan mengikut negeri masing-masing;
- (b) selain dari kempen terhadap jangkitan AIDS, adakah Kementerian ini mempunyai apa-apa rancangan untuk menerangkan juga di mana mangsa-mangsa ini boleh mendapat pertolongan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memerangi penyakit maut ini dari merebak selain dari hanya mengeluarkan amaran-amaran yang menakutkan.

1-11-89

17. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah jaminan imuniti daripada pendakwaan

yang Kerajaan memberi untuk menggalakkan pelacur-pelacur secara sukarela menakutkan diri kepada ujian penapisan AIDS dan sekiranya imuniti tidak diberi, mengapa.

28. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada "AIDS" berada di dalam keadaan merbahaya dan mengancam kesejahteraan negara. Apakah rancangan Kerajaan untuk menyekat dan seterusnya menahan wabak ini dari merebak. Adakah Kerajaan bercadang untuk membuang pegawai dan kakitangan Kerajaan serta pelajar-pelajar yang terlibat sebagai tindakan berjaga-jaga dan amaran kepada yang lain.

30. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang dibuat oleh pihak Kementerian untuk mencegah merebaknya jangkitan penyakit AIDS yang sekarang sedang merebak dengan luasnya di negara jiran Thailand;
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang mensyaratkan rakyat Malaysia yang melawat negara itu supaya melakukan pemeriksaan kesihatan sekembali mereka dari lawatan bagi mencegah wabak itu merebak ke negara ini; dan
- (c) sejauhmanakah perkembangan dan bahaya AIDS di negara ini hingga setakat ini.

2-11-89

17. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat ini berapa orangkah yang dikesan sebagai pembawa kuman AIDS di negara ini; memandangkan bahawa negara jiran iaitu Thailand dan Filipina mempunyai beribu-ribu pembawa kuman ini, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyekat kemasukan penyakit ini melalui

pekerja-pekerja dan pelancong-pelancong yang keluar masuk dari negara itu.

9-11-89

2. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramai bilangan doktor pakar perubatan yang ditempatkan di hospital di negeri Kedah;
- (b) berapa kes penyakit AIDS yang telah dikesan dalam negara, setakat ini khususnya di Kedah dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil.

20. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah perkembangan terbaru tentang penyakit AIDS di negara kita;
- (b) adakah Kementerian berhasrat mengadakan ujian AIDS terhadap setiap orang asing sebelum dibenarkan memasuki negara ini; dan
- (c) bilakah Kerajaan akan melancarkan kempen mewajibkan semua pelacur, penagih dadah, dan mereka yang dikatakan dalam kumpulan "high risk" menjalani ujian AIDS.

10-11-89

22. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kesihatan menyatakan sehingga hari ini berapa ramai pesakit yang mengidap penyakit AIDS. Beri angka mengikut pecahan kaum. Adakah benar, Kementerian Kesihatan akan memeriksa ujian kencing kepada setiap pelawat yang datang melalui Thailand ke negara kita. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyekat merebaknya penyakit ADIS di negara kita.

13-11-89

21. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan hingga hari ini berapa orangkah rakyat Malaysia yang mengidap atau membawa kuman penyakit AIDS dikesan di Malaysia. Berapa orangkah dari mereka telah mati akibat penyakit AIDS itu. Adakah Kerajaan mempunyai maklumat tentang rakyat Malaysia mengidap AIDS di luar negeri. Adakah Kerajaan bercadang hendak menyekat mereka yang hendak pulang semula ke tanah air.

14-11-89

16. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah pengidap penyakit AIDS seluruh negara setakat ini. Sudahkah Kementerian dapat kesan punca-punca penyakit ini dan apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

24. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan pengidap dan pembawa AIDS yang terdapat di negara ini sejak tahun AIDS dikesan di negara ini sehingga 16-10-89. Mengikut negeri sejak 1-1-89 hingga 30-9-89 serta langkah terbaru dan berkesan yang diambil oleh Kementerian bagi mencegah bertambahnya bilangan pengidap dan pembawa penyakit AIDS di negara ini.

28-11-89

16. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sampai ke hari ini berapakah jumlah kes penyakit AIDS dan pembawa virus AIDS yang telah disahkan di negara ini;
- (b) dari jumlah pesakit AIDS itu berpakah jumlah mereka yang sudah meninggal dunia; dan

- (c) apakah rancangan Kementerian Kesihatan untuk mencegah penyakit AIDS merebak besar-besaran.

6-12-89

20. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai dasar untuk mengawal daripada merebak penyakit "AIDS" yang dibawa oleh pelancong-pelancong ataupun pelacur-pelacur daripada luar negeri. Sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan ujian darah (blood-test) kepada setiap pelacur, perhubungan sejenis (homosex) dan penagih dadah di negara ini.

15-12-89

25. Tuan Taiman Lumaing minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mencegah kemerebakan penyakit AIDS di negara kita;
- (b) apakah benda-benda (signs and symptoms) terhadap seseorang pengidap penyakit AIDS dan berapa lamakah penyakit AIDS itu dapat dikesan (incubation period); dan
- (c) setakat ini berapa ramai orang Malaysia yang telah mengidap penyakit AIDS dan negara manakah mereka ini mendapat jangkitan AIDS.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, pada sidang mesyuarat Dewan Rakyat kali ini terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang hampir sama ataupun hampir-hampir sama dan berkaitan dengan penyakit "AIDS" seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Marang. Mereka itu ialah:

- (1) Yang Berhormat Tuan Douglas Unggah Embas, soalan No. 25 pada hari ini.
- (2) Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing, soalan No. 30 pada 26-10-89.
- (3) Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa pada 30-10-89.
- (4) Yang Berhormat Tuan Samson Chin Chee Tsu pada 20-10-89.
- (5) Yang Berhormat Tuan Hu Sepang pada 24-10-89 dan 1-11-89.
- (6) Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 24-10-89.
- (7) Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam pada 26-10-89.
- (8) Yang Berhormat Dr Nicholas Munong Ibau pada 29-10-89.
- (9) Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat pada 30-10-89.
- (10) Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai pada 1-11-89.
- (11) Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Sam bin Haji Sailan pada 1-11-89.
- (12) Yang Berhormat Tuan Hu Sepang pada 1-11-89.
- (13) Yang Berhormat Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar pada 2-11-89.
- (14) Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng pada 9-11-89.
- (15) Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Ahmad pada 9-11-89.
- (16) Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan pada 10-11-89.
- (17) Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah pada 13-11-89.
- (18) Yang Berhormat Tuan Mohamed bin Haji Yaacob pada 14-11-89.

- (19) Yang Berhormat Tuan Michael Asang pada 14-11-89.
- (20) Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang pada 6-12-89.
- (21) Yang Berhormat Tuan Taimin Lumaing pada 8-12-89.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara sekali gus pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya lebih daripada 22 soalan yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut tadi. Ini menunjukkan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat berkenaan dengan masalah ini dan mungkin adalah salah satu daripada impact ataupun kesan yang telah pun dijalankan oleh Kementerian Kesihatan tentang publisiti bahayanya penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, AIDS adalah satu penyakit yang disebabkan oleh sejenis kuman virus yang dipanggil "Human Immunodeficiency Virus" (HIV) ataupun virus AIDS yang terdapat, dengan izin, dalam darah, semen ataupun vaginal secretion. Penyakit ini melumpuhkan keupayaan semula jadi badan di dalam melawan penyakit. Dengan lumpuhnya keupayaan ini, mereka yang dijangkiti oleh virus AIDS akan terdedah kepada jangkitan beberapa jenis kuman yang biasanya tidak membahayakan dan mengalami beberapa jenis barah yang biasanya jarang berlaku. Penyakit AIDS ini boleh dijangkiti melalui tiga cara sahaja, iaitu:

- (1) melalui hubungan seks, dengan izin, anal ataupun vaginal, ataupun dengan cara-cara lain dengan seorang yang telah pun dijangkiti oleh HIV. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, anal sex, dengan izin, adalah lebih bahaya sebab

ia boleh menyebabkan rectal mucusnya luka oleh kerana ia terlalu lembut.

- (2) melalui darah yang telah pun tercemar dengan HIV.
- (3) daripada ibu yang telah pun dijangkiti oleh HIV kepada bayinya semasa mengandung, dan pada ataupun selepas melahirkan kandungannya.

Jangkitan HIV boleh berlaku dalam hubungan seks antara dua orang lelaki (homosexual) ataupun antara lelaki dan perempuan (heterosexual), jika seorang daripada pasangan itu adalah kes ataupun pembawa AIDS.

Jangkitan HIV melalui darah berlaku apabila berkongsi menggunakan jarum suntikan seperti di kalangan penagih-penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan ataupun melalui pemindahan darah yang telah pun dicemar oleh HIV.

Antara tanda-tanda biasa penyakit AIDS ialah:

- Susut berat badan melebihi 10% dalam tempoh 3 bulan.
- Cirit-birit yang berlarutan melebihi 1 bulan.
- Demam yang panjang melebihi 1 bulan.
- Batuk-batuk yang berterusan dan melebihi 1 bulan.
- Dan mungkin bengkak-bengkak kelenjar.

Biasanya tanda-tanda didapati dikesan dari 2 hingga 8 tahun selepas dijangkiti oleh kuman AIDS.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes AIDS pertama di Malaysia telah pun dikesan pada 19hb Disember, 1986 dan sehingga 16-10-1989 sejumlah 11 kes AIDS telah pun dikesan dan 8 daripada mereka telah pun meninggal dunia. Selain daripada itu, 84 pembawa HIV juga telah pun dikesan. Semuanya adalah di bawah jagaan pakar-pakar perubatan yang

menjalankan pemeriksaan perubatan ke atas mereka dari masa ke semasa dan diberi rawatan apabila perlu. Mereka juga diberi nasihat dan kaunseling perubatan untuk menjaga kesihatan diri mereka sendiri dan cara-cara untuk mencegah merebaknya penyakit tersebut.

Jumlah kes dan pembawa yang dikesan mengikut negeri-negeri ialah seperti berikut: (Ini adalah angka-angka yang terakhir).

Perlis	4
Kedah	2
Pulau Pinang ..	7 (termasuk 1 kematian)
Perak	2
Selangor	10 (termasuk 2 kematian)
Wilayah Persekutuan	15 (termasuk 3 kematian)
Negeri Sembilan	4 (termasuk 1 kematian)
Melaka	1
Johor	1
Pahang	1
Terengganu ..	13
Kelantan	35 (termasuk 1 kematian)
Sabah	—
Sarawak	—
JUMLAH ..	95 (termasuk 8 kematian)

Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain iaitu seperti negara-negara di Amerika dan negara-negara di Afrika.

Daripada jumlah 95 kes dan pembawa ini, 57% adalah penagih dadah yang telah pun dijangkiti melalui berkongsi jarum suntikan. 23.7% telah pun dijangkiti melalui hubungan seks.

Baki 19.3% adalah mereka yang mengidap penyakit haemophilia yang telah pun dijangkiti oleh HIV melalui hasil-hasil darah yang diimport dan diberi sebelum 1985, di mana di masa itu bahayanya penyakit AIDS tidak diketahui. Oleh itu Kerajaan tidak akan membayar apa-apa pampasan kepada mangsa-mangsa yang berkeenaan. Walau bagaimanapun, mereka akan terus diberi rawatan perubatan dengan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal dan mencegah penyakit ini, Kementerian Kesihatan telah pun mengambil beberapa langkah semenjak tahun 1985 lagi. Langkah-langkah tersebut ialah:

- (1) Memberi makluman dan pendidikan kesihatan dengan secukupnya dan seluas-luasnya kepada orang ramai, kakitangan perubatan dan kesihatan, golongan berisiko tinggi dan juga pesakit AIDS. Kementerian Kesihatan telah pun mengeluarkan 136,500 poster, 617,000 risalah-risalah, 250,000 buku-buku kecil dan tiga buah "trailer" ataupun cerita pendek mengenai AIDS melalui TV dan media massa yang lain.
- (2) Mempastikan semua darah yang digunakan adalah selamat. Ini dilakukan dengan beberapa langkah termasuk menubuh 46 buah pusat saringan darah di seluruh negara untuk menjalankan ujian memastikan semua darah yang didermakan adalah bebas daripada antibodi terhadap human virus AIDS.
- (3) Menggunakan hanya hasil-hasil darah (blood products) yang telah pun dirawat dengan bahang panas (heat-treated). Pembelian ini pula dibuat melalui satu punca sahaja iaitu melalui Pembelian Pusat (Central Purchase).

- (4) Pengawalan melalui undang-undang di mana di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, semua bentuk jangkitan virus AIDS perlu diberitahu kepada pihak kesihatan (a notifiable disease). Selain daripada itu, seksyen 12 sub-seksyen 2 Akta yang sama mempunyai peruntukan iaitu adalah menjadi kesalahan sekiranya mereka yang mengetahui telah dijangkiti virus AIDS melakukan apa-apa perbuatan yang boleh merebakkan penyakit itu.
- (5) Pasukan Petugas AIDS dan Jawatankuasa Teknikal Jangkitan HIV telah diwujudkan di peringkat Kementerian untuk merumus dasar-dasar dan merancang strategi pengawalan dan pencegahan penyakit AIDS. Selain daripada itu, Jawatankuasa Penye-laras Jangkitan HIV juga diwujudkan di peringkat negeri untuk menyelaras dan menjalankan kerja-kerja pencegahan penyakit AIDS di negara kita. Program mencegah penyakit ini telah pun diintegrasikan dengan program perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sedia ada. Oleh sebab itu sebuah unit khas belum perlu ditubuhkan buat masa ini.
- (6) Seterusnya Kementerian Kesihatan juga telah merumus dan mengedar "Plan Tindakan Pencegahan dan Kawalan AIDS" untuk kegunaan kakitangan perubatan dan kesihatan di seluruh negara.
- (7) Kerajaan juga telah memberi rawatan perubatan kepada semua mereka yang dijangkiti virus AIDS termasuk kaunseling perubatan mengenai penyakit AIDS, cara-cara ia merebak dan cara-cara ia boleh dicegah daripada merebak. Penyiasatan

susulan juga dijalankan untuk menentukan punca jangkitan serta kontek pesakit. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang membuang kakitangannya yang telah pun dijangkiti oleh virus AIDS.

- (8) Kerajaan juga telah menjalankan ujian darah untuk antibodi terhadap kuman virus AIDS di kalangan mereka yang berisiko tinggi terutama penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan dan pelacur lelaki ataupun perempuan. Maklumat peribadi setiap mereka yang dijangkiti oleh HIV adalah dirahsiakan dan mereka tidak akan didakwa.
- (9) Menjalankan program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan khusus mengenai penyakit AIDS; dan akhir sekali.
- (10) Mengadakan kerjasama dan pertukaran maklumat serta pengalaman berkenaan penyakit AIDS terutama dengan negara-negara jiran dan juga pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal mewajibkan pemeriksaan darah ke atas golongan tertentu, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan pemeriksaan darah bagi golongan berisiko tinggi dengan kerjasama dan sokongan pihak yang berwajib. Pemeriksaan ini dijalankan ke atas penagih dadah dan banduan yang menagih dadah yang mengguna jarum suntikan dan juga pelacur-pelacur, di semua Pusat-pusat Rawatan dan Pemulihan Dadah, Penjara dan Klinik-klinik di hospital jika terdapat mereka yang disyaki terdedah kepada penyakit AIDS. Kementerian Kesihatan juga menggalakkan mereka yang berisiko tinggi yang mengesyaki diri mereka mungkin terdedah kepada jangkitan

HIV supaya menjalani ujian darah untuk mengesan penyakit AIDS.

Kementerian tidak bercadang mewajibkan pemeriksaan darah ke atas pelancong-pelancong, pelajar-pelajar, orang yang hendak melawat negara jiran ataupun pegawai-pegawai Kerajaan. Oleh itu, Pusat-pusat Kawalan Penyakit AIDS tidak perlu diadakan di semua pintu masuk di negara ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji keperluan dan implikasi mewujudkan satu dasar saringan ataupun dasar untuk menapis bagi pekerja-pekerja asing yang datang ke negara ini untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini masih belum ada lagi pengubatan yang berkesan untuk menyembuh penyakit AIDS mahupun vaksin untuk mencegahnya pun belum dijumpai lagi. Perekabaran penyakit ini berkait rapat dengan perlakuan dan cara hidup seseorang itu. Oleh itu, cara pencegahan dan kawalan penyakit AIDS hanyalah melalui pendidikan kesihatan kepada orang ramai supaya menukar gaya dan cara hidup mereka, terutama mereka yang mempunyai perlakuan yang mendedahkan diri mereka kepada jangkitan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu setiap individu memastikan perhubungan seks yang selamat. Ini boleh dilakukan dengan hanya mempunyai seorang pasangan seks yang tetap seperti suami-isteri. Selain daripada itu, individu-individu yang berkaitan dengan cara hidup yang boleh mendedahkan mereka kepada jangkitan virus AIDS perlu menukar cara hidup mereka. Contohnya, mereka yang menagih dadah perlu memberhentikan tabiat ini. Penggunaan ataupun berkongsi jarum suntikan hendaklah diberhentikan serta-merta. Mereka yang terjebak dalam penagihan dadah perlulah mendapat pertolongan dan rawatan daripada pihak yang berwajib.

Tuan Yang di-Pertua, pencegahan dan pengawalan merebaknya penyakit AIDS bukan hanya tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Ia memerlukan kerjasama berbagai-bagai sektor di mana semua sektor yang berkaitan perlu memainkan peranan masing-masing dalam mencegah penyakit AIDS. Semua agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan berserta dengan orang perseorangan, keluarga mereka dan seluruh masyarakat perlu bekerjasama untuk membendung penyakit ini daripada merebak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kos untuk membiayai seseorang pesakit AIDS itu amat tinggi, seumur hidupnya. Mengikut maklumat yang kita terima daripada unsur-unsur antarabangsa, seseorang yang terkena penyakit AIDS ataupun yang bersabit dengan penyakit AIDS hingga ia mati akan menggunakan lebih kurang \$60,000 sampai \$250,000, dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu makalah daripada American Medical Association mengatakan—saya ingin “quote” di sini, untuk menentukan bahawa AIDS ini tidak mudah berjangkit, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua,—“AIDS tidak boleh berjangkit melalui casual non-sexual contact, ataupun dengan sentuhan biasa ataupun dengan berjabat tangan ataupun dengan ciuman biasa sahaja”. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat memeranjatkan. Ada dekat seratus orang yang terkena AIDS dan 8 orang meninggal dunia. Bukankah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata, lima tahun dahulu, bahawa di Malaysia tidak ada AIDS, dan AIDS adalah di barat oleh kerana itu adalah hukuman Allah (punishment from God). Adakah sekarang Malaysia pun kena hukuman

Allah oleh kerana kesalahan-kesalahan, kemungkaran-kemungkaran yang berlaku di tanahair kita? (*Tepuk*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu jawab soalan itu. Walau bagaimanapun, penyakit AIDS ini seperti yang telah saya sebutkan tadi hanya dikenali baru-baru ini sahaja dan oleh kerana itu maka kita telah pun menjalankan beberapa langkah untuk mencegah penyakit ini. Interpretasi adakah ini sebagai salah satu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, itu adalah interpretasi Yang Berhormat sendiri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di zaman Nabi Lut, Allah telah menurunkan bala kepada orang-orang yang melakukan hubungan jenis secara abnormal. Jadi, saya rasa masa itu mungkin terdapat penyakit AIDS di mana Allah telah menurunkan bala. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dua soalan. Yang pertama, tadi Yang Berhormat sebut soal rahsia—kita merahsiakan orang-orang yang terlibat dengan AIDS. Saya percaya dengan merahsiakan itu maka secara tidak langsung kita telah menjadi penyebar AIDS. Apakah salah kalau boleh kita maklumkan siapa yang terlibat dengan AIDS, terutamanya orang-orang yang kadang-kadang kita tidak sangka, mungkin mempunyai penyakit yang berkenaan. Jadi, sekiranya kita mengetahui bahawa orang-orang yang berkenaan mempunyai AIDS, jadi dapatlah sesuatu dibuat untuk mencegah AIDS.

Keduanya, tadi Yang Berhormat sebut fasal pelacur. Setakat yang saya tahu, di Malaysia pelacuran diharamkan. Jadi, bagaimanakah Kementerian Kesihatan mengenalpasti pelacur dalam istilah Malaysia. Sebab pelacur yang saya tahu diharamkan di sini, tetapi Yang Berhormat dapat

mengenalpasti pelacur dan berapa orangkah pelacur yang terdapat di Malaysia sekarang ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, memang menjadi dasar Kementerian Kesihatan ketika ini untuk merahsiakan biodata individu-individu yang terkena penyakit AIDS. Mungkin desakan-desakan daripada pihak-pihak tertentu untuk memberitahu siapa yang terkena penyakit AIDS ini, tetapi adalah lebih baik pada pandangan Kementerian Kesihatan untuk merahsiakannya, oleh kerana cukuplah seseorang itu menerima beban dan akibat yang sedemikian, kerana daripada cerita-cerita yang kita dengar kadang-kadang kalau sekiranya mereka itu diketahui, mereka itu disisih langsung daripada masyarakat. Oleh kerana itu pada masa ini Kementerian Kesihatan masih terus mahu merahsiakan biodata individu-individu yang terkena penyakit tersebut. Walau bagaimanapun, kita sentiasa ada "counselling sessions" dengan orang-orang yang terkena penyakit tersebut dan orang-orang yang mempunyai HIV.

Mengenai dengan pelacuran, saya ingin membetulkan kenyataan Yang Berhormat kata, saya tahu siapa pelacur. Sebenarnya ini ialah salah, sebenarnya ini adalah cara kita mencari, sebenarnya mereka inilah yang datang untuk mendapat perubatan ataupun perkhidmatan daripada kita selepas mereka mengesyaki mereka terkena penyakit tersebut. Dan dalam proses kita kaunseling mereka itu, kita terpaksa bertanya adakah mereka ini terdiri daripada satu profesyen ataupun sebaliknya dan kerap kali mereka menceritakan latar belakang mereka itu dan diantara mereka yang kita dapat tahu ada juga yang menjadi pelacur. Oleh kerana itulah maka kita

mengenal pasti mereka ini sebagai high risk groups.

Walaupun pada umumnya kita faham benar bahawa dasar Kerajaan pada ketika ini masih lagi tetap dengan mengharamkan pelacuran tetapi seperti yang tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat maklum, this is the oldest profession dan sukar sekali untuk kita menghapuskannya. Tetapi selagi mereka ini menjadi high risk groups, Kementerian Kesihatan akan menasihati mereka secara sukarela untuk datang menentukan adakah mereka itu terkena penyakit ataupun pembawa penyakit sebab ia terlalu bahaya. Jika pelanggan-pelanggan mereka itu tidak pergi kepada mereka tentu sekali tidak ada pelacur tetapi pelanggan itulah sendiri kadang-kadang mendedahkan diri mereka kepada bahaya penyakit itu dengan mengadakan perhubungan sejenis yang dimaksudkan itu.

Jadi, saya tidak bertujuan untuk lanjut lagi berkenaan hal ini, memadailah kita katakan, kita hanya mengenal pasti the high risk groups sahaja.

ORANG UTAN—MASKOT NEGARA

7. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) tidakkah ada "MASKOT" negara selain daripada orang utan, kerana ada orang berpendapat bahawa orang utan ini menunjukkan Malaysia ialah negara yang masih penuh dengan hutan rimba dan setengah-tengah pelancong dari Eropah takut hendak datang melawat ke sini; dan
- (b) setakat mana pula kawasan pelancongan yang "natural" didirikan di negeri-negeri dalam Malaysia serta kemudahan-kemudahan yang setimpal

dengan taraf pelancong yang datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memutuskan orang utan untuk dijadikan Maskot Negara dan tidak memilih haiwan lain kerana berdasarkan kepada beberapa keistimewaan yang terdapat pada haiwan tersebut, berbanding dengan haiwan-haiwan yang lain yang boleh didapati di negara ini.

Haiwan orang utan mempunyai keistimewaan sebagai:

- (1) Haiwan yang boleh dianggap paling cerdas dan mudah ditunjuk ajar berbanding dengan haiwan-haiwan lain;
- (2) Haiwan orang utan ini boleh didapati di Malaysia iaitu di Sabah dan Sarawak dan di Sumatra, Indonesia, sahaja.
- (3) Nama orang utan itu sendiri menunjukkan keasliannya di mana perkataan orang utan adalah perkataan Melayu yang telah diterima di seluruh dunia, dan
- (4) Mengambil orang utan sebagai Maskot Negara menandakan Malaysia amat mengambil berat tentang pemeliharaan hidupan liar.

Berhubung dengan tanggapan mengaitkan Maskot Negara, orang utan dengan keadaan Malaysia yang masih penuh dengan hutan rimba dan menakutkan setengah-setengah pelancong dari Eropah adalah kurang tepat, malahan hutan rimba tropika yang terdapat di Malaysia sebenarnya adalah menjadi kegemaran ramai pelancong-pelancong asing.

Pihak Kerajaan dengan kerjasama daripada berbagai pihak sentiasa berusaha memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia dengan memberi

perhatian dan penonjolan kepada beberapa aspek menarik di bidang-bidang politik antarabangsa, ekonomi, sosial kebudayaan dan sukan.

Usaha menganjurkan Sukan SEA yang telah lalu dan Persidangan CHOGM adalah di antara langkah-langkah yang dapat menarik perhatian dunia tentang Malaysia sebagai sebuah negara yang menarik untuk dilawati dan bukannya sebuah negara yang manakutkan.

Kementerian ini telah pun memaklumkan semua Kerajaan-kerajaan Negeri tentang perlunya dipelihara alam persekitaran semula jadi negeri ini apabila Kerajaan-kerajaan Negeri hendak membangunkan satu-satu kawasan tarikan pelancongan.

Di samping itu Kementerian ini juga telah memaklumkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat menentukan sesebuah pusat pelancongan itu sama ada bertaraf tempatan ataupun bertaraf antarabangsa dengan tujuan untuk menentukan taraf dan jenis kemudahan asas pelancongan yang perlu disediakan di kawasan-kawasan berkenaan.

Adalah diperhatikan setakat ini kebanyakan pusat-pusat pelancongan didirikan di negeri-negeri terutama projek-projek baru telah mengambil kira unsur-unsur semula jadi sama ada dari aspek pemeliharaan alam semula jadi, pemeliharaan tinggalan-tinggalan sejarah dan senibina bangunan yang melambangkan unsur-unsur senibina Malaysia.

Mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan di pusat-pusat tarikan pelancongan di negeri-negeri, adalah didapati pada keseluruhannya mencukupi berdasarkan keperluan kepada pengunjung yang mengunjungi kawasan-kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 32 adalah diberi dibawah ini).

KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN

8. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan apakah sudah pelaksanaan pelajaran Al-Quran kepada kanak-kanak dari peruntukan 20 juta ringgit yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Kalau sudah apakah bentuknya dan berapa ramai guru-guru yang terlibat dan jumlah murid-muridnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Rancangan Kelas Quran dan Fardu Ain Kanak-kanak yang dimaksudkan itu dijangka akan dilaksana pada awal semester persekolahan tahun 1990. Rancangan ini sebenarnya merupakan bantuan kepada pihak-pihak berkuasa agama Islam negeri bagi memperluaskan kelas-kelas Al-Quran dan Fardu Ain yang sedia ada dijalankan di tiap-tiap negeri. Guru-guru akan dipilih dan dilantik oleh pihak berkuasa agama Islam negeri sebagai tambahan kepada guru-guru yang sedia ada. Bilangan guru dan jumlah murid yang terlibat belum dapat dinyatakan setakat ini.

GERAKAN DAKWAH

9. Puan Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan selama ini telah banyak dibelanjakan wang ringgit untuk "DAKWAH". Sejauh manakah kejayaannya dapat disukat. Sehubungan dengan ini adakah kerajaan bercadang mewujudkan sebuah "INSTITUT KAJIAN DAKWAH".

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Gerakan Dakwah dilaksanakan bukan sahaja oleh Kerajaan tetapi juga oleh orang-orang perseorangan, institusi-institusi pelajaran dan badan-badan dakwah bukan kerajaan secara berterusan. Oleh itu, kejayaan dalam bidang dakwah adalah hasil bersama yang sukar diukur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan Institut Kajian Dakwah pada masa ini.

KAWASAN ZON BEBAS CUKAI

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdulah minta Menteri Kewangan menyatakan sejak pelaksanaan kawasan zon bebas cukai di beberapa tempat di negara ini diperkenalkan, apakah masalah-masalah besar yang telah dapat diatasi dan apakah kesulitan-kesulitan yang menghalang keberkesanan pelaksanaan zon yang berkenaan. Sila nyatakan perkembangan dan kemajuan serta masalah yang berbangkit daripada pelaksanaan zon bebas cukai di Pengkalan Kubor, Kelantan dan feri Pengkalan Kubor—Tak Bai.

Dato' Loke Yuen Yow: Soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas. Sekiranya apa yang dimaksudkan dengan kawasan zon bebas ialah Zon Perdagangan Bebas, Kerajaan mendapati tidak ada masalah besar yang dihadapi kerana kawasan ini adalah ditubuhkan di bawah Akta Zon Perdagangan Bebas 1971 dan dikawal dengan peraturan-peraturan tertentu.

Walau bagaimanapun, sekiranya zon bebas cukai yang dimaksudkan adalah bersamaan dengan zon bebas cukai yang telah diumumkan bagi Pengkalan Kubor, buat masa ini Kerajaan tidak dapat menyatakan apakah masalah yang akan timbul atau berbangkit kerana zon ini belum lagi beroperasi.

Atas permohonan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, Y.B. Menteri Kewangan telah bersetuju menubuhkan satu kawasan lebihkurang 4 ekar di Pekan Pengkalan Kubor sebagai zon bebas cukai yang akan dipertanggungjawabkan dan dikendalikan oleh Majlis Daerah Tumpat. Kawasan yang dimaksudkan itu telah pun dipagar dan mempunyai beberapa pintu keluar/masuk untuk kemudahan pengguna kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, untuk maksud operasi kawasan ini, hanya 2 buah pintu keluar/masuk akan dibuka. Lebih daripada 30 buah kedai yang akan digunakan oleh peniaga-peniaga telah dibina di dalam kawasan tersebut. Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat untuk membuka zon bebas cukai secepat mungkin tetapi telah terpaksa menangguh beberapa kali tarikh pembukaannya oleh kerana beberapa masalah dari segi pembinaan kawasan. Adalah dicadangkan bahawa zon bebas cukai ini diisytiharkan dan diwartakan di bawah Akta Zon Bebas 1989 yang masih belum diluluskan oleh Parlimen. Rang Akta ini dijangka akan dibincang dan diluluskan oleh Parlimen di dalam persidangan bulan Oktober ini.

Berhubung dengan feri Pengkalan Kubor—Tak Bai, Kerajaan juga tidak dapat menyatakan masalah yang akan berbangkit kerana ianya belum beroperasi.

AKTA PELAJARAN-~~KAJIAN~~

11. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terbaru berhubung dengan kajian yang dilakukan oleh Kementeriannya ke atas Akta Pelajaran yang sedia ada dan bilakah pihak Kerajaan akan membentangkan di Dewan Rakyat suatu Akta Pendidikan yang baru ataupun suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pelajaran sekarang; sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk membentuk jawatankuasa terpilih

untuk mendapat maklumbalas daripada rakyat di seluruh negara sebelum Akta yang baru ataupun pindaan baru diluluskan di Dewan Rakyat; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan adalah masih di peringkat pengubalan. Ia akan dibentangkan di Dewan Rakyat setelah Rang Undang-undang mengenainya telah disempurnakan dan diteliti oleh tiap-tiap pihak yang berkenaan dengan pengubalan sesuatu Rang Undang-undang.

Pandangan orang ramai telah diperolehi melalui usul-usul dan memorandum-memorandum yang telah diterima daripada berbagai pertubuhan awam dan politik dan melalui pendapat-pendapat yang disiarkan dalam media massa.

Pandangan-pandangan ini telah diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh itu tidaklah perlu ditubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi tujuan mendapat lagi pandangan orang ramai.

KADAR INFLASI

12. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar inflasi bagi negara kita dalam 10 bulan pertama tahun ini jika dibandingkan dengan kadar bagi tempoh yang sama tahun lalu. Berapakah pula pertumbuhan ekonomi bagi 10 bulan pertama tahun ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar inflasi bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 1989 belum lagi diperolehi. Kadar inflasi bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1989 ialah 3.2 peratus berbanding dengan kadar 2 peratus dalam tempoh yang sama tahun 1989. Bagi kadar pertumbuhan

ekonomi pula, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersabar kerana data-data tersebut akan diumumkan semasa saya membentangkan Belanjawan 1990 pada 27 Oktober 1989 nanti.

PERSIDANGAN CHOGM DI KUALA LUMPUR

13. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapa buah negarakah yang akan menyertai Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur pada 18-24 Oktober 1989;
- (b) dari segi keselamatan, adakah Kerajaan telah merasakan cukup berpuas hati bagi menjamin supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini semasa CHOGM diadakan;
- (c) adakah negara Pakistan ber-setuju untuk turut bersama di persidangan ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) Sebanyak empat puluh tujuh (47) buah negara Komanwel akan menyertai Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Malaysia pada 18 hingga 24 Oktober ini, termasuk Setiausaha Agung Komanwel Sir Shridath Rampal. Hanya sebuah negara sahaja yang tidak menyertai Mesyuarat ini kerana sebab-sebab dalam negeri, iaitu Dominica dari Rantau Karibbean.

Di antara negara-negara Komanwel tersebut, tiga puluh empat (34) negara akan diwakili oleh Ketua-Ketua Kerajaan sendiri, seorang Setiausaha Agung dan sebelas (11) buah negara akan menghantar wakil-wakil mereka.

- (b) Kerajaan berasa cukup puashati dengan segala persiapan keselamatan yang dibuat. Persediaan-persediaan keselamatan telah lama dirancang dan Kerajaan telah mendapat kerjasama daripada agensi-agensi keselamatan negara-negara sahabat serta juga Interpol.
- (c) Negara Pakistan akan menghadiri Mesyuarat CHOGM di Malaysia ini dan Perdana Menteri, iaitu Puan Benazir Bhutto sendiri akan mengahadirinya.

PEMBELIAN SENJATA DARI BRITAIN

14. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bahawa perjanjian pembelian senjata dari Britain yang melibatkan lebih 4 billion ringgit dikaji untuk dibatalkan memandangkan ia tidak disenangi oleh rakyat; dan
- (b) selain dari harga senjata itu, berapakah perbelanjaan mengurus dan lain-lain keperluan jika pembelian itu tidak dibatalkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):

- (a) Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun dijawab beberapa kali di Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lepas. Walau bagaimanapun biarlah saya jelaskan sekali lagi iaitu Kerajaan tidak membuat perjanjian pembelian senjata dari Negara Britain sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi hanyalah satu me-

morandum persefahaman. Melalui persefahaman ini Kerajaan masih belum terikat dengan apa-apa perjanjian membeli senjata dari Britain dan Kerajaan masih boleh membuat pilihan untuk membeli peralatan pertahanan mengikut kesesuaian yang diperlukan oleh Negara dari mana-mana negara lain. Walau bagaimanapun Kerajaan belum bercadang membatalkan memorandum persefahaman yang telah dibuat itu kerana memorandum tersebut memberi manfaat kepada kepentingan rakyat dan Negara.

- (b) Oleh kerana keputusan pembelian belum lagi dibuat maka soal belanja belum timbul lagi sekarang.

MELUPUSKAN HUTANG KEPADA NEGARA MISKIN

15. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Luar Negeri menyatakan semasa di Belgrade baru-baru ini:

- (a) apakah yang mendorong Perdana Menteri menyarankan agar negara-negara maju dan kaya melupuskan hutang yang telah mereka berikan kepada negara-negara miskin;
- (b) adakah Malaysia menyediakan satu format/skim khas bagaimana hutang ini boleh dipupuskan. Bagaimanakah sambutan negara-negara miskin dan juga negara-negara kaya kepada seruan ini; dan
- (c) berapakah jumlah hutang dalam dan luar Malaysia setakat ini. Sila berikan jumlah hutang tersebut dan yang dengan negara-negara maju. Berapakah peruntukan tahunan kita untuk menjelaskan hutang tersebut.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

(a) Masalah hutang antarabangsa bukan sahaja akan mengancam sistem dan suasana kewangan antarabangsa bahkan akan mengancam kestabilan negara-negara yang menghadapi masalah hutang itu. Seruan YAB Perdana Menteri supaya negara-negara maju dan kaya menimbangkan kemungkinan melupuskan sebahagian atau sepenuhnya hutang-hutang setengah negara yang menghadapi masalah hutang yang serius telah dibuat memandangkan ini benar-benar tidak mendapat membayar balik hutang mereka itu. Negara-negara peminjam perlulah membantu negara-negara miskin untuk mengatasi masalah hutang mereka dan satu daripada cara-caranya sebagaimana disyorkan oleh Perdana Menteri ialah pelupusan sebahagian atau sepenuhnya hutang-hutang negara-negara itu.

(b) Seruan YAB Perdana Menteri kita di Belgrade telah mendapat sambutan yang baik di kalangan negara-negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Kini terpulanglah kepada negara-negara peminjam untuk menimbangkan syor YAB Perdana Menteri itu. Negara-negara peminjam perlulah mengadakan rundingan dengan negara-negara yang menghadapi masalah hutang itu, untuk mencari jalan mengatasi masalah hutang.

(c) Hutang negara kita adalah seperti berikut:

Dalam Negeri ..	\$66.1 billion
Luar Negeri ..	\$23.6 billion
	<hr/>
	\$89.7 billion

Hutang kepada negara-negara maju, antara lain ialah:

Amerika Syarikat	\$8165 juta
Jepun	\$6815 juta
Jerman Barat: ..	\$2504 juta
Switzerland ..	\$1211 juta
United Kingdom	\$ 431 juta
Perancis	\$ 412 juta

Peruntukan kita untuk membayar hutang ini ialah:

Pokok (dalam negeri 1988)	\$12,209 juta
Pokok (luar negeri 1988)	\$ 5,355 juta
Faedah (dalam negeri 1988)	\$ 4,179 juta
Faedah (luar negeri 1988)	\$ 2,010 juta

Pembayaran pokok dan faedah ini termasuklah pra-bayaran (prepayment).

FERI MALAYSIA—KERUGIAN

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan berapakah kerugian yang dialami semajak pelancaran Cruise Muhibbah pada tahun 1986. Apakah yang menyebabkan kerugian tersebut dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini, dan sama ada Cruise Muhibbah sudah mencapai matlamat utamanya dalam memupuk integrasi nasional.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sehingga 31 Januari 1989, kerugian terkumpul yang dialami oleh Feri Malaysia adalah sebanyak \$7.8 juta.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kerugian Feri Malaysia adalah seperti berikut:

(i) jumlah penumpang dan kargo yang menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia adalah

kurang daripada yang dijangka-kan;

- (ii) kekerapan berlakunya kerosakan kapal Feri Malaysia telah mengakibatkan kos yang tinggi untuk memperbaiki kapal feri serta lain-lain kos yang terlibat; dan
- (iii) kos penyelenggaraan yang tinggi.

Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, pihak pengurusan Feri Malaysia telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) berusaha menarik lebih ramai orang awam menggunakan perkhidmatan ini di samping mengangkut lebih banyak kargo;
- (ii) mengadakan pelayaran-pelayaran khas ke destinasi-destinasi yang menarik di samping mengekalkan perkhidmatan yang berjadual;
- (iii) mengemaskinkan senggaraan dan peraturan terhadap kapal Feri Malaysia untuk mengelak daripada berlakunya kerosakan-kerosakan yang tidak diingini; dan
- (iv) mengurangkan jumlah tenaga kerja di atas kapal supaya sejajar dengan bilangan penumpang yang dibawanya.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kejayaan pencapaian matlamat integrasi nasional tidak mudah diukur kerana proses ini memakan masa yang lama dan ianya juga dipengaruhi oleh beberapa faktor. Feri Malaysia cuma merupakan satu daripada berbagai strategi Kerajaan untuk mempercepatkan proses integrasi nasional. Oleh itu, sunguhpun pengurusan Feri Malaysia sentiasa berusaha mengadakan berbagai cara promosi untuk meningkatkan integrasi nasional, namun kejayaannya memerlukan dorongan,

sambutan, kebijaksanaan pelaksanaan dan penyertaan semua rakyat negara ini.

Sebagai usaha untuk menjayakan projek ini, Feri Ma'aysia sentiasa bersedia memberikan potongan tambang kepada kumpulan penumpang yang mengadakan rancangan-rancangan untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Selain daripada itu pihak Feri Malaysia sendiri sentiasa berusaha mewujudkan suasana yang mendorong ke arah integrasi nasional di atas kapal melalui cara-cara berikut:

- (i) menggalakkan penumpang-penumpang bergaul di antara satu sama lain melalui penyertaan dalam permainan dan pertandingan di atas dek;
- (ii) mengadakan persembahan kebudayaan;
- (iii) mempamerkan karya-karya yang bercorak kebudayaan dan perpaduan.

TANAH SAWAH TERBIAR

17. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kemajuan yang dicapai dalam penggunaan tanah-tanah terbiar di seluruh negara sehingga ini. Jelaskan dari segi penggunaannya dan pihak-pihak yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Sehingga kini seluas 221,658 hektar tanah terbiar telah dimajukan melalui program-program pemulihan dan penyatuan tanah. Ini meliputi 76,847 hektar tanaman getah, 131,052 hektar tanaman kelapa sawit, 6,713 hektar tanaman padi, 7,046 hektar tanaman koko.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, seluas 53,546.8 hektar tanah sawah

terbiar telah dimajukan dengan tanaman padi. Manakala seluas 4,203 hektar lagi tanah terbiar ditanam dengan tanaman-tanaman lain seperti buah-buahan, jagung, pisang, sayur-sayuran, tanaman kontan dan ternakan air. Oleh itu, pada keseluruhannya tanah-tanah terbiar yang telah dimaju dan digunakan sehingga kini ialah seluas 279,407.8 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat, 2 agensi utama yang terlibat dalam memajukan tanah-tanah terbiar ini ialah FELCRA dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Di samping itu, agensi-agensi lain seperti MADA dan KADA, Jabatan Pertanian, siswazah, badan-badan belia dan pihak swasta juga turut terlibat memajukan tanah-tanah terbiar.

PASARAN TUNGGAL EROPAH

18. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan akan tertumbuhnya satu pasaran tunggal di Negara Eropah selepas tahun 1992, apakah yang akan menjadi implikasi kepada:

- (i) industri-industri kecil dan sederhana di dalam negara ini;
- (ii) pelaburan-pelaburan rakyat Eropah di Malaysia; dan
- (iii) sama ada pertambahan-pertambahan dalam perdagangan intra masyarakat Eropah akan menggugat perdagangan mereka dengan Malaysia;

dan apakah langkah-langkah yang Kementerian ini akan ambil bagi memastikan bahawa negara Malaysia tidak akan tergugat apabila pasaran Eropah tunggal ini wujud.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa berhubung dengan soalan (i), iaitu

berkenaan implikasi "pasaran tunggal Eropah" terhadap industri-industri kecil dan sederhana di Malaysia adalah sentiasa dikaji oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kajian awal menunjukkan bahawa penwujudan satu pasaran tunggal di Eropah selepas 1992 akan menimbulkan beberapa kemungkinan yang baik dan kemungkinan tidak baik bagi industri kecil dan sederhana di negara ini. Misalnya, kemungkinan baik ialah industri kecil dan sederhana akan merasa mudah untuk memasarkan barang-barang mereka jika adanya undang-undang, piawaian barang-barang dan sistem kuota yang seragam di Eropah. Sebaliknya, kemungkinan yang tidak baik ialah jika kuota dan piawaian yang diwujudkan adalah ketat yang akan menyebabkan lebih sukar industri kecil dan sederhana di Malaysia bersaing di pasaran itu.

Mengenai soalan (ii), saya ingin memaklumkan bahawa penwujudan satu pasaran tunggal di Eropah selepas 1992 berkemungkinan tidak akan membawa apa-apa implikasi besar ke atas pelaburan dari negara-negara Eropah. Ini adalah kerana keputusan untuk melabur di Malaysia adalah berasaskan iklim pelaburan yang menarik di Malaysia seperti kestabilan politik, kemudahan infrastruktur yang baik dan kewujudan sumber-sumber bahan mentah.

Mengenai soalan (iii), saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pertambahan-pertambahan dalam perdagangan intra masyarakat Eropah tidak akan menggugat perdagangan mereka dengan Malaysia. Eksport barangan Malaysia ke Eropah akan terus meningkat kerana kesatuan ekonomi Eropah akan memerlukan barang-barang komponen dan juga komoditi dari Malaysia. Di samping itu, adalah dijangka dengan pertambahan-pertambahan dalam perdagangan intra

masyarakat Eropah akan mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah. Dengan pertumbuhan ekonomi tersebut akan mempertingkatkan permintaan untuk barangan-barangan buatan Malaysia.

Langkah-langkah sedang dan akan diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memastikan bahawa negara Malaysia tidak akan tergugat apabila "Pasaran Tunggal Eropah" ini wujud. Di antaranya ialah:

- (a) mengaturkan rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah;
- (b) menggalakkan pengeksporth-pengeksporth negara mengambil bahagian di dalam pameran-pameran perdagangan diadakan di Eropah;
- (c) menganjurkan beberapa seminar bertujuan mengubahsuaikan strategi pemasaran pengeksporth-pengeksporthan Malaysia ke arah menghadapi cabaran "Pasaran Tunggal Eropah";
- (d) menjalankan usaha-usaha promosi secara lebih agresif untuk menarik lebih banyak pelaburan dari negara-negara Eropah ke negara Malaysia;
- (e) mengkaji dari masa ke semasa insentif-insentif untuk menarik pelaburan-pelaburan dari negara-negara Eropah;
- (f) memberi penerangan-penerangan, nasihat-nasihat dan bantuan-bantuan yang sesuai kepada industri kecil dan sederhana di negara ini terutamanya mengenai kuota, mutu dan perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara Eropah.

Sektor swasta adalah sentiasa digesa oleh pihak Kementerian Perdagangan

dan Perindustrian supaya lebih "flexible" terhadap perubahan yang sedang dan akan berlaku di Kesatuan Ekonomi Eropah. Kaedah pemasaran mereka perlu diubahsuai untuk memenuhi kehendak pasaran yang bersifat dinamik yang akan berlaku selepas tahun 1992.

CUKAI PERJUDIAN

19. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah kutipan cukai bagi tiap-tiap jenis perjudian yang berlesen dalam tahun 1987, 1988 dan hingga September 1989.
- (b) berapakah cukai dijangka hilang bagi perjudian yang tidak berlesen bagi tahun 1987, 1988 dan hingga September 1989.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai bagi tiap-tiap jenis perjudian yang dilesenkan dalam tahun 1987 hingga September 1989 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Hasil</i>
1987.. .. .	\$349.7 juta
1988.. .. .	\$336.4 juta
1989 (sehingga September)	\$303.4 juta

- (b) Kementerian Kewangan tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah cukai yang dijangka hilang bagi perjudian yang tidak dilesenkan.

PENGGALAN TENTERA AMERIKA DI SINGAPURA

20. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Kerajaan sudah menerima

reaksi Kerajaan Singapura mengenai bantahan rakyat Malaysia, mengenai cadangan penempatan Pengkalan, Tentera Amerika di Singapura. Apakah lawatan Naib Presiden Amerika dan Quayle ke negara kita ada hubungan dengan isu tersebut.

30-10-89

22. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan Negara berkenaan dengan tawaran Singapura untuk membenarkan kemudahan tentera kepada Amerika Syarikat.

30-10-89

25. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertahanan menyatakan pendirian sebenar kerajaan dan negara-negara ASEAN yang lain terhadap tawaran Kerajaan Singapura untuk memberikan kemudahan-kemudahan ketenteraan kepada Amerika Syarikat yang merupakan satu penyelewengan dari konsep ZOPFAN. Adakah pendirian Malaysia telah diberitahu secara rasmi kepada Singapura dan apa pula reaksi republik itu.

19-10-89

29. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil oleh Malaysia sekiranya Singapura masih terus membenarkan negaranya digunakan sebagai pengkalan kecil tentera Amerika Syarikat bagi mengadakan kemudahan-kemudahan ketenteraan;
- (b) butir-butir lanjut mengenai tawaran tersebut dan sebab-sebab; dan
- (c) sama ada beliau boleh memberikan jaminan bahawa Malaysia tidak akan menawarkan diri sebagai pengkalan kecil tentera untuk mana-mana negara.

23-10-89

7. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan lanjut mengenai hasrat negara Singapura untuk menempatkan alat-alat kelengkapan Amerika Syarikat di negara itu.

31-10-89

11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah menduga bahawa Amerika dan Singapura telah mengadakan muafakat untuk menjadikan Singapura sebagai pengkalan tentera Amerika sebelum perkara itu diberi tahu secara rasmi oleh Kerajaan Singapura;
- (b) setakat ini apakah maklumat yang disampaikan oleh Singapura berhubung dengan pengkalan itu dan apakah reaksi Kerajaan terhadapnya;
- (c) adakah rancangan mengalihkan pengkalan Amerika ke Singapura itu disebabkan kurangnya kempen dari pentadbiran negara sekarang terhadap mengekalkan Asia Pasifik sebagai rantau berkecuali; dan
- (d) bersetujukah Yang Berhormat Menteri bahawa beban hutang yang ditanggung oleh Kerajaan mempengaruhi sikap Kerajaan yang tidak begitu lantang menolak rancangan Amerika menjadikan Singapura sebagai pengkalan barunya.

6-11-89

12. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantah sikap Kerajaan Singapura yang baru-baru ini bercadang untuk menawarkan kemudahan kepada pihak Amerika

Syarikat membina sebuah pengkalan tentera udara di negara tersebut. Adakah cadangan pembinaan pengkalan tentera udara sebuah kuasa besar di negara tersebut bercanggah dengan dasar ZOPFAN ASEAN yang juga dianggotai oleh Singapura.

8-11-89

27. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap tawaran Singapura baru-baru ini kepada Amerika Syarikat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan militer Singapura; adakah ini bercanggah dengan konsep Bebas, Aman dan Berkecuali (ZOPFAN) yang diamalkan oleh ASEAN di rantau ini; memandangkan Indonesia, Thailand, Brunei dan Filipina mempunyai pemikiran yang berlainan bersabit dengan perkara ini, apakah langkah yang diambil oleh Malaysia supaya rundingan dibuat supaya ada kata sepakat diterima oleh semua anggota ASEAN dalam perkara ini.

10-11-89

10. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi Negara-negara ASEAN khususnya Malaysia mengenai hasrat Kerajaan Singapura memberi kebenaran kepada Amerika Syarikat menempatkan kelengkapan ketenteraannya di Republik itu. Sejauh mana ia akan menjejaskan perjanjian tahun 1971 yang menjadikan rantau ini sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali itu.

14-11-89

7. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan di atas rancangan Pengunduran Pengkalan Tentera Amerika dari negara anggota ASEAN dan seterusnya penubuhan Pengkalan Tentera Amerika di negara anggota ASEAN yang lain. Sejauh manakah peranan Malaysia dalam penentuan

sikap dan Dasar Negara tersebut sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN.

11-12-89

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keadaan sekarang berkenaan Negara Singapura membenarkan Amerika Syarikat untuk membina taraf tentera di negaranya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Dengan izin, saya memohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Bukit Bintang pada 18-10-89, Kota Melaka pada 19-10-89, Semporna pada 23-10-89, Pengkalan Chepa pada 31-10-89, Kota Setar pada 6-11-89, Bukit Mas pada 8-11-89, Balik Pulau pada 10-11-89, Pagoh pada 14-11-89 dan Bukit Bendera pada 11-12-89 yang semuanya berkisar kepada perkara yang sama, iaitu tawaran Singapura untuk menjadi tuan rumah kepada kemudahan-kemudahan ketenteraan Amerika Syarikat.

Malaysia telah diberitahu oleh Kementerian Luar Negeri Singapura akan lawatan sepasukan peninjau teknikal Amerika Syarikat pada bulan Jun, 1989 untuk memastikan kemudahan-kemudahan tentera laut dan udara yang boleh digunakan oleh pihak tentera Amerika Syarikat. Kementerian Luar Negeri Singapura turut juga memaklumkan bahawa tawaran Singapura ini dibuat bertujuan untuk mengekalkan kehadiran Amerika Syarikat di rantau ini memandangkan pihak Amerika Syarikat mungkin menghadapi kesulitan untuk melanjutkan tempoh perjanjian pengkalan-pengkalnya di Filipina apabila perjanjian yang berkaitan tamat dalam tahun 1991. Juga dinyatakan bahawa tawaran Singapura itu mungkin dapat membantu Amerika Syarikat dalam rundingan-rundingannya dengan Filipina. Oleh hal yang demikian, pada

awalnya tidaklah ada apa perundingan di antara Malaysia dan Singapura mengenai tawaran itu. Tindakan Singapura merupakan pemberitahuan semata-mata.

Pendirian Malaysia mengenai tawaran ini adalah jelas seperti yang telah diumumkan. Malaysia tidak bersetuju kepada penubuhan suatu pengkalan tentera Amerika Syarikat yang baru di Singapura. Pendirian Malaysia adalah berasaskan kepada komitmen negara ini bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk mewujudkan suatu kawasan yang Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di rantau ini apabila perkembangan-perkembangan di rantau ini mengizinkan kepada pencapaian hasrat ini. Pertama, ASEAN telah bersetuju bagi pencapaian matlamat itu, pengkalan-pengkalan yang ada dianggap sementara, yang tentunya akan ditutup bilamana matlamat itu tercapai. Oleh itu, penubuhan satu pengkalan baru adalah bercanggah dengan persetujuan bersama kita dan ia mungkin menjejaskan "credibility" ASEAN di kacamata dunia luar.

Kedua, sebarang tambahan kepada jumlah pengkalan-pengkalan Amerika Syarikat daripada yang sedia ada di Filipina akan mengakibatkan Soviet Union terus mengekalkan pengkalan-pengkalnya di Vietnam. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya tawaran Singapura itu tidak melibatkan penempatan tetap anggota-anggota tentera Amerika Syarikat di Singapura dan hanya semata-mata bertujuan untuk menawarkan kemudahan-kemudahan servis dan bekalan yang terdapat di negara itu untuk kegunaan menyelenggara kapal-kapal laut dan pesawat tentera Amerika Syarikat sahaja. Singapura pada masa yang lalu pernah memberikan perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini.

Pendirian Malaysia ini telah dimaklumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri kepada Perdana Menteri Singapura di Brunei Darussalam dan kepada Naib Presiden Amerika Syarikat semasa lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Naib Presiden Amerika Syarikat itu telah memaklumkan kepada Y.A.B. Perdana Menteri bahawa Amerika Syarikat berminat untuk menggunakan Singapura hanya sebagai tempat penyelenggaraan kapal-kapal laut dan pesawat udara yang dibuat secara bergilir (rotational basis). Justeru itu, adalah jelas bahawa Amerika Syarikat pada masa ini tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah pengkalan tentera di Singapura. Kita telah diberitahu bahawa Amerika Syarikat adalah peka kepada perasaan negara-negara jiran Singapura seperti Malaysia dan Indonesia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Indonesia juga telah menyuarakan pendapat yang sama dengan Malaysia.

PERMIT TEKSI—PERMOHONAN

21. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapa banyak persatuan, syarikat dan individu yang memohon permit teksi di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan kawasan sekitarnya baru-baru ini;
- (b) berapa banyak syarikat dan individu serta persatuan yang diluluskan permohonan permit teksi setakat ini dan berapa banyak lagi permit yang akan dikeluarkan;
- (c) jika keputusan memproses permohonan dari syarikat akan diteruskan, adakah Kementerian akan memberi keutamaan atau pengecualian kepada pemandu teksi berpengalaman dan mereka yang

pernah berkhidmat dalam angkatan tentera; dan

- (d) sama ada beliau bersetuju bahawa jika permit teksi hanya dikeluarkan kepada pemandu-pemandu individu yang akan membantu mengurangkan kecenderongan perniagaan Ali-Baba yang tidak sihat.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan yang diterima adalah seperti berikut:

Individu	7,220
Persatuan	40
Syarikat	578

- (b) Sehingga ini sebanyak 200 lesen telah diluluskan kepada sebuah syarikat.
- (c) Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian saya memberi keutamaan kepada bekas-bekas tentera dan Polis dan juga pemandu-pemandu teksi yang berpengalaman untuk mendapatkan lesen teksi dengan syarat mereka menubuhkan syarikat.
- (d) Berkaitan dengan pemberian lesen-lesen kepada individu, saya tidak bersetuju dengan pandangan tersebut bahawa ianya akan mengurangkan perniagaan Ali-Baba.

KERETAPI TANAH MELAYU-KERETAPI THAI—PERJANJIAN KERJASAMA

22. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan Perjanjian Keretapi yang wujud sekarang antara Keretapi Tanah Melayu dan Keretapi Thai adalah memihak kepada Keretapi Thai

di mana KTM membuat bayaran bulanan kepada Keretapi Thai kerana menggunakan perkhidmatannya dari Butterworth ke Bangkok, bilakah Kerajaan bercadang mengkaji semula terma-terma dan membetulkan keadaan; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Perjanjian yang wujud sekarang di antara Keretapi Tanah Melayu (KTM) dengan State Railways of Thailand (SRT) adalah perjanjian kerjasama yang tidak memihak kepada mana-mana pihak.

Terma-terma perjanjian tersebut adalah terang dan jelas. KTM akan membayar sewa (hire charges) kepada SRT mengikut kadar tertentu berdasarkan kepada setiap axle bagi setiap kilometer untuk setiap koc ataupun gerabak SRT yang masuk ke negara ini dari Padang Besar ke mana-mana stesen destinasi di Semenanjung Malaysia. Sewa (hire charges) yang sama akan dibayar oleh SRT kepada KTM apabila koc atau gerabak KTM memasuki negara Thai melalui Padang Besar ke mana-mana stesen destinasi di negara Thai.

Dalam hubungan ini KTM membayar sewa (hire charges) kepada SRT bagi tren Ekspres Antarabangsa dari Padang Besar ke Butterworth manakala KTM mengutip tambang-tambang bagi penumpang dari Butterworth ke Padang Besar.

Keadaan ini akan berterusan sehingga KTM memperoleh kockoc secukup untuk mengendalikan Perkhidmatan Ekspres Antarabangsa dengan menggunakan stokereta KTM untuk laluan di antara Padang Besar hingga Butterworth.

PENJENAYAH KOLAR PUTIH

23. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimana penjenayah-penjenayah kolar putih seperti

Abdullah Ang, Tee Aun Chuan dan lain-lain dapat menikmati keistimewaan-keistimewaan yang harus dinafikan kepada seseorang banduan seperti mereka yang menjalani hukuman penjara, termasuk penikmatan kebebasan bergerak keluar dari penjara dan menjalankan urusan perniagaan sendiri sepertimana dalam kes Abdullah Ang dan apakah jenis keistimewaan-keistimewaan itu;

- (b) adakah keistimewaan-keistimewaan seumpama ini telah dinikmati oleh pemimpin-pemimpin MCA yang telah menjalani hukuman penjara kerana melakukan kesalahan jenayah seperti tipu, pecah amanah dan lain-lain jika ya, apakah jenis keistimewaan-keistimewaan itu;
- c) atas asas apakah keistimewaan-keistimewaan ini diberi dan tidakkah menunjukkan bahawa Kerajaan seolah-olah tidak menerima hakikat bahawa mereka ini adalah penjenayah; dan
- (d) apa tindakan yang telah diambil ke atas orang-orang yang terlibat dalam pemberian keistimewaan-keistimewaan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Banduan-banduan di dalam penjara hendaklah diberi layanan yang sama rata mengikut undang-undang dan kaedah-kaedah penjara. Jika ada pihak yang memberi layanan yang berlainan maka tindakan tegas akan diambil mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

SUBSIDI HARGA PADI

24. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah rasional pihak LPN menetapkan kadar maksimum

subsidi harga padi kepada paras 17 guni satu relong pada musim 1/89 di kawasan MADA manakala hasil sebenarnya ialah antara 20 hingga 25 guni satu relong dan ini telah menyulitkan para petani apabila buku subsidi mereka ditahan oleh LPN dan mereka terpaksa mengisi borang yang perlu disahkan oleh JKKK dan berulang-alik beberapa kali untuk menyelesaikan masalah mereka; dan

- (b) sama ada Kerajaan sedar bahawa pemotongan basah yang dikenakan oleh LPN terhadap padi yang dijual kepada LPN masih berbeza dengan pemotongan yang dibuat oleh kilang-kilang swasta dan jika sedar apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi isu ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):

- (a) Penetapan anggaran hasil pengeluaran padi mengikut keluasan sawah adalah salah satu di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengawal penyelewengan subsidi harga padi. Anggaran ini dibuat setelah mengadakan perundingan dan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti MADA, KADA, LPP dan Jabatan Pertanian. Anggaran Pengeluaran yang ditetapkan adalah anggaran purata keluaran sehektar bagi sesuatu kawasan dan LPN juga membenarkan 10% variasi (variation) daripada anggaran tersebut. Sebelum musim tuaian bermula petani hanya diminta datang sekali sahaja ke kompleks-kompleks pusat-pusat belian LPN untuk mengemaskini buku daftar pesawah termasuk mengemaskini anggaran hasil keluaran mereka.

Bagi Negeri Kedah terutamanya kawasan MADA, pengeluaran purata padi yang ditetapkan di musim tuaian yang lepas iaitu musim 1/89 ialah 4 hingga 5.5 tan metrik tiap-tiap satu hektar. Setelah mengambilkira variasi yang dibenarkan, maka angka purata ini boleh mencapai 5.5 tan metrik sehektar.

Bagi pengeluaran padi yang melebihi anggaran tersebut, satu siasatan akan dibuat oleh LPN. Tempoh siasatan biasanya memakan masa lebih kurang satu minggu. Pada musim tuaian 1/89 yang lepas di Kedah hanya 2,184 orang petani atau 2.75% sahaja yang mana pengeluaran mereka melebihi anggaran hasil. Setelah disiasat didapati 437 orang petani atau 0.55% yang benar-benar menghasilkan padi sendiri melebihi anggaran yang ditetapkan. Sementara lebihan anggaran hasil bagi seramai 1747 pesawah lagi berlaku atas sebab-sebab berikut:

- (i) Sebahagian dari tanah bendang yang diusahakan tidak didaftarkan dalam buku subsidi;
- (ii) Kesilapan wakil petani memberi maklumat jualan padi petani ke dalam buku subsidi semasa jualan padi;
- (iii) Menjual padi yang diterima hasil dari pemberian zakat ataupun menjual padi milik saudara-mara (padi tumpang).

Dalam tempoh siasatan yang dibuat, petani-petani tidak perlu berulang-alik ke Kompleks-kompleks/Pusat Belian LPN, sebaliknya, pegawai-pegawai LPN yang akan berulang-alik berjumpa petani dan pihak yang berkenaan seperti Pengerusi

JKK atau Ketua Kampong bagi mendapat maklumat dan pengesahan.

- (b) Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat perbezaan kadar potongan di antara kilang swasta dan kompleks LPN. Di dalam penggredan padi, LPN mempunyai peraturan tertentu dan membuat penggredan secara saintifik berasaskan kepada mutu padi yang dibawa oleh petani. Peraturan tersebut tidak boleh diubahsuai mengikut musim atau faktor-faktor lain.

Sebaliknya, kilang-kilang swasta di dalam penggredannya lebih bergantung kepada faktor-faktor selain daripada mutu padi, khususnya kedudukan stok padi di kilangnya dan keadaan pasaran semasa beras serta hasil sampingan. Sekiranya, keadaan pasaran didapati memuaskan dan jualan beras serta hasil sampingan laris, pengilang-pengilang akan berusaha sedaya-upaya mereka untuk mendapatkan seberapa banyak padi yang boleh dan salah satu cara mereka ialah dengan mengenakan kadar potongan yang rendah.

Sekiranya dengan menjual padi kepada kilang swasta, pesawah menikmati bayaran yang lebih, ini bermakna LPN telah mencapai satu daripada objektifnya, iaitu memastikan petani mendapat harga berpatutan dan stabil untuk padi mereka.

PENYAKIT AIDS—KAWALAN

25. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah untuk mengawal penyakit AIDS dari merebak, memandangkan kepada bertambahnya kes AIDS di negara jiran.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah penyakit tersebut daripada merebak di negara ini ialah:

- (1) Memberi maklumat dan pelajaran kesihatan dengan secukupnya kepada orang ramai, kakitangan perubatan dan kesihatan, golongan berisiko tinggi dan juga pesakit AIDS. Kementerian Kesihatan telah pun mengeluarkan 135,000 poster, 582,000 risalah, 250,000 buku kecil dan tiga buah "trailer" mengenai AIDS.
- (2) Mempastikan semua darah yang digunakan adalah selamat. Ini dilakukan dengan beberapa langkah termasuk menubuh 46 buah pusat penapisan darah di seluruh negara untuk menjalankan ujian memastikan semua darah yang didermakan adalah bebas daripada antibodi terhadap kuman virus AIDS.
- (3) Mengguna hanya hasil-hasil darah (blood products) yang telah dirawat dengan bahan panas (heat treated) sahaja. Pembelian ini pula dibuat melalui satu punca sahaja iaitu melalui Pembelian Pusat (Central Purchase).
- (4) Pengawasan melalui undang-undang di mana di bawah Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988, semua bentuk jangkitan virus AIDS perlu diberitahu kepada pihak kesihatan (a notifiable disease). Selain daripada itu, seksyen 12 subseksyen 2 Akta yang sama mempunyai peruntukan iaitu adalah menjadi kesalahan sekiranya mereka yang mengetahui telah dijangkiti virus AIDS melakukan apa-apa perbuatan yang boleh merebak penyakit ini.
- (5) Menubuh sebuah Pasukan Petugas AIDS dan Jawatankuasa Teknikal Jangkitan HIV di peringkat Kementerian dan Jawatankuasa Penyelaras Jangkitan HIV di peringkat negeri.
- (6) Merumus dan mengedarkan "Plan Tindakan Pencegahan dan Kawalan AIDS" untuk kegunaan kakitangan perubatan dan kesihatan di seluruh negara.
- (7) Memberi rawatan perubatan kepada semua mereka yang dijangkiti virus AIDS termasuk kaunselling perubatan mengenai penyakit AIDS, cara-cara ia merebak dan cara-cara ia boleh dicegah daripada merebak. Penyiasatan susulan juga dijalankan untuk menentukan punca jangkitan serta kontek pesakit.
- (8) Menjalankan ujian darah untuk antibodi terhadap kuman virus AIDS di kalangan mereka yang berisiko tinggi terutama penagih dadah yang mengguna jarum suntikan.
- (9) Menjalankan program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan khusus mengenai penyakit AIDS.
- (10) Mengadakan kerjasama dan pertukaran maklumat serta pengalaman berkenaan penyakit AIDS terutama dengan negara-negara jiran dan juga pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

**PERGERAKAN NEGARA
BERKECUALI (NAM) DI
BELGRADE**

26. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia

daripada perundingan dan persidangan NAM baru-baru ini; dan

- (b) apakah bentuk bantuan atau kepakaran yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada negara-negara yang memohon bantuan dan latihan negara ini sebagaimana yang disuarakan oleh beberapa negara di persidangan NAM baru-baru ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) pergerakan Negara-negara Berkecuali bertujuan untuk mempertahankan dan mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara anggotanya dalam dunia yang terbahagi kepada blok-blok kuasa besar yang berlainan ideologi. Dalam suasana peperangan dingin di antara kuasa-kuasa besar dasar berkecuali telah menyelamatkan Malaysia daripada terjerumus ke kancah konfrantasi. Sementara itu, dengan menganggotai Pergerakan ini Malaysia telah berpeluang memperkenalkan identiti dan dasar kebangsaan kita kepada dunia luar. Penyertaan kita dalam pergerakan ini telah memberikan kita kekuatan bersama (collective strength) bagi menghadapi berbagai cabaran dalam menyelenggarakan perhubungan luar kita dengan negara-negara lain.

Pergerakan Negara Berkecuali berpegang kepada prinsip tidak mencero bohi hal ehwal dalam negeri negara-negara lain, dan tidak menggunakan kekerasan dalam dasar luar masing-masing, sebagai cara untuk menyelesaikan masalah antarabangsa.

Hasil dari ketegasan dan dasar-dasar di atas, Malaysia, sebagai sebuah negara anggota Pergerakan Berkecuali telah

memenangi penghormatan daripada negara-negara lain termasuk kuasa-kuasa besar. Dan hasil-hasil ini juga telah membawa kesan-kesan baik secara langsung dan tidak langsung, kepada perkembangan ekonomi dan sosial di negara kita; dan

- (b) Semasa persidangan NAM tempoh hari, beberapa buah negara sedang membangun telah menyuarakan hasrat untuk mendapatkan bantuan kewangan dan juga kepakaran daripada negara-negara anggota NAM.

Sebagai membuktikan komitmen Malaysia bagi membantu negara-negara sedang membangun khususnya negara-negara Barisan Hadapan Malaysia akan meneruskan pemberian latihan teknikal dan akademik di dalam bentuk kursus-kursus, lawatan sambil belajar dan lain-lain seperti mana yang telah ditawarkan di bawah PKTM. Disamping itu juga Malaysia telah bersetuju untuk meluaskan jenis dan skop bantuan selain daripada bentuk latihan.

MANGSA KEBAKARAN DI KAMPUNG TITINGAN, TAWAU

27. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kerajaan Negeri Sabah telah memohon bantuan kewangan daripada Persekutuan bagi membantu mangsa-mangsa kebakaran dalam satu kebakaran di Kampung Titingan Tawau baru-baru ini. Apakah tindakan, jika ada, akan diambil untuk:

- (a) menempatkan dan mendirikan rumah-rumah bagi mangsa-mangsa tempatan; dan

- (b) mempercepatkan persiapan untuk menghantar balik mangsa-mangsa pendatang-pendatang haram, ke negara mereka masing-masing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Kerajaan Negeri Sabah tidak membuat sebarang permohonan bantuan kewangan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi membantu mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Titingan, Tawau.

PENAN DITAHAN DI SARAWAK

28. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang Penan di Sarawak telah ditahan dan berapakah daripadanya telah didakwa dalam mahkamah dan apakah tuduhan-tuduhan mereka pada masa tiga tahun lalu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan bilangan orang Penan di Sarawak yang telah ditahan kerana menghalang perusahaan pembalakan dalam tahun 1987 hingga kini ialah seramai 246 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 163 orang telah dibebaskan dengan ikat jamin oleh Mahkamah manakala 83 orang masih ditahan kerana tidak ada penjamin. Mereka yang ditahan dituduh di bawah Ordinan Perhutanan Sarawak dan kesemua mereka akan dibicarakan di dalam tahun 1990 nanti.

PELAJAR DIBUANG DARI UNIVERSITI PERTANIAN

29. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah penuntut-penuntut Universiti-universiti yang ada di dalam negara kita

yang telah dihukum keluar dari Universiti mereka dengan sebab "excessive ragging", dalam tempoh 5 tahun yang lampau dan apakah sebab-sebab mereka dipaksa keluar dari Universiti-universiti tersebut; dan

- (b) dalam konteks pembuangan tiga penuntut dari Universiti Pertanian Malaysia dalam tahun 1989, apakah siasatan yang telah dijalankan oleh Y.B. Menteri di atas pembuangan tiga penuntut tersebut sebelum Y.B. Menteri "confirm" dan mengiktirafkan pembuangan ketiga-tiga penuntut tersebut. Adakah benar pihak Universiti yang menjalankan siasatan di atas tiga penuntut tersebut adalah pihak yang berpandangan ekstremis.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Seramai 3 orang pelajar telah dibuang dari universiti-universiti kerana kesalahan mendera sejak 5 tahun yang lalu; dan
- (b) Berhubung dengan pembuangan 3 orang pelajar daripada Universiti Pertanian Malaysia tersebut, pihak Kementerian Pendidikan telah meneliti dengan mendalam kes berkenaan dan berpuas hati bahawa perbuatan mendera tersebut adalah dianggap "keterlaluan" dan tindakan yang diambil adalah selaras dengan peraturan tata tertib berkenaan.

Di samping itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat, bahawa pihak yang menjalankan siasatan tersebut adalah pihak yang berpandangan ekstremis adalah tidak benar dan tindakan yang diambil telah disokong dengan maklumat-maklumat yang terperinci.

PENYAKIT AIDS—MENCEGAH

30. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kes AIDS yang dikesan setakat ini dan bilangan orang yang meninggal dunia akibat penyakit AIDS setakat ini;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah penyakit tersebut daripada merebak di negara ini; dan
- (c) sama ada sebuah unit khas telah ditubuhkan untuk mencegah penyakit yang serius ini daripada merebak.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 10 kes AIDS telah dikesan setakat ini. 7 daripada mereka telah pun meninggal dunia.
- (b) Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah penyakit tersebut daripada merebak di negara ini ialah:
 - (1) Memberi makluman dan pelajaran kesihatan dengan secukup-cukupnya kepada orang ramai, kakitangan perubatan dan kesihatan, golongan berisiko tinggi dan juga penyakit AIDS.
 - (2) Mempastikan semua darah yang digunakan adalah selamat. Ini dilakukan dengan beberapa langkah termasuk menubuh 46 buah pusat penapisan darah di seluruh negara untuk menjalankan ujian memastikan semua darah yang didermakan adalah bebas daripada antibodi terhadap kuman virus AIDS.
 - (3) Mengguna hanya hasil-hasil darah (blood products) yang telah dirawat dengan bahang panas (heat treated) sahaja. Pembelian ini pula

dibuat melalui satu punca sahaja iaitu melalui Pembelian Pusat (Central Purchase).

- (4) Pengawalan melalui undang-undang di mana di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, semua bentuk jangkitan virus AIDS perlu diberitahu kepada pihak kesihatan (a notifiable disease).
- (5) Merumus dan mengedarkan "Plan Tindakan Pencegahan dan Kawalan AIDS" untuk kegunaan kakitangan perubatan dan kesihatan di seluruh negara.
- (6) Memberi rawatan perubatan kepada semua mereka yang dijangkiti virus AIDS termasuk kaunseling perubatan mengenai penyakit AIDS, cara-cara ia merebak dan cara-cara ia boleh dicegah daripada merebak. Penyiasatan susulan juga dijalankan untuk menentukan punca jangkitan serta kontek pesakit.
- (7) Menjalankan ujian darah untuk antibodi terhadap kuman virus AIDS di kalangan mereka yang berisiko tinggi terutama penagih dadah yang mengguna jarum suntikan.
- (8) Menjalankan program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan khusus mengenai penyakit AIDS.
- (9) Mengadakan kerjasama dan pertukaran maklumat serta pengalaman berkenaan penyakit AIDS terutama dengan negara-negara jiran dan juga pertubuhan-pertubuhan an-

tarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat satu Pasukan Penguasa Teknikal Jangkitan HIV di peringkat Kementerian dan Jawatankuasa Penyelaras Jangkitan HIV di peringkat negeri telah ditubuhkan untuk mengawas dasar-dasar dan kerja-kerja pencegahan penyakit AIDS di negara kita. Program mencegah penyakit ini telah diintegrasikan dengan program perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sedia ada. Oleh sebab itu tidaklah perlu ditubuhkan satu unit khas untuk mencegah penyakit ini.

MENYELENGGARA JALAN RAYA

31. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada kementerian menyelenggarakan jalan raya yang lebarnya kurang daripada 14 kaki, seperti jalan-jalan yang terdapat di kampung-kampung baru. Jika ada, berapakah jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan bagi penyelenggaraan tersebut sejak tahun 1986 dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Kerjaraya tidak bertanggungjawab menyelenggarakan jalan raya yang lebarnya kurang daripada 14 kaki. Ianya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain. Bagi jalan-jalan di kampung-kampung baru ianya diselenggarakan oleh agensi-agensi penguasa tempatan melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR

32. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan tempat/kampung yang telah diberi kelulusan projek bekalan tenaga elektrik luar bandar bagi tahun 1989 dalam kawasan Parlimen P.136 Kota Belud; dan
- (b) bilakah agaknya kerja pelaksanaan dijangka bermula.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Pada tahun 1989 tidak ada projek bekalan tenaga elektrik luar bandar yang diluluskan untuk kawasan Parlimen P.136 Kota Belud.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

PENYELAMAT KEDUA PETRONAS AKIBAT SKANDAL II BANK BUMIPUTRA

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk mengemukakan satu Usul yang berbunyi:

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen Tanjong, Yang Berhormat Lim Kit Siang, menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang penyelamat kedua PETRONAS disebabkan Skandal II Bank Bumiputra yang melibatkan kerugian \$1.1 bilion kerana ia adalah satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan kerana:

1. PETRONAS bukan sebuah badan korporat swasta tetapi

- sebuah badan yang ditubuhkan oleh Parlimen yang bertanggungjawab pada keseluruhannya ke atas sumber-sumber petroleum negara serta juga menguruskan dolar-petrol negara dan ia tidaklah merupakan percubaan terakhir untuk menyelamatkan industri-industri yang menemui kegagalan disebabkan salah pengurusan, pengabaian atau pecah amanah yang amat sangat;
2. PETRONAS telah pun menetapkan preseden yang buruk dengan menyelamatkan Bank Bumiputra kerana Skandal Kewangan Bumiputra Malaysia Finance dan perbuatan ini adalah salah dari segi undang-undang kerana perbuatan sedemikian terpaksa dihalalkan dari segi undang-undang dengan perundangan yang dikuatkuasakan secara retrospektif kemudian di dalam Parlimen apabila kesahan pengambilan alih PETRONAS oleh Bank Bumiputra dicabar dalam mahkamah dalam tahun 1984 oleh K. C. Cheah dari DAP;
 3. PETRONAS telah gagal dalam tugas awamnya kepada rakyat Malaysia selepas penyelamatan Bank Bumiputra akibat Skandal Kewangan Bumiputra Malaysia Finance yang melibatkan \$2.5 billion kerana gagal mengejar secara rajin pesalah-pesalah yang bertanggungjawab ke atas jenayah-jenayah yang menjijik yang berlaku disebabkan penyalahgunaan secara besar-besaran wang awam yang bernilai \$2.5 bilion, baik pun dengan membawa pesalah-pesalah berkenaan ke muka pengadilan menerusi pendakwaan jenayah atau berusaha mendapat balik wang yang dihilangkan itu menerusi tindakan sivi!;
 4. PETRONAS berkewajipan memberi Parlimen dan rakyat Malaysia satu penjelasan dan justifikasi penuh menurut prinsip akauntabiliti awam sekiranya wang PETRONAS digunakan untuk menyelamatkan institusi-institusi yang menemui kegagalan;
 5. Dalam kes penyelamatan kedua yang dicadangkan oleh Bank Bumiputra ini yang melibatkan \$982.4 juta wang PETRONAS. PETRONAS mempunyai tugas khas untuk menerangkan kepada Parlimen:
 - (i) Sama ada Skandal II Bank Bumiputra ini disebabkan kegagalan pihak pengurusan atasan PETRONAS untuk menyelia operasi Bank Bumiputra apabila ia mengambil alihnya ekoran operasi penyelamatan pertama serta juga menempatkan Bank Bumiputra di tahap pengurusan yang bertanggungjawab dan beramanah;
 - (ii) sama ada Skandal II Bank Bumiputra sendiri itu merupakan satu skandal PETRONAS juga;
 - (iii) sama ada pengurus-pengurus dan pegawai-pegawai Bank Bumiputra tidak mempelajari daripada skandal BMF dan dari masa ke semasa berbilion-bilion ringgit terpaksa dicurah ke dalam, dengan izin, "Black Hole" Bank Bumiputra untuk memastikan ia tidak mufiis (solvent);
 - (iv) walaupun didakwa bahawa kerugian bersih Bank Bumiputra sebanyak \$1 bilion adalah disebabkan peruntukan-peruntukan sebanyak \$1.228

bilion untuk "non-performing loans" kerana mematuhi garis-garis panduan GP3 Bank Negara, namun Parlimen dan rakyat Malaysia berhak mengetahui butir-butir penuh mengenai identiti para peminjam, amaun dan ciri pinjaman-pinjaman "non-performing" ini, khususnya disebabkan adalah diketahui umum bahawa Bank Bumiputra telah menjadi sumber kewangan pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional, baik untuk kegiatan-kegiatan politik serta kegiatan-kegiatan kewangan peribadi mereka;

(v) sama ada Skandal II Bank Bumiputra disebabkan sebahagiannya oleh:

(a) pinjaman \$200 juta kepada UMNO dalam bulan September 1983 untuk membiayai pembinaan Ibu Pejabat UMNO di Pusat Perdagangan Dunia Putra yang tidak pernah diservis sama sekali;

(b) pinjaman-pinjaman yang diberi untuk membiayai pembelian bijih timah secara misteri di London dalam tahun 1981 yang menyebabkan kerugian sebanyak \$600 juta; dan

(vi) sama ada akan berlakunya penyelamatan ketiga Bank Bumiputra oleh

PETRONAS dalam Skandal III Bank Bumiputra apabila pinjaman-pinjaman "non-performing" ini yang tidak diserviskan terpaksa dihapuskan sebagai pinjaman-pinjaman lapuk atau "bad debts" di mana pokoknya pun tidak boleh didapati balik yang akan melibatkan dolar-dolar minyak yang lebih banyak berbanding dengan operasi penyelamat pertama atau kedua.

6. Memandangkan prinsip-prinsip penting tentang accountability, kewajaran dan integriti kewangan pemimpin-pemimpin Kerajaan, betapa perlunya bagi PETRONAS dan Kerajaan untuk memberitahu Parlimen sebelum operasi penyelamatan kedua dilancarkan oleh PETRONAS untuk Bank Bumiputra termasuk membentangkan satu Kertas Putih yang menghuraikan dengan penuh dan terperinci mengapa selepas berlakunya skandal BMF bernilai \$2.5 billion, kini pula berlaku skandal kedua Bank Bumiputra yang menambah kepada senarai panjang skandal-skandal bernilai berbilion-bilion ringgit di Malaysia. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Tanjong pagi tadi. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Yang di-Pertua hendaklah menolak usul permintaan

untuk menanggukkan mesyuarat kecuali beliau berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia perlu disegerakan perbincangannya.

Saya telah meneliti usul yang berkenaan itu pada keseluruhannya dan saya dapati ia hanya menepati dua daripada tiga syarat, iaitu ia tertentu dan bagi kepentingan orang ramai, tetapi saya tidak bersetuju ia perlu disegerakan perbincangannya sehingga menanggukkan Mesyuarat hari ini. Perkara ini boleh dibangkitkan dan dibahas semasa Rang Undang-undang Perbekalan 1990 dibawa ke dalam Mesyuarat ini untuk dibahaskan mulai 27hb Oktober ini memandangkan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (3), tempoh bagi membahaskan perkara yang dibangkitkan di bawah Peraturan Mesyuarat ini hanya selama satu jam maksima. Oleh yang demikian, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 DAN 1989) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang

daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988/1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
BANK PERTANIAN MALAYSIA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
INSTITUT PENYELIDIKAN DAN
KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PADI DAN BERAS
NEGARA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA KEMAJUAN
PERTANIAN KEMUBU (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN
MALAYSIA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
JUALAN BARANG-BARANG
(NEGERI-NEGERI MELAYU)
(PINDAAN DAN PERLUASAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Jualan Barang-barang (Negeri-negeri Melayu) 1957 dan bagi memperluaskan Ordinan itu sebagaimana dipinda di Negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PEMBANGUNAN
LANGKAWI**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Pembangunan Langkawi dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAHKAMAH KEHAKIMAN
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)—MENARIK BALIK

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 62 dan memohon untuk menarik balik Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) No. DR 19/89.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN—MENARIK BALIK

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 62 memohon menarik balik Rang Undang-undang Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL

UCAPAN TAHNIAH DAN LAFAZ IKRAR TAAT SETIA DEWAN DIPERSEMBAHKAN KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA SULTAN AZLAN SHAH ATAS PEMILIHAN BAGINDA SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG MALAYSIA

3.53 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul seperti berikut:

Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak semua Ahli-ahli Dewan Rakyat ingin menyampaikan sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun sempena Istiadat Pertabalan yang lalu.

Syukur Alhamdulillah, Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah telah berjalan dengan sempurna, penuh beradab serta gilang-gemilang. Istiadat ini telah disambut oleh rakyat dengan penuh gembira. Istiadat ini juga merupakan detik yang bersejarah dalam tradisi pemilihan Raja yang memerintah negara kita mengikut sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Raja yang memerintah memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan kedaulatan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan serta keutuhan Perlembagaan kita. Sistem ini dan Perlembagaan kita mengadakan panduan untuk institusi-institusi Raja, Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Jemaah Menteri bekerjasama untuk kepentingan Negara dan kemajuan rakyat. Kita memerlukan kerjasama ini berjalan secara berterusan dan dengan penuh persefahaman. Saya percaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dapat memainkan peranan Baginda dengan penuh bijaksana dan saksama serta mereka yang lain turut mengambil bahagian dengan sewajarnya. Dengan adanya

persefahaman yang erat ini, perjalanan pentadbiran negara kita akan sentiasa efektif serta produktif.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan masih meneruskan usaha-usaha yang lebih positif untuk menjamin perpaduan yang erat antara rakyat berbilang kaum. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sumber perpaduan rakyat. Saya percaya Tuanku Sultan Azlan Shah dapat memainkan peranan ini dengan penuh bijaksana memandangkan sikap Baginda yang begitu mesra dengan rakyat serta mengambil berat tentang kebajikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Dewan yang mulia ini, saya dengan perasaan penuh ikhlas sekali lagi mempersembahkan ucapan setinggi tahniah Kebawah Duli berdua, di samping berikrar taat setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kita semua akan bekerjasama sepenuhnya untuk berkhidmat dengan bersih, cekap dan amanah demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

Akhirnya, saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala melimpahkan taufik dan hidayah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan semoga selamat bersemayam di atas takhta Kerajaan dengan penuh kebesaran dan kemuliaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

3.58 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah sebagai yang di-Pertuan Agong Yang Ke Sembilan baru-baru ini adalah satu detik peristiwa yang dialu-alu dan dirayakan dengan penuh kegembiraan oleh seluruh rakyat. Istiadat pertabalan ini adalah satu istiadat yang kaya dengan tradisi dan adat-istiadat di-Raja, dan disaksikan oleh rakyat dari segenap lapisan masyarakat menerusi televisyen.

Sebagai Sultan yang memerintah negeri Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah amat disanjung tinggi, disayangi serta ditaati oleh rakyat jelata. Baginda ialah seorang Raja yang pemurah dan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan anak negeri. Saya pasti Duli Yang Maha Mulia akan terus mengutamakan kebajikan dan kebahagiaan rakyat dalam tempoh masa pemerintahan Baginda.

Sebagai seorang juri yang terkemuka, Baginda dikenali dan mendapat penghormatan tinggi di bidang kehakiman antarabangsa. Di samping itu sebagai ahli sukan pula, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong Sultan Azlan Shah dihormati kerana motivasi dan inspirasi Baginda. Sesungguhnya, perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah menaiki takhta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan adalah merupakan kemuncak kepada kerjaya Baginda setelah Baginda mencapai keunggulan dan kecemerlangan dalam beberapa bidang, sebelum pemilihan Baginda menjadi yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat dan negara berasa sangat bertuah atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Sultan Azlan Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru, yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji serta pengetahuan yang mendalam dan pengalaman yang luas dalam bidang kehakiman serta pentadbiran negara.

Keluhuran undang-undang serta pemeliharaan sistem demokrasi berparlimen dan cara hidup yang liberal adalah penting dalam usaha membina sebuah negara yang bersatu padu di mana keadilan, kebebasan dan kesaksamaan merupakan prinsip-prinsip yang asas. Dalam hubungan ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah simbol perpaduan, simbol demokrasi dan pemerintahan Raja Berpelembagaan di Malaysia.

Rakyat dari semua golongan dan lapisan hendaklah menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sebagai lambang perpaduan rakyat dan puncak keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Perak, saya berbangga bahawa Baginda Sultan telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang kesembilan. Ini adalah suatu peristiwa yang amat membanggakan bagi anak negeri Perak Darul Ridzuan khususnya dan rakyat Malaysia pada keseluruhannya.

Sekali lagi, kami rakyat yang terdiri dari berbilang bangsa, agama dan keturunan ingin merafakkan sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta menjunjung kasih melafazkan ikrar taat setia kami kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semoga di dalam pemerintahan Tuanku, Malaysia akan bertambah aman, stabil, makmur dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang usul ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

4.03 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong sepenuhnya usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong.

MIC dan kaum keturunan India Malaysia merasa amat bangga di atas perlantikan Tuanku Sultan Azlan Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Secara ikhlas dan terus terang, saya ingin menyatakan bahawa dengan perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda negara Malaysia akan terus maju. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

4.04 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak 24 orang Ahli Parlimen DAP serta satu juta pengundi yang mengundi DAP (*Tepuk*) dalam pilihanraya umum pada tahun 1986 yang merupakan 21% daripada jumlah pengundi, saya bangun untuk memberi sokongan penuh kepada usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

“Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat

setia Dewan ini dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia”.

Tuan Yang di-Pertua, sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen telahpun diterima sepenuhnya oleh rakyat berbilang kaum di negara Malaysia ini dan ia adalah asas proses pembinaan negara di negara ini yang sukar.

Mengikut Rukunegara, Malaysia telah mengabdikan dirinya kepada lima matlamat berikut:

- (1) Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
- (2) Memelihara satu cara hidup demokratik;
- (3) Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- (4) Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai corak;
- (5) Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Selepas 32 tahun merdeka, Malaysia masih jauh ketinggalan daripada mencapai kesemua lima matlamat ini dan dalam beberapa aspek daripadanya, keadaan hari ini adalah lebih buruk berbanding dengan tahun-tahun awal sejarah negara kita; khususnya berkaitan dengan tugas perpaduan negara dan pemeliharaan demokrasi di Malaysia. Umpamanya tiga tahun iaitu dari 1986 hingga 1989 merupakan tempoh kegelapan bagi kelima-lima matlamat Rukunegara ini kerana tidak pernah dalam sejarah Malaysia berlakunya pencabulan dan

hakisan begitu dahsyat prinsip-prinsip demokrasi dan hak-hak asasi manusia rakyat Malaysia.

Adalah menjadi cita-cita dan doa rakyat dan negara bahawa di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku Sultan Azlan Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong, Malaysia akan melangkah dengan tegasnya untuk mencapai kelima-lima matlamat ini seperti tercatat dalam Rukunegara dan bahawa dalam masa lima tahun yang akan datang ini, negara akan menjadi lebih bersatupadu, demokratik, lebih adil dan saksama dari segi ekonomi, lebih liberal dari segi budaya dan menjadi sebuah masyarakat yang lebih progresif yang berorientasikan sains moden dan teknologi.

Selepas pindaan ke atas Perlembagaan pada tahun 1984, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa, tugas dan tanggungjawab yang baru di bawah Perkara 66 Fasal (4B) iaitu untuk menyerahkan balik Rang Undang-undang yang diserahkan kepada Baginda untuk perkenan diRaja untuk dipertimbangkan sekali lagi oleh Dewan Rakyat.

Sebagai bekas Ketua Hakim Negara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru, seharusnya akan sedar tentang prinsip-prinsip Perlembagaan yang asas yang didukung apabila negara ini ditubuhkan khasnya mengenai doktrin pemisahan kuasa di antara badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman bagi menghalang sebarang rebutan kuasa oleh mana-mana bahagian Kerajaan yang akan menggoncang dengan seriusnya prinsip mencecah dan mengimbangi, atau dengan izin, checks and balances, yang menjadi asas pengamatan demokrasi bermakna di mana-mana negara ataupun mengenai prinsip

kebebasan kehakiman ataupun ke-
luhuran undang-undang dan ke-
pentingan prinsip kebebasan asas
yang termaktub dan dijamin di dalam
Perlembagaan bagi memastikan setiap
rakyat Malaysia diberikan kemuliaan
dan kebaikan sebagai insan.

Kami percaya bahawa Seri Paduka
Baginda Tuanku Sultan Azlan Shah
yang menjadi Yang di-Pertuan Agong
baru adalah sungguh sesuai bagi
Baginda untuk mempraktikkan
prinsip-prinsip yang seharusnya
mengawal penggunaan Perkara 66
Fasal (4b) di mana Yang di-Pertuan
Agong boleh menyerahkan balik satu
Rang Undang-undang kepada Dewan
Rakyat dengan tidak memberi
perkenan Di Raja supaya perkara itu
dapat dipertimbangkan semula.

Dengan memberi kuasa kepada
Yang di-Pertuan Agong untuk mem-
bantah mana-mana Rang Undang-
undang yang dikemukakan untuk
mendapat perkenan DiRaja, pindaan
Perlembagaan 1984 juga telah
meletakkan tanggungjawab kepada
Yang di-Pertuan Agong untuk
menyemak setiap Rang Undang-
undang bagi menentukan sama ada ia
mencabuli dan bercanggah dengan
kepentingan umum dan negara.

Izinkan saya mencadangkan supaya
sebuah Majlis Penasihat DiRaja
ditubuhkan untuk membantu Yang di-
Pertuan Agong dalam menunaikan
tugas dan kuasa perlembagaan yang
baru yang akan dianggotai oleh rakyat
Malaysia yang terkemuka seperti Bapa
Kemerdekaan dan Perdana Menteri
Pertama Tunku Abdul Rahman, bekas
Perdana Menteri Tun Hussein Onn
dan lain-lain rakyat Malaysia yang
terkenal yang tidak memegang apa-
apa jawatan tinggi dalam Kerajaan
yang sedia ada untuk menasihatkan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong mana-mana Rang Undang-
undang yang harus diserahkan balik
bagi pertimbangan semula Dewan

Rakyat sekiranya terdapat unsur-
unsur yang bertentangan dengan
prinsip-prinsip asas dalam
Perlembagaan Malaysia. Undang-
undang yang boleh dikategorikan
begitu antara lain di masa baru-baru
ini adalah pindaan-pindaan kepada
Akta Keselamatan Dalam Negeri,
Akta Rahsia Rasmi, Akta Polis dan
Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.
Terima kasih (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji
Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang
Berhormat dari Pasir Mas.

4.10 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir
Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin
turut mengambil bahagian untuk
menyatakan setinggi-tinggi ucapan
tahniah dan lafaz ikrar taat setia
Dewan ini dipersembahkan kepada
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Sultan Azlan Shah
atas pemilihan Baginda sebagai Yang
di-Pertuan Agong Malaysia sebagai-
mana usul yang telah dibentangkan
oleh Yang Amat Berhormat Perdana
Menteri.

Bagi pihak ke 12 Ahli-ahli Parlimen
yang mewakili Parti Semangat 46, kita
juga turut mengambil bahagian untuk
menyatakan taat setia dan lafaz ikrar
kita kepada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan
Shah.

Kita penuh yakin ketokohan dan
kewibawaan yang ada kepada Ke-
bawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong Sultan Azlan Shah sudah
barang pasti ianya akan menjadi ke-
megahan dan kegemilangan negara
kita kerana Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong adalah lam-
bang Raja-Raja Melayu. Kita berharap
dengan ketokohan dan kewibawaan
Baginda, tonggak keadilan dan de-
mokrasi negara kita ini akan terus

berjalan dengan baik, terutamanya dalam menentukan pemisahan doktrin dari segi pemisahan kuasa yang diamalkan oleh negara kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar kita kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut.

4.12 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkata sepatah dua di sini bahawasanya perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarullah-lahu Shah adalah kena pada tempatnya sebagai seorang Raja Malaysia yang bijaksana. Kebijaksanaanannya adalah terkenal, bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa bagi negara Malaysia perlu kepada raja yang bijaksana bagi meneruskan dan melaksanakan tugas-tugas yang berat yang mana negara kita ini mempunyai rakyat dari berbagai-bagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita yang berperlembagaan dan mempunyai undang-undang, saya percaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat mengawasi negara ini dengan lebih baik dan mengekalkan the rule of law yang mana Baginda begitu faham sekali bagi mengendalikankan keadilan undang-undang tanpa malice dan prejudice.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai rakyat dari negara Perak Darul

Ridzuan berasa begitu bangga bahawa di atas perlantikannya itu kerana inilah kali yang pertamanya Sultan yang kita kasihi dari negeri Perak menjadi Yang di-Pertuan Agong. Dengan pengalaman perundangan yang luas dan pengalaman-pengalaman lain yang tidak dapat saya huraikan satu-persatu, saya yakin Baginda dapat memerintah dengan aman, damai dan dapat membawa negara ini kepada pembangunan yang lebih pesat.

Saya berdoa kepada Allah semoga Tuhan akan memberi keredaan, taufik dan hidayah kepada Duli Yang Maha Mulia serta Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong dalam pemerintahan mereka bagi kesejahteraan rakyat dengan lebih sempurna bersama-sama dengan pimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi.

Saya menyeru rakyat sekalian untuk memberi taat setia yang tidak berbelah bagi, dengan izin, undivided loyalty dan saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Paloh.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini saya sebagai wakil dari Parti Pusaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) berdiri bagi pihak Presiden dan ahli-ahli PBB keseluruhannya dengan bangga dan ikhlas menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di atas perlantikan

Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kesembilan yang telah selamat disempurnakan pertabalannya pada 18hb September yang lalu dan juga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Bainun sebagai Raja Permaisuri Agong yang kesembilan.

Ini merupakan satu lagi detik sejarah negara kita yang mengukuhkan lagi konsep Raja Berpelembagaan yang melambangkan perpaduan dan keadilan yang menjadi amalan dan kebanggaan masyarakat Malaysia. Sebagai seorang Raja, Baginda telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap kebajikan rakyat merangkumi bidang-bidang pembangunan, ekonomi, sosial, kesukanan, keagamaan bahkan Baginda juga merupakan seorang pakar perundangan perlembagaan yang amat dikagumi dan disanjung tinggi.

Sebagai seorang jurist, dengan izin, yang terkenal, bukan sahaja di rantau ini, bahkan di peringkat antarabangsa, Baginda mempunyai pengalaman luas dan telah membuktikan kemahiran Baginda yang dikagumi di mata dunia.

Seluruh rakyat negeri Sarawak berasa amat bertuah bernaung di bawah payung negara yang dapat memahami dan menjiwai kehidupan masyarakat, khasnya di Sarawak.

Selain daripada mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap perkembangan negeri Sarawak, Baginda juga telah mengambil berat dan telah sudi mencemar Duli untuk mendampingi rakyat di Sarawak melalui beberapa lawatan yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Mudah-mudahan negara dan rakyat akan bernaung di bawah pemerintahan Baginda akan sentiasa diberkati dan sejahtera selama-lamanya.

Sukacitalah saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini bagi pihak Parti PBB untuk

memperbaharui ikrar dan tekad untuk terus menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaras dengan peranan Baginda sebagai lambang kedaulatan bangsa dan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padawan.

4.18 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), saya menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempersembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas pertabalan sebagai Ketua Negara Malaysia.

Kami berasa sangat gembira di atas perlantikan Yang di-Pertuan Agong yang baru yang merupakan ketua negara yang bukan sahaja arif seperti yang ternampak daripada perkhidmatan awam yang amat cemerlang, bahkan mempunyai pengertian jelas terhadap keperluan-keperluan negara ini.

Di bawah payung naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, rakyat dan negara pada keseluruhannya akan terus maju dan makmur.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.19 ptg.

Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti Gerakan Rakyat Malaysia, saya bangun untuk menyokong usul dibawa

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seperti yang beliau katakan Alhamdulillah kita menyambut Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru, yang telah dipilih oleh Baginda Raja-Raja Melayu menurut peraturan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Dan Baginda telah pula ditabalkan menurut adat-istiadat yang turun temurun diamalkan dalam negara kita yang dikasihi ini. Sebagai satu kebetulan yang amat mengembirakan kita, usul ini dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa Queen Elizabeth II, Ratu Great Britain berada di sini sebagai tetamu agung negara.

Kita semua tahu Britain merupakan negara demokrasi yang tertua di dunia ini. Setelah menempuh peristiwa Magna Carta dan revolusi di bawah Oliver Cromwell yang berakhir dengan restoration yang mengembalikan kuasa Raja Berperlembagaan. Kejayaan Britain dengan sistem Raja Berperlembagaan selama beberapa abad itu membuktikan, kalau pun bukti masih diperlukan, bahawa sistem beraja itu serasi dengan demokrasi dalam zaman nuklear moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa dalam sebuah negara demokratik yang muda dan berbilang bangsa seperti Malaysia ini, Raja Berperlembagaan merupakan aset yang tidak ternilai dan bukan satu bebanan. Pertama, Raja merupakan perpaduan negara. Baginda itu Raja kepada semua warganegara tanpa mengira asal keturunan atau agama yang dianutnya. Kedua, Baginda merupakan pengaruh penstabilan kepada negara ini. Apabila timbul sesuatu ketegangan sosial atau politik yang mengancam akan memecahbelahkan bangsa kita, maka Baginda menjadi payung kewarasan muhibah dan harmoni. Ketiga, Baginda jugalah yang memberi kesinambungan kepada pemerintahan negara khususnya

apabila rakyat memutuskan untuk menukar pemegang teraju Kerajaan menerusi peti undi.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah membawa berkat kepada takhta Kerajaan Malaysia dengan gedung ilmu dan kebijaksanaan pada Baginda. Di samping seorang sarjana dalam bidang jurisprudence, Baginda sendiri kaya dengan pengalaman semasa mentadbirkan undang-undang negara ini. Maka itu saya penuh berkeyakinan, insya Allah, semasa pemerintahan Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia, hubungan di antara Takhta dan Parlimen yang mulia ini akan sentiasa akhrab betul dan penuh harmoni berlandaskan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Keningau.

4.24 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terlebih dahulu berbilang terima kasih atas usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru tadi di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Bagi pihak rakyat negeri Sabah khususnya bagi pihak Parti Bersatu Sabah, saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan, syabas dan tahniah di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka sebagai Raja Malaysia di mana sebagai sebuah daripada negeri-negeri yang telah wujud membentuk Malaysia, kita memerlukan satu lambang perpaduan yang sangat-sangat teguh,

tinggi dan boleh dibanggakan. Kini telah tiba masanya kita sekarang memikirkan masa depan untuk kepentingan rakyat seluruh negara Malaysia. Bagi diri saya, satu ketetapan pertabalan ini adalah perkara yang kita sanjung tinggi sekali memandangkan bahawa ini kita percaya akan membawa perubahan yang baik bagi negara kita.

Bagi kami di negeri Sabah kami turut berbangga di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Azlan Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke 9. Mudah-mudahan dengan ketetapan ini perhubungan di antara rakyat di negeri Sabah dan rakyat Malaysia di Semenanjung dan juga Sarawak akan lebih kukuh dan lebih bersefahaman lagi. Justeru itu saya di sini bagi pihak Parti Bersatu Sabah ingin menyokong penuh atas usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Saratok.

4.27 ptg.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil Presiden dan ahli-ahli Parti SNAP di negeri Sarawak, saya menyokong penuh usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi iaitu, "Mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia kami", supaya dapat dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke 9.

Tuan Yang di-Pertua, kami semua berdoa supaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dikurniakan Allah supaya keyakinan yang kami sedia ada

kepada Baginda berdua dapat menjalankan tugas mereka supaya rakyat Malaysia dapat mencapai kemakmuran hidup keseluruhannya lebih-lebih lagi kami di negeri Sarawak yang saya ketahui kalau dibanding dengan Semenanjung ini masih lagi tertinggal di dalam banyak bidang. Oleh itu, saya mohon menyokong usul ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Semporna.

4.30 ptg.

Dato Haji Sakaran bin Dandai (Semporna): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sebentar tadi untuk mengucapkan tahniah di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang ke 9.

Bagi pihak Presiden parti kami USNO serta ahli-ahli parti USNO, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menjadi Raja negara kita Malaysia ini. Kami berdoa ke hadrat Allah s.w.t. semoga perlantikan Baginda ini akan membawa satu rahmat kepada rakyat Malaysia seluruhnya dan negara kita Malaysia dan semoga Allah memberkati juga pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersama-sama dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai raja yang mempunyai ilmu yang tinggi dan bijaksana untuk terus membawa perpaduan dan kemajuan kepada seluruh rakyat negara kita di Malaysia ini dan menjadikan negara kita Malaysia ini

sebagai satu negara yang boleh memberi sumbangan besar kepada dunia dan khasnya kepada rakyat di dalam negara kita ini.

Di negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua, sebilangan rakyat adalah ketinggalan di dalam bidang ekonomi dan kemajuan dan kita berdoa kepada Tuhan mudah-mudahan dengan perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini maka kemajuan merata dan nikmat akan dapat dikecapi oleh seluruh rakyat di Malaysia khasnya di negeri Sabah dan mudah-mudahan insya Allah kita dapat lagi melihat bahawa banyak kebaikan-kebaikan yang akan lahir untuk kaum bangsa kita. Sekian, terima kasih.

4.33 ptg.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian untuk menyampaikan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya dan melafazkan ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong negara kita dan juga kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bainun sebagai Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, bagi pihak dari Parti Bangsa Dayak Sarawak.

Baginda ialah seorang yang terkenal dari segi pengalaman dan peribadinya dan kita pasti atas teraju baginda itu, negara kita ini juga akan meneruskan kemajuannya di masa-masa yang akan datang. Yang penting juga ialah kedudukan Yang di-Pertuan Agong itu di negara kita ini ialah satu lambang yang penting untuk mengekalkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan yang telah wujud dan akan diteruskan dalam mentadbirkan negara kita ini. Dengan

itu saya dengan gembiranya menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan melafazkan ikrar taat setia bagi pihak Parti Bangsa Dayak Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): (Pengkalan Chepa.

4.35 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang yang sama untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih di atas usul yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri sekejap tadi dan saya sama-sama sebagai mewakili Parti Islam seMalaysia merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan junjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang ke 9 di mana saya percaya dengan pengalaman dan keilmuan yang begitu luas pada baginda, insya Allah kita dapat melihat unsur-unsur perpaduan, keadilan, keamanan dan demokrasi akan berjalan dengan baik dalam negara Malaysia. Apa lagi yang saya harap dengan pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang ke 9 ini, kalaulah benar hasrat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam ianya akan meningkat dan akan dapat disaksikan dengan apa yang akan dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong nanti.

Saya percaya, dalam masa pemerintahan Baginda Yang di-Pertuan Agong ini akan dapat kita saksikan bagaimana hasrat yang dicitakan oleh rakyat untuk melihat keadilan khususnya demokrasi yang tulin akan berjalan dan terlaksana di negara Malaysia.

Itulah sahaja dapat saya sampaikan sebagai mewakili pihak Parti Islam seMalaysia dalam merakamkan

ucapan junjung kasih dan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia, disetujui. (*Tepuk*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PERJUDIAN TERBUKA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan), 1989 iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini telah banyak dikemukakan saranan serta desakan oleh berbagai pihak termasuklah Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Negara yang mahukan

Kerajaan mengambil sesuatu tindakan yang tegas bagi mengawal dan mengurangkan kegiatan judi. Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa peka terhadap pandangan serta saranan yang membina daripada mana-mana pihak, maka tindakan mengemukakan pindaan-pindaan kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 ini diambil bagi menyahut saranan-saranan serta seruan yang telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Tindakan meminda undang-undang ini yang meningkatkan lagi denda serta hukuman kepada kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini adalah merupakan tindakan tegas yang diambil di samping beberapa langkah untuk mengawal kegiatan perjudian terutamanya judi dan pertaruhan haram yang pernah diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada laporan-laporan yang diterima daripada pihak penguatkuasa adalah didapati bahawa bilangan kes yang melibatkan judi dan pertaruhan haram adalah meningkat sejak beberapa tahun ini. Tangkapan oleh pihak Polis telah meningkat daripada 4,958 kes dalam tahun 1966 hingga ke 8,350 dalam tahun 1988. Andainya tindakan untuk membendung kegiatan judi dan pertaruhan haram ini tidak diambil segera, ianya akan menyulitkan lagi masalah ini di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Singapura telah memperketatkan undang-undang berkaitan dengan rumah perjudian terbuka dan pertaruhan dengan memperuntukkan penalti minimum dan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya. Adalah dikhuatiri sindiket-sindiket yang beroperasi di Singapura akan memindahkan kegiatan mereka ke negara-negara dan negeri-negeri yang berhampiran untuk mengelakkan undang-undang yang ketat di Singapura. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku dan ianya

dapat dibendung di peringkat awal lagi, adalah difikirkan perlu diambill tindakan memperketatkan peruntukan-peruntukan undang-undang-negara kita ini khususnya Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta ini mula berkuatkuasa hingga masa ini nilai matawang kita telah menurun dan dengan yang demikian hukuman-hukuman denda yang diperuntukkan di dalamnya berbanding dengan keadaan semasa adalah tidak lagi realistik terutamanya hukuman-hukuman ini adalah terhadap kesalahan-kesalahan yang melibatkan wang yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan judi dan pertaruhan haram adalah . . .

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sebentar.

Tuan Hu Sepang: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak cukup bilangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila bilang. 18. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 42. Yang Berhormat boleh sambung.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan judi dan pertaruhan haram adalah didapati bahawa pada lazimnya ramai di kalangan yang tertangkap adalah orang-orang suruhan dan bukan ketua-ketua sindiket yang

menganjur serta membiayai operasi tersebut. Oleh kerana denda dan hukuman yang dikenakan ke atas mereka mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak tinggi dan berat, kebiasaan orang-orang suruhan ini bersedia menghadapi risiko kerana mereka tahu yang ketua sidiket akan membantu mereka untuk membayar denda tersebut. Adalah diharapkan dengan dikenakan denda minimum serta hukuman penjara mandatori yang dicadangkan, ianya akan dapat mengurangkan golongan orang suruhan ini daripada melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan judi dan pertaruhan haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hanya memperuntukkan hukuman maksimum tidak dapat menjamin kejayaan untuk mendapat satu hukuman yang setimpal dengan kesalahan kerana apa-apa hukuman yang dijatuhkan berasaskan kepada peruntukan maksimum akan bergantung kepada budi-bicara mahkamah dan di dalam banyak hal mungkin hasrat untuk mendapat satu hukuman yang betul-betul menggambarkan ketegasan pihak Kerajaan untuk membanteras aktiviti judi dan pertaruhan haram tidak tercapai. Di atas hasrat ini maka difikirkan bahawa hukuman denda minimum perlu diperuntukkan di dalam cadangan pindaan ini. Alasan yang sama juga adalah terpakai berhubung dengan peruntukan hukuman penjara mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 4, Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 bertujuan mengeluarkan kesalahan-kesalahan tertentu mengenai rumah perjudian di bawah perenggan (c), (d), (e) dan (f) subseksyen (1) seksyen tersebut untuk diperuntukkan semula di bawah seksyen 4A baru yang dicadangkan bagi membolehkan penalti yang lebih berat dikenakan terhadap kesalahan-kesalahan tersebut. Penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 4 (1) yang sedia ada dicadangkan dinaikkan daripada penjara tidak

melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi \$50,000 dan hukuman penjara mandatori tidak melebihi tiga tahun. Penalti yang dicadangkan untuk seksyen baru 4A ialah denda tidak kurang daripada \$20,000 dan tidak melebihi \$200,000 dan hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima tahun.

Cadangan pindaan kepada seksyen 5 pula bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan mendahulukan wang bagi menubuhkan rumah perjudian terbuka di bawah seksyen itu daripada penjara selama tempoh tidak kurang daripada \$5,000 dan tidak melebihi \$50,000 dan hukuman penjara mandatori tidak melebihi tiga tahun.

Cadangan pindaan kepada seksyen 6 dan 7 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan-kesalahan berjudi di dalam rumah perjudian terbuka dan berjudi di tempat awam di bawah seksyen tersebut masing-masing daripada denda sebanyak \$2,000 kepada denda sebanyak \$5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 8 bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan-kesalahan menggalakkan perjudian di tempat awam di bawah seksyen tersebut daripada penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi \$20,000 kepada denda tidak kurang daripada \$20,000 dan tidak melebihi \$200,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 9 bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan membeli tiket loteri haram di bawah seksyen tersebut daripada denda sebanyak \$2,000 kepada denda sebanyak \$5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.51 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pindaan-pindaan sebanyak 8 fasal ini yang bertujuan untuk mengenakan penalti yang lebih tinggi atau mempermudah penaenalan penalti tinggi dan juga mengenakan hukuman penjara mandatori terhadap mereka yang terlibat dalam perjudian haram adalah tidak perlu sama sekali.

Langkah yang lebih berkesan kalau pihak Kerajaan adalah ikhlas untuk mengharamkan kegiatan perjudian-perjudian haram, adalah untuk mengharamkan perjudian di negara kita sama sekali. Saya rasa bahawa tujuan sebenar pihak Kerajaan untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka bukanlah untuk membendung kegiatan-kegiatan perjudian haram tetapi adalah untuk membolehkan badan-badan yang terlibat dalam loteri atau perjudian untuk mendapat keuntungan yang lebih besar. Tidak boleh dinafikan bahawa kebanyakannya daripada badan-badan loteri

yang wujud di negara kita ini ada kaitan dengan parti-parti politik di tanahair kita. Terdapat Pengerusi-pengerusi Loteri yang terdiri daripada ahli-ahli politik dari parti-parti seperti UMNO, juga MCA dan ahli-ahli komponen Barisan Nasional yang lain.

Saya tidak faham mengapakah perjudian di negara kami ini tidak boleh diharamkan. Sebab yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin negara kita seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tidak masuk akal sama sekali. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa adalah lebih baik

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya habiskan ayat ini dahulu.

Tuan Zubir bin Embong: Habis apa? Tadi dia minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tak beri.

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap lagi.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order nombor berapa?

Tuan Zubir bin Embong: Fasal dia menyebut perkataan "UMNO" tadi, jadi membangkitkan perasaan bersakit-sakit hati . . .

Tuan Lim Guan Eng: Buang masa sahaja!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu

Tuan Zubir bin Embong: Peraturan Mesyuarat 36. Orang minta explain, tak mahu explain, takut!

Tuan Lim Guan Eng: Buang masa!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa adalah lebih baik untuk menghalalkan perjudian di negara kami ini kerana kalau tidak, akan wujudnya sindiket-sindiket yang akan menjalankan perjudian-perjudian secara haram. Dan kalau ini berlaku, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menambah, bahawa kegiatan seperti ini akan menjadikan satu ancaman terhadap keselamatan negara. Beliau juga berkata bahawa untuk menghindari negara dari menjadi huru-hara adalah lebih baik bahawa peraturan dibuat untuk mengawal perjudian daripada terus tidak membenarkannya.

Saya rasa itu adalah satu kenyataan yang tidak masuk akal sama sekali kerana kalau kita gunakan logik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, logik yang sama, adakah ini bermakna bahawa kita hendak menghalalkan pelacuran di negara kita ini, kalau kita gunakan logik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk mengelakkan kegiatan-kegiatan haram atau kegiatan-kegiatan yang tidak sah dari segi undang-undang untuk berlaku, kita mesti halalkannya. Kalau kita gunakan logik yang sama untuk mengelakkan bahawa kita ada pelacuran di negara kita, lebih baik untuk menghalalkan pelacuran, menjadikan ia sebagai legal, legalise prostitution, kalau kita menggunakan logik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa kalau Kerajaan benar-benar jujur dan

ikhlas untuk mengelakkan rakyat Malaysia daripada terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak halal, bukan juga dari segi undang-undang, saya rasa dalam Islam perjudian adalah haram, tetapi nampaknya orang yang beragama Islam tidak mengikuti apa yang tertera di dalam agama Islam. Dan saya harap . . .

Tuan Zubir bin Embong: Saya minta point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order berapa?

Tuan Zubir bin Embong: Duduk dahulu!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak payah point of order. Orang Islam tidak mengamalkan apa yang telah ditetapkan dalam Islam. Itu tak boleh, tarik balik!

Tuan Zubir bin Embong: That is a very general statement.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat, seorang-seorang bercakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak payah point of order, itu pun sudah salah, Tuan Yang di-Pertua cari sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat. Point of order nombor berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (10) (c).

Tuan Zubir bin Embong: 36 (10) (c) "perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, 1984".

Dia menyebut tadi perkataan "orang-orang Islam", bukan semua orang Islam suka berjudi, ada dua tiga kerat tidak bererti semuanya suka berjudi. Ini sudah merupakan seolah-olah menyatakan bahawa orang Islam ini budayanya suka berjudi. Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Zubir bin Embong: 36 (10) (c).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Perkataan apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang disebutkan tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya tidak katakan bahawa orang-orang Islam berjudi, saya tidak katakan begitu. Yang saya katakan tadi ialah bahawa menurut agama Islam perjudian adalah haram dan kalau orang yang beragama Islam patut tahu apa yang patut mereka buat. Itu yang saya katakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya berani boleh suruh baca balik perkataan tadi, baca balik.

Tuan Zubir bin Embong: Baca balik *Hansard* itu!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Tuan Zubir bin Embong: Oh! father masuk campurkah?

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri saya lawan dengan anaklah, bapa tunggu sekejap. Boleh baca balik tak perkataan tadi?

Tuan Zubir bin Embong: Bapa duduk diam dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya terima satu cadangan main rakaman itu akan menunjukkan dua ahli itu tidur, tidak dengar ucapan, buat kacau sahaja!

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Menyampuk*)

Tuan Hu Sepang: Macam haiwan!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dia kata “haiwan” tadi. Tarik balik perkataan “haiwan”.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tarik balik perkataan “haiwan”!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tarik balik perkataan “haiwan”!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat dari Kota Melaka, minta duduk!

Tuan Hu Sepang: Siapa yang kata itu, siapa jadi haiwan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Saya minta dimainkan tape apa yang disebutkan tadi—perkataan “Islam”.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, untuk dijadikan satu panduan,

mengikut peraturan apa yang kita boleh main tape itu, saya mahu tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya difahamkan tape itu tidak boleh dimainkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh mainkah? Susahlah itu macam.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh dimainkan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Kita begitu moden, dalam zaman moden boleh main tape.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau kita hendak buat terpaksa Dewan ditangguhkan untuk mendengar perkataan berkenaan.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bercakap tadi dengan Ahli dari Kota Melaka bukan dengan Ahli dari Tanjung.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh sebutkan apa Yang Berhormat cakapkan tadi. Ulang balik sebelum diganggu oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Lim Guan Eng: Bahawa apa yang saya sebut tadi sebelum diganggu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sebelum diganggu supaya kita dapat tahu apa yang sebenarnya diperkatakan.

Tuan Lim Guan Eng: Diganggu banyak kali, tetapi apa yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pemimpin-pemimpin negara kami yang beragama Islam tahu bahawa dalam Islam perjudian adalah haram dan saya tidak faham mengapa kalau perjudian adalah haram di negara kita, mengapa mereka tidak tahu apa yang mereka buat, kerana perjudian tidak dibenarkan disisi Islam, dan di sini sebagai seorang yang . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, kalau macam itu boleh diteruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta satu assurance, kalau *Hansard* besok keluar ada pekataan yang menyakitkan hati, bolehkah Tuan Yang di-Pertua mengarahkan supaya Yang Berhormat dari Kota Melaka membuat suatu permintaan meminta maaf secara terbuka.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kepada orang Islam.

Tuan Zubir bin Embong: Kepada orang Islam, boleh? Sebab saya marah ini, kerana saya dengar, bukan saya marah kerana membabi buta.

Tuan Lim Guan Eng: Itu adalah kuasa Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa yang dicakapkan tadi, saya rasa Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu salah anggap.

Tuan Zubir bin Embong: Saya minta kepada Speaker, bukan minta kepada kamu.

Tuan Hu Sepang: Duduklah!

Tuan Zubir bin Embong: Apa duduk, kamu Speaker?

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat-Yang Berhormat duduk antara dua orang. Saya rasa kalau apa yang disebutkan tadi tidak ada apa-apa masalah.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya jadi saksi. Tuan Yang di-Pertua, dia baca itu bukan dia baca teks, semasa dia bercakap dia tengok kepada Tuan Yang di-Pertua, adakah dia boleh ingat apa yang dia kata tadi. Kalau betul dia baca teks, baca balik teks masa dia baca pada peringkat awal tadi, masa dia bercakap tadi dia tengok Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat pakar macam manapun tidak boleh ulang balik perkataan yang dia sebut tadi—"Saya hairan mengapa orang-orang Islam tidak mengikut apa yang telah ditetapkan oleh agama Islam"—mana boleh bercakap macam itu. Itu kita punya fasallah, kalau hendak masuk agama Islam mari kita cakap fasal Islam.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Hu Sepang: Apa dua orang ini kacau sahaja, suka kacau sahaja, tidak ada maksud lain, cuma kacau sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk, macam mana tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka?

Tuan Zubir bin Embong: Apa kacau?

Tuan Hu Sepang: Kacaulah, sebarang apa yang dibuat—kacau.

Tuan Mohamed Tamrin bin Abdul Ghafar: Yang Berhormat, saya ingin minta penjelasan, iaitu apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu untuk berlaku adil, besok kita tengok *Hansard*. Kalau sekiranya apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu menyakitkan hati, maka dia minta maaf.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, atas point of order apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (10) (c).

Tuan Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya tadi, tape tidak boleh dimainkan. Jadi, tidak dapat kita hendak . . .

Tuan Zubir bin Embong: Kita buat bantahan di atas Peraturan 36 (10) (c). Sekarang bila Tuan Yang di-Pertua minta Yang Berhormat dari Kota Melaka mengulangi, dia tidak mengulangi apa yang telah disebutkan, tetapi dia sebut perkara lain, tentulah tidak bersalahan dengan peruntukan 36 (10) (c.).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat, ingatkan apa Yang Berhormat katakan tadi?

Tuan Zubir bin Embong: Tentu dia tidak akan sebut perkara yang dia sudah sebut.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tipulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau

tidak ada, bermakna kita keluar daripada rekod.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau keluar dalam *Hansard* bagaimana?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau dia tidak sebut, perkara ini keluar daripada rekod, jadi tidak timbullah dalam Dewan ini.

Tuan Zubir bin Embong: Apa yang saya minta daripada Tuan Yang di-Pertua ialah kalau besok keluar dalam *Hansard*, ada perkataan di bawah bantahan saya tadi, saya minta dia buat satu perakuan terbuka, dia minta maaf secara terbuka, kerana pada petang ini dia menafikan apa yang telah dia kata.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya teruskan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak boleh. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat! Beginilah, sebab kita tadi . . .

Tuan Hu Sepang: Minta satu ruling. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tadi kita sudah lupa apa yang dia cakapkan, kemudian Yang Berhormat telah menafikan, kita tengok apa yang direkodkan besok dan boleh timbulkan semula. Boleh teruskan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Untuk memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam, saya ingin menyatakan di sini bahawa bukan budaya orang Islam untuk berjudi dan juga bukan budaya orang bukan Islam untuk berjudi. Tohmah-tohmahan yang dilemparkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa adalah budaya setengah-setengah orang yang bukan beragama Islam

berjudi adalah tidak betul sama sekali, kerana yang berjudi adalah pihak Kerajaan yang menggalakkan rakyat berjudi, dengan membenarkan rumah-rumah perjudian yang begitu banyak seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa tujuan Akta Rumah Perjudian Terbuka ini adalah untuk membolehkan loteri-loteri, badan-badan yang menjalankan loteri ini mendapat keuntungan yang lebih supaya dapat menindas mereka yang dikatakan mengamalkan perjudian yang haram. Sungguhpun perjudian adalah satu kegiatan yang tidak baik dan tidak betul, dan tidak boleh diizinkan dan dibenarkan dari apa-apa pandangan seperti yang saya katakan tadi, termasuk dari segi agama, terutamanya agama Islam.

Saya tidak faham sama sekali mengapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menyatakan kalau perjudian diharamkan, kegiatan yang haram, yang akan berlaku akan menjadi satu ancaman kepada keselamatan negara. Adakah ini bermakna bahawa pihak Kerajaan tidak bermaya langsung, tidak bermaya sama sekali untuk menjaga keselamatan negara? Apabila pihak Kerajaan melaung-laungkan dan berbangga bahawa mereka mempunyai kuasa yang lebih untuk membuat apa yang mereka suka untuk melakukan apa pun dengan sewenang-wenangnya, seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Polis dan banyak Akta lagi termasuk juga Akta Dharurat. Oleh itu kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seperti saya katakan tadi tidak masuk akal, tidak lojik, tidak waras langsung dan kalau pihak Kerajaan jujur, serius untuk mengharamkan kegiatan perjudian supaya rakyat tidak berjudi lagi, yang akan membazirkan wang rakyat, kegiatan perjudian ini mestilah diharamkan dan bukan langkah seperti ini yang

meninggikan penalti-penalti supaya Kerajaan boleh dapat lebih wang dan juga badan-badan loteri boleh dapat keuntungan yang lebih besar termasuk juga parti-parti politik dalam UMNO, dalam MCA yang boleh dapat keuntungan yang lebih besar dapat menghisap darah rakyat.

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, teruskan Yang terhormat.

Seorang Ahli: Takut!

Tuan Lim Guan Eng: Kalau takut, saya rasa saya tidak akan kena tahan. Takut berjudi, betul. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa pihak Kerajaan kalau ikhlas untuk menyelesaikan masalah ini, mestilah menyelesaikan masalah ini dari pokoknya iaitu mengharamkan perjudian dan bukan membantu mereka yang menjalankan kegiatan berjudi untuk mendapat keuntungan yang lebih besar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Pasir Mas.

5.10 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian mengenai dengan perbahasan Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang kerana sebelum ini dalam Dewan yang mulia sudah pun saya mengemukakan, pandangan-pandangan mengenai dengan tentangan saya yang mewakili kawasan Pasir Mas mengenai dengan

kegiatan judi di negara kita ini. Tinggal lagi dalam perbahasan Akta Rumah Perjudian Terbuka ini, suka sekali lagi saya ingin menegaskan di sini bahawasanya keputusan Kerajaan menghalalkan judi di negara ini dengan memberi sebab-sebab, antara lain, untuk mengawal kegiatan judi haram adalah tidak munasabah sama sekali. Dan juga dengan dihalalnya judi yang ada di negara kita ini kononnya dapat mengawal supaya kegiatan-kegiatan judi yang berleluasa di negara ini turut dapat dikawal.

Kita telah melihat contoh di negara-negara yang lain, selain daripada negara Malaysia, yang tidak membenarkan judi sama sekali, tidak menghalalkan judi, malah tidak timbul soal kegiatan judi bermaharajalela di negara tersebut. Malah kita dukacita kerana melihat negara Malaysia sekarang ini sudah menjadi suatu pusat judi yang terkemuka di kalangan negara-negara Asia-Pasifik ataupun kalau tidak di seluruh dunia. Apakah kita tidak merasa malu apabila melihat negara-negara Asia Tenggara di kalangan ASEAN lesen-lesen judi tidak berkecamuk seperti di negara Malaysia ini. Walaupun kita sedar ada judi dari segi Loteri Kebajikan di Singapura, di Thailand atau juga negara-negara ASEAN yang lain tetapi kita tidak melihat betapa banyaknya lesen seperti yang dikeluarkan oleh negara kita Malaysia. Malah negara-negara tersebut hari ini mulai tegas dalam usaha hendak menghapuskan judi di negara tersebut. Kita lihat bagaimana Kerajaan Indonesia telah mengharamkan satu kasino di puncak Indonesia. Kita melihat bagaimana Kerajaan Thailand beransur-ansur cuba hendak mengharamkan kegiatan judi, manakala kita di Malaysia bukan sahaja menggalak malah memberi perangsang dalam erti kata yang tidak langsung dengan mengeluarkan berbagai-bagai lesen judi dengan memberi berbagai-bagai alasan. Saya percaya dan saya mahu percaya bahawa keluaran lesen yang telah diberi itu

tidak lebih daripada kerana kepentingan golongan-golongan tertentu.

Yang Berhormat Menteri Kewangan mesti menjawab soal pengeluaran lesen-lesen judi ini kerana kita masih ingat pengswastan Sports Toto yang pada waktu itu telah beralih ke tangan Berjaya Corporation dan kemudian saham Berjaya Corporation telah dibeli oleh Raleigh Berhad dan kita tahu siapakah tuan punya Raleigh Berhad itu, tidak semestinya nama tersebut digunakan, nama-nama orang lain boleh digunakan tetapi kita yakin bahawasanya ada pihak-pihak yang tidak puas dengan kekayaan demi kekayaan walaupun di atas keruntuhan moral dan akhlak rakyat negara kita ini. Maka sebab itu kita tidak percaya bahawa judi ini dari segi menghalalkan judi suatu langkah yang bijak, suatu tindakan yang wajar, lebih-lebih lagi melihat dalam kontek ke arah usaha hendak membentuk masyarakat dan negara kita ini sebagai sebuah negara yang bermoral dan berakhlak. Ianya sungguh mendukacitakan kerana walaupun diberitahu sebelum ini dalam Dewan yang mulia apabila Soalan-soalan Mulut dikemukakan, apabila Akta-akta lain sebelum ini ada kaitan dengan perjudian dibahaskan mereka mengatakan bahawasanya judi terkawal, judi dapat dikurangkan. Manakala kita lihat judi makin sehari makin bertambah, judi makin sehari sudah makin menjadi budaya masyarakat negara kita ini. Berapa banyak lesen yang telah dikeluarkan, kita tahu bukan sahaja Loteri Kebajikan Masyarakat telah dipertingkatkan walaupun pada masa yang sama ada di kalangan pemimpin bagi pihak Kerajaan mengatakan ianya terkawal, keluar pula kenyataan daripada Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebajikan Masyarakat kononnya judi hantar wakil keluar negeri hendak cari jalan macam mana hendak baik supaya Loteri Kebajikan Masyarakat ini dapat diperbaiki, dapat digalakkan, dapat ditingkatkan.

Kenyataan-kenyataan yang bercanggah manakala lain-lain lesen lagi yang dikeluarkan Sweepstake, Sabah Stake walaupun untuk di Sabah tetapi juga ada tiket-tiket tersebut dijual di Semenanjung. Kita tahu slot machine timbul kekecuaan sehingga ada pihak Menteri sendiri menyalahkan pegawai Kerajaan kononnya pegawai Kerajaanlah yang mengeluarkan lesen slot tersebut tanpa pengetahuan Menteri berkenaan. Ini semua yang menjadi keajaiban bagi mereka yang boleh berfikir, bagi mereka yang waras, bagi mereka yang ada akal, yang tunduk kepada kebesaran Allah s.w.t. Ini yang berlaku, sebab perkara ini sudah menjadi budaya, budaya yang sungguh menjijikkan. Kita tidak usah bercakap soal moral, tidak usah kita bercakap soal masyarakat yang berdisiplin kalau kita mahu menyuburkan segala unsur perjudian ini yang sudah menjadi kanser kepada masyarakat.

Selama ini kita bercakap soal AIDS, kita bercakap soal DADAH tetapi judi juga serupalah juga masalahnya dengan AIDS, serupalah juga masalah dengan DADAH. Ianya mencengkam nadi, wibawa sesebuah masyarakat kerana judi inilah yang mencengkam keruntuhan akhlak dan moral.

Memang mereka mengatakan kononnya judi ini untuk bukan masyarakat Islam, bukan untuk orang-orang Islam, tetapi kita sedar dan saya bangga kerana ada pertubuhan-pertubuhan bukan Islam turut menentang kegiatan judi ini. Apakah ianya tidak memalukan kepada pihak Kerajaan sendiri, tidak boleh mengurangkan judi tersebut ataupun mengharamkan sama sekali sebagaimana cadangan kita. Ianya memalukan.

Hari ini semua orang berjudi walaupun keinginan mereka tidak mahu berjudi tetapi kemudahan itu diberi maka mereka berjudi. Sebab apa, sebab masalah ekonomi dan

kemiskinan. Kemiskinan yang menyebabkan ada rakyat secara tidak langsung terjebak dengan wabak judi kerana dari segi pandangan Islam kemiskinan itu dekat dengan kekefuran.

Apabila ramai siswazah tidak dapat kerja, harga barang-barang naik, cukai macam-macam, pendapatan tidak bertambah, walaupun kononnya ekonomi sudah pulih tetapi dengan kesempitan hidup ramai orang pasang angan-angan. Bila pasang angan-angan maka tidak ada jalan lain mula beli Loteri Kebajikan, Empat Nombor Ekor, TOTO dan sebagainya. Ini yang berlaku yang menyebabkan ianya merebak di desa-desa, merebak di kampung-kampung. Dulu kita tidak pernah lihat di desa, kalau pun ada tiket-tiket loteri di bandar-bandar besar. Hari ini Empat Nombor Ekor, Big Sweep, tiket-tiket ini sudah sampai ke kampung-kampung, di kedai-kedai, di warung-warung kecil dengan tiket-tiket yang digantung yang memberi unsur yang memperjelaskan kepada kita suatu pertumbuhan perkembangan baru dari segi budaya negara kita sebagai budaya negara judi. Hari ini satu lagi Akta dibentangkan, Akta Rumah Perjudian yang sememangnya hendak menggambarkan kepada seluruh negara bahawa Kerajaan bertanggungjawab. Inilah contohnya Kerajaan hendak mengawal judi maka buatlah judi, Akta Perjudian ini. Dulu Ordinan Pertaruhan, ini semua bukti kononnya Kerajaan hendak mengawal judi, suatu cara kononnya hendak beritahu kepada seluruh dunia, negara kita ini kawal judi, jangan berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya kata-kata sebentar tadi bahawa dengan Akta-akta begini kita menghalalkan judi, kita kawal judi kononnya judi akan hapus di negara kita—tidak. Saya percaya dengan banyaknya Rumah Perjudian ini, dengan menghalalkan lesen-lesen judi

ini, ianya akan bertambah lagilah judi-judi di negara kita ini. Kalau pun hendak dikatakan soal mendapat cukai, berapa banyak cukai yang dapat daripada hasil judi ini. Dan malah cukai daripada hasil judi ini bertentangan dengan agama Islam tetapi itu pun tidak banyak, sanggup kita korban, sanggup kita mencabar perintah Allah s.w.t. dari segi pandangan agama Islam atas nama kepentingan cukai tadi. Apa yang sangat kita hairan sangat dengan cukai judi ini, negara kita kaya, negara kita makmur, macam-macam bahan mentah ada, ada minyak, ada emas, berpuluh kali sudah dibangkitkan perkara yang sama, seluruh dunia tahu negara kita makmur dari segi hasil-hasil lain, yang boleh kita pergunakan bagi memperbaiki taraf hidup rakyat, bukan dengan cara hendak menagih cukai daripada judi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, kelulusan lesen-lesen judi ini adalah untuk kepentingan beberapa individu, biarpun di atas nama keruntuhan akhlak dan moral rakyat negara kita ini tidak boleh dinafikan sama sekali. Kita lihat pertambahan-pertambahan yang ditegaskan tadi nyata sekali memberi gambaran bahawa ada pihak-pihak di belakang yang mempunyai kepentingan dalam soal bab judi ini. Yang mendukacitakan pula ada golongan-golongan yang bercakap soal Islam, yang bercakap soal akhlak, tradisi ilmu, tradisi moral dan sebagainya di mana duduknya badan perunding Islam, di mana duduknya majlis syura yang boleh memberi nasihat kepada Kerajaan supaya judi ini tidak berleluasa, supaya judi ini dapat diharamkan.

Jadi itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, sebagai melahirkan pandangan bersabit dengan Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 ini sebagai menyatakan bantahan di atas

berleluasanya judi-judi yang berlaku dalam negara kita sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.22 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang sekejap untuk membahas Rang Undang-undang (Pindaan) Perjudian yang telah dibentangkan pada petang ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang kerana Akta-akta seperti ini telah acap kali dibahas dan dalam sidang yang lepas baru-baru ini pun Akta Perjudian telah pun dibahas dengan begitu panjang dan saya sendiri sebagai mewakili Parti Islam SeMalaysia telah memberi beberapa teguran, beberapa pandangan supaya Kerajaan merasa bertanggungjawab dan Kerajaan akan mengambil sikap yang bertanggungjawab, tetapi petang ini ada pula wakil daripada Kerajaan membentang satu Akta Rumah Perjudian (Pindaan), 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham dan saya tidak dapat kesan matlamat Kerajaan dengan pembentangan Akta, kelulusan Akta dan sebagainya, terutama sekali Akta Perjudian ini. Kalau kita kaji secara mendalam kita tidak nampak matlamat Kerajaan untuk menghapuskan judi ataupun untuk membanteraskan punca-punca maksiat dalam negara, bahkan saya percaya sekiranya dilulus Akta yang dibentang pada petang ini maka dua perkara akan didapati. Pertama, orang berjudi terus akan berjudi. Kedua, Kerajaan tetap akan dapat hasil dan inilah matlamat Kerajaan dan matlamat pemerintah. Apakah Kerajaan tidak mempunyai maruah, tidak mempunyai akhlak, tidak mempunyai moral dan tidak ada

perasaan malu dan aib dengan slogan-slogan yang ditunjuk seperti "bersih, cekap dan amanah" ataupun "kepimpinan melalui teladan" ataupun "tradisi membela rakyat". Apakah ini satu kepimpinan melalui teladan di mana dengan kelulusan Akta Judi seolah-olah kita mengheret seluruh rakyat untuk terjun dalam gaung kehinaan, untuk mencemar keadaan hidup rakyat daripada terlibat dengan punca-punca maksiat. Apakah ini bersih sedangkan Islam mengatakan rijsun, najis dan perbuatan ini kerja syaitan. Apakah ini boleh kita anggap bersih? Begitu juga kalau kita tonjolkan tradisi membela rakyat, apakah maksud pembelaan? Kalau kita amal tradisi membela rakyat, erti kita akan melakukan berbagai-bagai usaha, terutama sekali dengan kuasa Kerajaan akan mengangkat rakyat dan meletak rakyat di tempat yang tepat, di tempat yang sesuai, di tempat yang dapat kita sanjung di mana rakyat seluruhnya bersih, lebih-lebih lagi orang-orang yang telah menganut Islam, orang yang telah memilih Islam sebagai addin yang mana dengan keyakinan dia, dia dapat menjaga kebaikan dunia dan akhirat, tetapi dengan apa yang diamal dan dilakukan oleh Kerajaan hari ini rakyat yang duduk di tempat baik, rakyat yang bersih, rakyat yang ada kepimpinan akan membawa kepada jurang yang begitu buruk sekali.

Sebab itulah dalam sidang yang lepas saya telah menarik perhatian Kerajaan bahawa dengan Kerajaan meluluskan Akta Rumah Perjudian maka seolah-olah Kerajaan menghidang makanan najis kepada rakyat. Bagaimana kalau Kerajaan ini sebagai bapa, rakyat ini sebagai anak, adakah seorang bapa sanggup beri makan najis kepada anak, beri makan benda kotor kepada anak? Kalau itulah sikap bapa ataupun itulah sikap ibu maka tidak harus orang ini menjadi bapa kepada anak dan tidak sesuai anak mengakui bapa. Apakah Kerajaan lebih besar tanggungjawab daripada seorang bapa, lebih besar

tanggungjawab daripada seorang ibu? Usaha dalam menguasai pentadbiran negara mencakupi seluruh apa yang ada dalam negara, terutama sekali rakyat berbilang kaum.

Inilah saya dukacita dan saya rasa tidak berguna saya bercakap beberapa kali sekalipun kerana Kerajaan seolah-olah pekak, tidak ada lubang telinga untuk mendengar sesuatu kebenaran, lebih-lebih lagi yang saya dukacitanya ahli-ahli agama daripada pihak Kerajaan tidak pernah buat teguran. Bukan setakat tidak pernah buat teguran, ada yang hendak mengganggu pula orang yang bercakap, seperti apa yang disaran oleh wakil dari Kota Melaka tadi. Patut dia ambil peranan, dia bercakap dan dia buat teguran tetapi jangan dia hendak buat teguran, orang bercakap buat teguran secara ikhlas, secara baik, dia cuba ganggu pula untuk hendak mengelirukan, buat jenaka dan buat tuduhan berbagai-bagai.

Yang saya dukacita, Tuan Yang di-Pertua, dia kata bukan kesemua orang Islam yang berjudi, sebab itulah tuduhan wakil dari Kota Melaka tidak betul. Orang hendak berjudi, berjudilah; orang tidak berjudi, tidak berjudi, bukan semua orang Islam. Saya hendak tanya wakil dari Kuala Terengganu dan wakil dari Arau, lebih-lebih lagi ahli-ahli agama daripada pihak Kerajaan apakah dia menentang Akta pindaan ataupun dia menyokong? Kalau dia menentang, dia bangun bercakap buat tentangan secara terbuka. Kalau dia tidak sanggup hendak bangun buat tentangan, ertinya dia menyokong, maka dia menyokong erti dia berjudi sendiri, dengan sendiri dia berjudi. (*Tepuk*) Ini ada nas, ada kaedah dalam Islam, saya boleh kemuka dan saya percaya penyokong-penyokong Kerajaan daripada orang Islam sendiri pun menyokong Akta Judi ini sebab tidak pernah ada suara sedangkan dalam Islam, Rasulullah s.a.w. yang menjadi

penghulu kepada wakil-wakil UMNO, yang wakil UMNO mengaku sebagai Utusan dan Rasul dia, dia telah bersabda, siapa tengok perkara mungkar, perkara buruk, perkara yang menyeleweng daripada akidah, wajib dia kena tegur. Kalau dia tidak kuasa tegur dengan lidah, dengan tangan, dia tegur dengan mulut. Tidak kuasa tegur dengan mulut, sekurang-kurangnya dia tegur dengan hati. Apakah sikap wakil-wakil daripada Kerajaan yang mewakili UMNO gambaran teguran mereka, dengan tangan mereka tidak tegur, dengan lidah mereka tidak tegur atau apakah mereka tegur dengan hati ataupun mereka suka jadi syaitan bisu. Inilah masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak mahu bercakap panjang sebab kalau Kerajaan itu rasa tanggungjawab tidak patut Rang Undang-undang dibentang, cukup dengan bersih. Kalau bersih, bukan bersih judi ini, rijsun, najis dan kerja ini kerja syaitan. Adakah Kerajaan hari ini Kerajaan syaitan, bertindak seperti syaitan, mengajak rakyat jadi syaitan, melaksanakan hukum syaitan? Ini saya cabar Kerajaan. Kalau berasa tanggungjawab biar cukup setakat hari ini, akan datang marilah sama-sama kita pimpin masyarakat supaya benar-benar masyarakat ini duduk di atas landasan yang dapat meyakinkan kepada seluruh masyarakat.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rasah.

5.30 ptg.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Yang di-Pertua, di dalam persidangan Parlimen yang lalu iaitu pada bulan Jun dan Julai tahun ini, kita pun mempunyai satu Rang Undang-undang berkaitan dengan kegiatan perjudian iaitu Ordinan Pertaruhan.

Nampaknya selepas tiga bulan kemudian pada hari ini kita ada menghadapi lagi satu Rang Undang-undang yang juga berkait dengan perjudian dan nampaknya Ahli-ahli Parlimen yang mengambil bahagian membahas pun sama juga macam tidak ubah langsung. Cuma kali ini kita menambah seorang ahli baru dari Kota Melaka. Dan seperti saya ada melafazkan pandangan atau perasaan saya pada persidangan yang lalu, saya ingin juga mengulangi sekali lagi supaya tujuan saya tidak disalahfahamkan iaitu saya bukan mempertahankan kegiatan perjudian, tetapi apa yang saya bimbang, apa yang saya kluatir ialah apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, apakah jaminan rakyat akan dapat ataupun pihak berkuasa akan memberi kepada rakyat bahawa akta atau law ini, undang-undang ini tidak akan disalahgunakan oleh pihak berkuasa.

Cuba kita lihat pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, satu Rang Undang-undang dikemukakan oleh pihak Kementerian Kewangan, apabila diluluskan di Parlimen termasuk Senate, tidak akan jadi masalah di Senate sebab Senate sudah merupakan satu cop getah, apabila diluluskan dan kemudian menjadi undang-undang, ia akan berkuatkuasa ataupun dilaksanakan oleh pihak lain iaitu pihak Kementerian Dalam Negeri, khususnya pihak Polis. Saya ingin hendak tanya adakah pegawai-pegawai pihak Kementerian Kewangan apabila mendrafkan Rang Undang-undang ini, mereka berunding dengan pihak yang akan melaksanakan undang-undang ini iaitu pihak Polis? Cuba kita tengok apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini. Semua ada berkait dengan meningkatkan ataupun memberatkan hukuman, termasuk hukuman penjara mandatory. Saya sangat berasa terkejut, nampaknya negara kita Malaysia ini sahaja, sebuah Kerajaan yang saya faham menamakan Kerajaan sekular yang memberi hukuman kepada rakyatnya yang melibatkan diri

dalam kegiatan perjudian dengan hukuman penjara mandatory. Apa akan jadi kepada negara kita ini sehingga main judi pun kena penjara. Memang kalau mereka melibatkan diri dalam kegiatan jenayah lain seperti judi, rompak, samun, mereka patut dihantar ke penjara. Tetapi untuk bermain judi kena hukum penjara, saya rasa ini keterlaluan, terlampau.

Saya ingin lagi sekali hendak merayu kepada pihak Kerajaan, apabila Rang Undang-undang ini diluluskan menjadi Akta, silalah timbang rasa kepada rakyat Malaysia sebab negara kita merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang kepercayaan. Misal kata untuk rakyat Malaysia keturunan Cina, apabila ada di sebuah keluarga ada kematian berlaku, adalah menjadi satu adat untuk rumah si mati itu mengadakan satu upacara yang di mana mayat akan disimpan mungkin dua tiga malam dan buat masa tempoh itu para jemputan termasuk saudara mara, kawan-kawan ataupun yang mereka kenal akan dijemput untuk datang ke rumah si mati itu memberi penghormatan kepada si mati ataupun mereka yang berkabung. Salah satu cara untuk menarik mereka datang ialah memberi peluang mereka bermain sedikit perjudian. Dan menurut apa saya faham kegiatan tersebut itu tidak boleh dianggap sebagai perjudian. Dan lagi saya diberitahu oleh kawan-kawan saya dari negeri Sabah, khususnya mereka keturunan Kadazan mereka lagi hebat, mereka ada satu minggu yang penuh untuk tujuan maksud ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Hu Sepang: Hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya penjelasan, boleh, steadylah. Saya ingin tanya minta

penjelasan. Macam mana perjudian yang dimaksud tidak boleh dianggap sebagai perjudian. Perjudian judi tetapi tidak boleh dianggap sebagai judi, macam mana itu?

Tuan Hu Sepang: Ini soalan memang amat menarik. Ini terpulang kepada budi bicara individu. Saya boleh beri satu contoh, lumba kuda. Sebahagian orang menganggap lumba kuda sebagai sukan, termasuk Queen Elizabeth sendiri pun pergi Turf Club Selangor menyaksikan satu perlumbaan dan saya yakin Queen Elizabeth pergi menyaksikan perlumbaan itu, bukan bererti Queen mahu berjudi tetapi sebagai sukan. Ini maksud saya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak kira Queen Elizabethkah, anak diakah, saudara diakah tetapi benda itu kalau judi dipanggil sukan lumba kuda jenis judi. Jadi, katakan tadi orang itu berjudi, tetap berjudi. Ahli Yang Berhormat tidak boleh anggap benda yang tidak judi itu tidak judi. Takkanlah kalau kita mencuri, kita anggap tidak mencuri. Kalau berzina, berzinalah, kalau mencuri, curi, tidak boleh benda yang salah dianggap betul. Saya tidak jelas lagi. Nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak berjaya memberi penjelasan kepada saya.

Tuan Hu Sepang: Untuk orang dari Pantai Timur susah hendak terangkan (*Ketawa*). Maksud saya cukup terang, Tuan Yang di-Pertua. Rayuan saya ialah pihak berkuasa mesti mahu kena pastikan apakah itu perjudian? Contoh saya telah beri tadi lumba kuda. Queen Elizabeth pergi ke Turf Club, beliau bukan kata itu perjudian tetapi sebagai sporting event, dengan izin. Tetapi kalau Ahli dari Marang hendak beranggap event itu sebagai perjudian, apa boleh buat, itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang. Itu maksud saya. Semua dalam hati. Kalau hati kata judi, itu judi, kalau hati kata bukan judi, bukan judi. Ini philosophy sayalah (*Ketawa*). Kalau Ahli Yang

Berhormat dari Marang tidak faham, saya pun susah hendak jelaskan (*Ketawa*) lagi dan saya harap beliau jangan kacau saya lagi (*Ketawa*).

Seperti saya kata tadi, untuk rakyat Malaysia keturunan Kadazan, mereka ada satu minggu untuk tujuan ini. Dan bukan sahaja untuk menganjurkan kegiatan hiburan, maksud saya perjudian, tetapi juga mereka memberi peluang untuk para jemputan ataupun kawan-kawan saudara-mara untuk minum arak. Ini bukan tunjuk mereka senang hati ataupun gembira. Yang sebenarnya mereka semua berasa sedih, berkabung dengan si mati memberi. . . .

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kalau hati kata tidak judi tetapi duit sudah kalah, judi tidak?

Tuan Hu Sepang: Duit kalah itu terpulang kepada individu. Kalau ada kemampuan duit kalah tidak apa-apa. Kalau tidak ada duit pinjam duit, kalah itu memang hati sakit, itu memang perjudian. Jadi, saya haraplah. . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dahulu.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu fatwa mana yang dipakai dalam soal perjudian ini, fatwa DAP ataupun fatwa PAS?

Tuan Hu Sepang: Ini adalah keterlaluan, Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya kata tujuan saya ialah merayu kepada pihak berkuasa apabila melaksanakan ataupun menguatkuasakan Akta ini selepas diluluskan di dalam Parlimen bertimbang rasa, apakah itu perjudian. Seperti contoh

yang saya beri tadi apabila di sebuah rumah rakyat Malaysia. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan kepada saya benda itu haram, hati kata tak haram, haram atau tidak, sedangkan benda itu haram. Katakan judi itu haram, hati kata tak haram, haram atau tidak? Minta penjelasan.

Tuan Hu Sepang: Jangan main agama dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah Yang Berhormat, sangat mendalam falsafah itu.

Tuan Hu Sepang: Ya, ini sangat dalam, kalau tak faham sorrylah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal dalam tetapi saya tertarik hati bila beliau kata tadi dalam satu upacara kerana mungkin meraikan adat, saya fahamlah itu, kerana hendak sporting kerana meraikan adat sedangkan benda itu judi tetapi dia minta dihalalkan, benda itu tetap judi. Begitu juga dalam apa-apa upacara. Jadi, hujah yang diberikan itu tidak lojik, tak munasabah. Saya bukan tak setuju dengan apa yang hendak dicakapkannya, ada banyak yang saya setuju tetapi bab ini memang saya tidak setuju. Kena cakap betullah sedikit.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Marang itu tetap mahu cari kesilapan sebab memang itu bukan tujuan saya. Saya boleh ulangi sekarang, janganlah anggap apa-apa maksud saya ialah hendaklah patut menaksirkan, mengenalpastikan ataupun bertimbangrasa apabila melaksanakan Akta ini. Lagi satu contoh, apabila rakyat Malaysia keturunan Cina merayakan Tahun Baru Cina dan semua boleh dikatakan. . .

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau dulu.

Tuan Hu Sepang: Saya bagi Ahli dari Tanjong. Ini hak saya, Tuan Yang di-Pertua. Nanti, sabarlah saya akan bagi peluang, sekarang saya bagi jalan kepada Ahli dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar tadi Ahli Yang Berhormat dari Rasah, apabila ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang mengenai haram atau tak haram, bukankah benar bahawa kalau judi haram, orang yang ada dalam Dewan ini ambil bahagian untuk meluluskan satu rang undang-undang mengenai perjudian untuk menghalalkan perkara ini pun haram. Adakah apa yang haram boleh jadi halal oleh kerana Parlimen meluluskan? Bukankah ini bererti apa yang Ahli Yang Berhormat dari Marang yang akan buat nanti pun haram?

Tuan Hu Sepang: Ya, itu memang maksud saya, tetapi saya belum sampai ke peringkat itu. Sekarang saya harap Yang Berhormat dari Marang faham.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya saya simpati dengan Ahli Yang Berhormat. Tetapi adakah pandangan Ahli Yang Berhormat ini pandangan DAP ataupun pandangan individu sebab wakil dari Kota Melaka tadi menentang secara terus menerus, tidak kira apa bentuk perjudian diminta diharamkan, sedangkan Yang Berhormat dari Rasah menyokong. Cuma minta semasa pelaksanaan diringankan. Apakah itu maksud Ahli Yang Berhormat iaitu menyokong isu judi ini?

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pernah dengar saya sebut perkataan sokong atau menyokong, langsung tidak. So don't put words in my mouth. Ini sudah biasa, kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu selalu buat kacau seperti tadi kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi dia kata judi itu haram, judi itu tak boleh dihalalkan, selepas itu dia kata dan minta kalau dalam upacara-upacara macam kematian, masa tunggu mayat dua tiga hari, saya ada teks itu, Hansardnya ada, sebab itu minta judi ini dibenarkan, dilonggarkan. Saya bukan soalkan hendak longgar ataupun tak longgar. Saya bertanya tadi, benda itu beliau sendiri bersetuju judi tidak dibolehkan, kenapa minta dilonggarkan? Ertinya beliau ini bercanggah termasuklah wakil dari Tanjong, bercanggah.

Tuan Hu Sepang: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan minta syarat-syarat ataupun hukuman itu dilonggarkan ataupun diringankan. Apa maksud rayuan saya ialah supaya pihak berkuasa atau pihak Kerajaan apabila melaksanakan atau menguatkuasakan Akta ini hendaklah bertimbangrasi, tidaklah patut menganggap sebahagian kegiatan seperti upacara kematian di dalam rumah orang Tionghua ataupun rumah orang Kadazan sebagai perjudian. Takkanlah pihak berkuasa akan menghantar pasukan Polis untuk mengganggu mereka semua dan mendakwa Akta ini? Inilah tujuan saya, jadi janganlah bengkokkan apa tujuan saya yang tidak benar. Okay, saya beri peluang.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak silap ingatan saya, pendengaran saya, Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan bahawa tidak ada mana-mana bangsa yang berbudaya berjudi sedangkan Yang Berhormat dari Rasah

menampakkan ada budaya di kalangan orang Kadazan, di kalangan orang Cina semasa hari raya seolah-olah ada budaya berjudi sehingga beliau meminta semacam suatu pengecualian kepada mereka ini yang menjalankan kegiatan "bermain" sama ada berjudi atau tak berjudi, itu interpretasi masing-masing. Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Rasah atas percanggahan kenyataan antara Yang Berhormat dari Kota Melaka dengan Yang Berhormat dari Rasah dalam kenyataan ini. Minta penjelasan.

Tuan Hu Sepang: Ya, terima kasih. Adakah pernah saya sebut kebudayaan tadi, langsung tidak ada. Saya katakan adat, dengarlah baik-baik. Cukuplah, apa lagi mahu?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya minta penjelasan sedikit. Adat dan kebudayaan itu merupakan sama. Adat dan kebudayaan sama. Adat itu berasal dari perkataan Arab, tetapi telah diMelayukan. Oleh itu, kalau boleh dilakukan berterusan, adat dan kebudayaan lebih kurang sama, jadi saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat dari Rasah dapat mengatakan adat di kalangan Kadazan ataupun orang Cina berjudi di masa-masa tertentu dan itulah yang diminta dikecualikan. Saya minta sekadar penjelasan. Saya tidak hendak pertikaikan soal haram-halal, minta penjelasan dalam soal itu.

Tuan Hu Sepang: Itu menunjukkan apa yang berlaku tadi, Tuan Speaker, ialah kerana negara ini sebuah negara yang berbilang bangsa. Kita harus duduk bertukar fikiran supaya kita boleh saling faham memahami lebih lagi, kalau antara semua kaum yang berbeza. Tujuan saya memanglah baik. Saya bukan mengatakan—seperti saya katakan pada awal ucapan saya ini, saya tidak mahu disalahfahamkan

sebagai seorang yang mempertahankan kegiatan perjudian. Tidak, langsung tidak. Saya siang-siang sudah sebut, sebab saya sedar ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pantai Timur suka kacau saya. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Sabah, saya bagi jalan.

Tuan Madatang bin Morejal: Ahli Yang Berhormat dari Rasah telah menyebut keluarga Kadazan, salah satu daripada suku kaum Kadazan. Apakah hubungan keluarga Kadazan dengan perjudian seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rasah?

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, saya memberikan contoh supaya saya boleh merayu kepada pihak Kerajaan iaitu apabila menguatkuasakan Akta ini, janganlah menganggapkan apa yang berlaku di kalangan rakyat tertentu sebagai kegiatan perjudian. Mungkin dari segi undang-undang, mereka duduk di sana beramai-ramai dan nampaknya mereka mungkin melibatkan diri dalam kegiatan perjudian, tetapi dalam hati mereka, mereka bukan berjudi. Faham atau tidak, kalau tak faham, selepas Dewan ini marilah berjumpa saya. (*Ketawa*)

Tuan Maidom P. Pansai: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dikatakan perjudian itu adalah sebahagian daripada adat-istiadat kaum Tionghua dan juga Kadazan apabila ada kematian. Saya sendiri adalah dari kaum Kadazan dan saya tidak mengingati dan saya tidak tahu bahawa perjudian adalah adat-istiadat kaum Kadazan itu dalam apa juga majlis kematian. Jadi, saya tidak mahu dianggap bahawa kaum Kadazan mempunyai adat-istiadat seperti itu sewaktu ada kematian.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih. Itu cukup terang. Ini memang tujuan saya. Sebab itu saya tadi kata, tidak boleh menganggap kegiatan seperti itu sebagai perjudian. Itu memang tujuan saya, maksud saya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ingin tanya lagi apakah kerana adat, budaya ataupun cara hidup judi yang sama-sama kita tidak setuju, tidak payah pakai perkataan halal-haramlah kerana dia pun tidak faham pakai benda itu. Judi yang sama-sama kita tidak setuju ini tiba-tiba kerana adat dan budaya maka kita hendak setuju. Di manakah prinsip? Sekarang kita sedang membahas suatu Akta yang penting. Sila jawablah.

Tuan Hu Sepang: Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan sedar bahawa Malaysia kita sebuah negara yang berbilang kaum, bermacam-macam kepercayaan, mereka akan faham tujuan saya. Takkan jadi begitu degil, stubborn; tidak mahu buka otakny, mahu tutup macam batu, kayu!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Begini, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jelaskan sedikit. Minta penjelasan. Bukankah kita sudah akui bahawa apa juga adat, apa juga kaum, apa juga kepercayaan, kita sudah setuju bahawa kita tidak setuju pada judi. Judi kenapa sampai begitu sekali sampai otak, kayu. Jadi nampak Yang Berhormat ini biasanya kelakar, joker, tetapi nampaknya hari ini saya appreciatelah, sebab berbahas dengan cara ilmiah, dengan cara serious, sebab itu saya tertarik hati untuk bercakap secara ilmiah dan serius. Kalau hendak buat bahan kelakar juga, saya tidak mahu bahaslah. Tetapi kalau hendak bahas secara serious dan bersungguh-sungguh kerana ini Akta, ini bukan cerita penyanyi Sahara Yaacob. Ini cerita yang penting. Terima kasih.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata, kalau mereka

yang percaya, yang mematuhi, akan menghormati negara Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang kebudayaan, bermacam-macam kepercayaan, maka mereka tidak akan bertindak seperti apa yang kita saksikan tadi.

Jadi pendek katanya, Tuan Yang di-Pertua, saya memang khuatir bila Rang Undang-undang ini diluluskan, pihak berkuasa—dalam konteks ini pihak Polis saya amat khuatir saya amat bimbang, saya takkan cakap pihak Polis akan berbuat demikian dengan tentunya, tetapi kemungkinan besar pihak Polis akan menyalahgunakan kuasa di bawah Akta ini. Dengan hukuman dipertingkatkan, dengan hukuman penjara mandatori bahawa kegiatan rasuah ataupun lumayan dibayar akan menjadi besar juga. Misal kata, mungkin apabila seorang ditangkap bersabit dengan kegiatan perjudian mungkin pada masa dahulu beliau membayar duit rasuah \$200 dan orang itu boleh dibebaskan. Tetapi dengan Rang Undang-undang ini orang berkenaan ingin hendak memberi \$200 sebagai duit rasuah mereka tidak ada peluang. Mungkin pihak berkuasa akan minta lebih, "oh! sekarang undang-undang sudah tukar; kau akan masuk ke penjara; kalau hendak bebaskan diri bayar \$1,000." Inilah tujuan saya. Saya amat bimbang.

Selain daripada itu saya hendak buat rayuan muktamad kepada pihak berkuasa dan jikalau boleh kita buat satu pindaan atas pindaan ini iaitu perkara-perkara yang saya sebut tadi memberi satu fasal kepada pihak berkuasa supaya mereka boleh mengecualikan dari melaksanakan apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini ke atas perkara-perkara seperti saya sebut tadi termasuk hiburan yang dijalankan, dilakukan di dalam rumah orang Tionghua apabila mereka merayakan Tahun Baru Cina ataupun lain-lain kaum apabila dalam rumah mereka ada berlaku kematian. Inilah tujuan saya. Saya harap Ahli-ahli Yang

Berhormat dari Kerajaan silalah dengar baik-baik ucapan saya. Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

5.56 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka, satu dua perkara ingin saya sentuh.

Pertama, janganlah ditafsirkan bahawa bila saya bercakap tentang Rang Undang-undang ini bermakna kita juga memberikan saham untuk membenarkan atau bersetuju dengan judi. Bagi saya, judi dalam kaedah dan bentuk sepertimana sekalipun ianya tetap haram. Dalam keadaan pindaan Rang Undang-undang sepertimana pun dia tetap tidak diakui dan tidak diredai di sisi Allah s.w.t.

Yang kedua, saya ingin menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini kita lihat satu bentuk trend perjudian yang berbeza berbanding dengan masa lampau di mana alat-alat teknologi moden seperti slot machine dan sebagainya telah dipergunakan di dalam konteks kononnya menggunakan hiburan. Saya kira perkara ini perlu diawasi dan budaya judi ini menjadi satu budaya yang pada pandangan pertama oleh orang-orang muda ini sebagai bentuk budaya hiburan ataupun suka-sukaan. Saya mintalah supaya pemerintah ataupun Kerajaan menggerakkan jentera penguatkuasaan di seluruh negara kerana ternyata jelas pada hari ini budaya judi ini bukan sahaja melibatkan golongan yang tidak educated, tidak berpelajaran tetapi juga golongan yang berpelajaran, golongan yang berbudaya tinggi. Hasil daripada pendedahan alat-alat judi

moden yang begitu banyak dan juga tidak terkawal di seluruh negara.

Saya berasa amat dukacita kerana perkara ini telah pun banyak dinyatakan baik di peringkat pemimpin-pemimpin negara ataupun peringkat bawahan. Jadi budaya berjudi ini patutlah disekat dan kita tidak redha perkara-perkara ini diteruskan dalam apa juga bentuk cara dan kaedah.

Yang ketiga, yang saya hendak sebut janganlah kerana kita terlalu menghormati budaya ataupun cara hidup satu-satu masyarakat sehingga kita menghalalkan benda yang haram, benda yang tidak bagus dan tidak betul. Saya bukan kata tidak menghormati kehidupan lain-lain kaum tetapi yang kita tahu bahawa judi sama ada dia apa juga bangsa dan cara pokoknya memang tidak diredhai dan tidak dipersetujui dan yang dipersetujui mungkin kalangan-kalangan yang kecil. Misal katakan kalau orang-orang Cina, mereka sendiri tidak setuju dengan judi tetapi mungkin sekumpulan orang Cina ataupun satu keluarga Cina ataupun satu kumpulan yang terpisah, yang serpih mungkin melakukan itu, bukanlah bererti benda yang serpih itu boleh kita jadikan satu kesimpulan yang besar bahawa orang itu setuju untuk berjudi.

Begitu juga orang Kadazan. Saya tidak fikir orang Kadazan setuju dengan judi. Mungkin ada satu kelompok kecil yang serpihan. Jika kalau ada pembangkang kerana ingin merayu, kerana ingin mengekalkan budaya yang tidak sihat ini, tidak boleh kita buat macam itu, benda yang tidak betul, memang tidak betul. Saya hendak cabar siapa-siapa yang ada dalam Dewan ini yang terdiri dari mana-mana kaum yang mengatakan bahawa judi itu, bangsa atau cara itu sendiri menghalalkannya dalam konteks negara—bangunlah.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat tadi itu. Saya dengar dengan terang dan jelas bahawa Yang Berhormat itu mengatakan walaupun apa caranya perjudian itu berlaku dia tetap tidak setuju, tetap bantah. Kalau begitu, saya minta Yang Berhormat itu memberi penjelasan. Di sini suatu Akta telah dibentangkan dalam Dewan ini untuk ditimbang sama ada dilulus atau tidak, Akta ini adalah di hadapan Tuan Yang di-Pertua. Ini pun satu cara perjudian dengan berlesen, sama ada secara langsung atau tidak langsung ini terlibat dalam sesuatu kegiatan perjudian.

Saya minta Yang Berhormat dari Marang menjelaskan dengan terang sama ada beliau akan membantah atau menyokong dengan Akta yang telah dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saudara kena faham, saya menjelas dan menegaskan, benda haram tetap haram. Judi itu haram, saya tidak kata halal, haram. Tetapi Akta yang dibentangkan ini kita juga kena faham bahawa ini merupakan teknik dan cara pentadbiran, mungkin merupakan satu proses untuk mengurangkan ataupun menghapuskannya pada matlamat yang terakhir. Saya yang bangun mencabar, iaitu—siapa yang hendak bangun, sabar dahulu. Saya cabar, saya kata mana ada bangsa, puak, kaum, race dalam konteks negara ini mengakui bahawa judi ini boleh dan dihalalkan. Saya mengatakan, kalau ada pun, merupakan kumpulan yang serpihan, yang kecil. Jangan jadikan yang serpihan, yang kecil ini dijadikan satu kumpulan besar bahawa group itu mempersetujui. Contohnya, orang Cina, mungkin Yang Berhormat dari Rasah tadi, dia mengambil tentang adat istiadat kematian untuk menghalalkan judi. Saya tidak bersetuju, kerana orang Cina sendiri tidak bersetuju pada keseluruhannya.

Kita tidak boleh bercakap dalam konteks yang kecil, keseluruhannya tidak bersetuju dengan itu. Begitu juga saya tidak bersetuju kalau diceritakan tentang soal orang Kadazan. Mungkin ada serpihan, yang kecil—satu, dua, tiga orang, orang Islam pun ada juga yang berjudi, bukan tidak ada, tetapi kita bercakap dalam konteks yang besar. Dalam konteks ini kita mesti kena lihat segi soal haram secara keseluruhannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Marang. Apabila beliau menyebut soal haram tetap haram, halal tetap halal, saya mahu Yang Berhormat dari Marang menegaskan apakah beliau bersetuju judi dihalalkan dan judi diharamkan. Di dalam Dewan yang mulia ini kita tidak boleh berdolak-dalik. Saya percaya Yang Berhormat dari Marang akan dihormati sebagai pemimpin besar kerana di dalam Dewan ini tempat kita menentukan sikap, tempat kita membuat undang-undang, kita tidak boleh bermain dengan kata-kata, “itu halal, ini haram”, tetapi kita tidak berani menegaskan pendirian. Saya percaya kalau Yang Berhormat dari Marang mengatakan ini haram, maka kita mencadangkan judi itu diharamkan sama sekali, saya tidak percaya Yang Berhormat akan dipecat daripada UMNO Baru ataupun Barisan Nasional, malah Yang Berhormat akan menjadi seorang ahli Dewan yang dihormati. Sekian.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saudara Yang Berhormat, tidak timbul soal pecat, soal naik pangkat atau soal apa. Prinsip dan ketegasan saya, judi itu haram, judi itu tidak boleh kita lakukan. Tidak

payahlah hendak pusing, takut atau bimbangkah, ini semua tidak timbul pada saya. Saya sudah sebut judi itu saya tidak bersetuju sama sekali. Cuma saya mengatakan Rang Undang-undang yang dinyatakan ini bagi saya merupakan satu proses yang saya doa dan harap akan menemui matlamat terakhir bahawa judi satu hari nanti tetap akan diharamkan. Sebab itu Nabi Muhammad s.a.w., dia tidak meletakkan hukum ketika Baginda Rasulullah s.a.w. di Mekah 100%. Hukum itu hanya diletakkan ketika di Madinah. Syafah Madinah, Perlembagaan Madinah dikanun dan di diisytiharkan di Madinah, bukan ketika dalam proses mengibadahkan manusia itu ketika di Mekah. Begitu juga Tuhan jadikan dunia ini dalam masa enam hari enam malam, Tuhan tidak kata dunia jadi dalam masa satu hari sahaja. Proses keadaannya itu. Saya kena bezalah di antara apa yang saya sebut dengan apa yang hendak dibuat oleh Ahli dari Rasah.

Saya bukan tidak setuju secara keseluruhan dengan Ahli dari Rasah, yang saya tidak setuju sebahagian daripada pendapat-pendapat yang dikemukakannya tadi. Secara keseluruhan saya melihat bahawa proses yang dilakukan oleh Kerajaan sekarang ini sebagai satu proses yang sihat. Tetapi Kerajaan juga jangan lupa bahawa proses ini walaupun masih lagi ada perkara-perkara seperti ini, saya minta bukan soal hukum sahaja ditingkatkan, bukan soal denda seperti penjara, wang atau ditingkatkan dendaannya, tetapi biarlah matlamat yang terakhir biarlah jelas, biarlah tegas bahawa judi memang tidak dibolehkan dalam negara kita ini, kerana matlamat kita yang terakhir bukan dunia, orang lain kita tidak tahu. Matlamat kita yang terakhir, akhirat. Saya bukan fanatik dari segi agama tetapi saya yakin kepada agama saya sendiri bahawa matlamat kita yang terakhir ialah keredhaan. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

6.06 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahar bersama, bukan saya sebut menyokong tetapi membahar Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Saya hendak sebut satu sahaja iaitu berhubung dengan hukuman. Saya tidak tahulah bagaimana judi ini dimainkan, tetapi saya percaya berdasarkan kepada pengalaman saya sebagai pegawai Kerajaan dahulu yang pernah mengawal perkara-perkara seperti ini, bahawa tiap-tiap kali perjudian ini melibatkan wang yang banyak sampai kadang-kadang berjuta-juta ringgit. Jadi kalau denda, contohnya, kalau kita menjual tiket loteri haram ini, dendanya \$5,000 dan sebagainya. Saya rasa ini satu perkara yang kecil dan dapat dibayar dalam masa satu minit sahaja, tidak payah lagi mereka bersusah payah untuk mendapatkan wang untuk membayar denda yang berkenaan.

Dalam hal ini saya mencadangkan supaya seperti rakan saya sebutkan tadi, sebagai orang Islam dan tadi kawan-kawan daripada yang bukan Islam pun kata bahawa tidak ada agama mana pun yang membenarkan perjudian. Kita harapkan bahawa lambat-laun judi akan diharamkan dalam negara ini, tetapi dalam proses tersebut kita tidak dapat lari dari hakikat bahawa perjudian haram mengikut laporan-laporan yang tidak rasmi yang dikeluarkan, perjudian haram termasuk yang halal itu seperti yang kita lihat diberi kepada Genting Highlands dan juga judi kuda. Tetapi daripada laporan tidak rasmi bahawa perjudian haram ini melebihi tiga kali ganda. Ada pihak yang menganggarkan sampai \$5 bilion

setahun judi haram. Kerajaan dalam proses ke arah untuk mengharamkan seterusnya ini, kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa perkara haram ini dijalankan. Seperti pelacuran tadi, tidak ada pelacuran dalam Malaysia, tetapi Kerajaan secara terbuka menyebut bahawa pelacur-pelacur di negara ini telah pun diambil sample darah untuk memastikan sama ada mereka terlibat dengan AIDS atau tidak. Maknanya kita mengetahui ada pelacuran yang dibuat secara haram tetapi pada hari ini kita tidak boleh minta untuk dihalalkan pelacuran, cuma ada peraturan yang memberi hukuman kepada mereka yang terlibat dengan pelacuran.

Berhubung dengan perkara ini kalau sekiranya judi secara haram ini yang melibatkan sampai berbilion ringgit, jadi tepatlah sekiranya Kerajaan membuat hukuman ke arah untuk mengenal pasti mereka yang terlibat dengan perjudian haram tetapi denda ini terlampau rendah sangat dan \$5,000 ini bagi mereka seperti kacang putih yang kita boleh beli dengan harga 10 sen, 20 sen, tidak ada makna langsung. Mereka boleh bayar hari ini besok dia buat lagi, sebab \$5,000 adalah angka yang kecil. Ini sebagai contoh, termasuk juga denda-denda di bawah Fasal 7 tadi iaitu yang kita denda \$20,000. Ini merupakan angka yang kecil.

Apa salah kalau kita letakkan \$200,000, yang \$5,000 kita jadikan \$50,000. Saya ingat orang takut hendak melibatkan diri dengan judi lagi. Tetapi kalau denda ini merupakan permainan bagi mereka sebab mereka kata kalau denda \$5,000 ini, perkara biasa sebab kadang-kadang mereka kata mereka terpaksa bayar under the counter pun lebih \$5,000. Under the counter dalam perniagaan adalah sah. Ini hakim telah membuat keputusan di Seremban dahulu.

Jadi saya sebut perkataan under the counter, dengan izin, di Parlimen ini. Dia kata kita bayar under the counter

pun lebih \$5,000, mengapa pula kita tidak boleh bayar denda \$5,000. Jadi, saya tidak mahu denda ini dipermainkan oleh orang-orang yang terlibat dengan judi. Jadi, saya cadangkan sudah alang-alang Kerajaan hendak haramkan judi ini, tujuan hendak diharamkan ialah dengan tujuan kita mengenal pasti dan lepas itu mengenakan hukuman yang berat.

Contohnya, dahulu orang mengedar dadah. Kita hanya memberi hukuman 20 tahun penjara, 10 tahun penjara dan sebagainya. Maka orang berleluasa tetapi apabila kita kenakan hukuman mati ini sekurnag-kurangnya kita dapat mengawal dan ketakutan di pihak-pihak tertentu untuk melakukan perkara tersebut. Kita tidak boleh menghukum bunuh orang-orang berjudi, dengan itu kita naikkan denda daripada \$20,000 saya cadangkan menjadi \$200,000, daripada \$100,000 kita cadangkan jadi \$1,000,000. Saya ingat siapa pun tidak berani terlibat lepas itu tetapi apabila kita buat macam ini, saya percaya mereka menganggap ini adalah permainan mereka berjudi. Mereka memang berjudi untuk melakukan judi, jadi perkara biasa. Tetapi kalau sekiranya kita kenakan denda yang tinggi, saya percaya tidak ada orang yang sanggup berjudi dan untuk membuka kedai judi sebab membuka kedai judi ini mereka terpaksa gamble, dengan izin, untuk membuka kedai judi tetapi kalau dengan denda yang rendah mereka sanggup memperjudikan nasib mereka.

Jadi itulah yang saya minta apapun yang hendak dibuat, kalau sekiranya matlamat kita untuk menghapuskan perjudian di akhirnya dengan kita mengenalpasti ialah dengan mengenakan denda yang tinggi.

Saya juga ingin menyentuh kepada rakan-rakan daripada DAP tadi yang meminta kelonggaran apabila undang-undang ini hendak dilaksanakan berhubung dengan perjudian ini dan

mereka telah mengeluarkan istilah sendiri tentang judi. Jadi, saya ingat tidak payah dipertikaikan philosophy siapa pun tetapi denda yang merupakan, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan betting, dengan izin, ialah judi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menyatakan dengan jelas sama ada beliau menyokong Rang Undang-undang ini ataupun tidak kerana saya tidak dengar satu perkataan pun yang menyatakan dia menyokong Rang Undang-undang dengan tidak mempertikaikannya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Barisan Nasional ini, dia tidak payah sebut sokong atau tidak sokong. Bila mengundi nanti, tengoklah macam mana. Tetapi, dalam masa saya membahaskan, saya sebut dengan terang. Sebagai seorang Islam saya menentang perjudian dan saya berharap sebagai Kerajaan, oleh kerana matlamat Kerajaan untuk menghapuskan judi, dengan itu Kerajaan terpaksa mengenalpasti judi dahulu. Hendak hapus macam mana kalau kita tidak kenal. Macam saya tidak kenal wakil Kepong, macam mana saya hendak hapuskan dia. Sekarang saya kenal dia, saya boleh hapuskan. Ini sebagai contoh sahaja. Demikian juga judi, kita terpaksa mengenalpasti apa judi, denda yang tinggi dengan itu mereka tidak lagi bermain judi.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): (Bangun).

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak meminta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sila.

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau. Yang Berhormat itu menganggap perjudian ini adalah haram tetapi sama ada dia sokong atau tidak sampai masa undi nanti baru tahu. Saya minta Yang Berhormat dari Arau itu menegaskan di sini dengan terang dan jelas dia akan membantah atau tidak menyokong apabila Rang Undang-undang ini akan diputuskan kemudian.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya isytiharkan bahawa saya menentang perjudian. Okay, puas hati? Saya menentang perjudian, okay, tutup buku!

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan lagi. Saya ingat dia tidak begitu faham. Dia hendak elak daripada sini, daripada situ. Oleh kerana Yang Berhormat dari Arau itu daripada parti pemerintah, kalau satu Akta dibentangkan oleh parti pemerintah itu walaupun tidak begitu seronok tetapi pastilah kena sokong. Tetapi, kena sokong pun kena hentam juga, tidak sokong pun kena hentam juga. Macam mana hendak elak? Ini satu Dewan yang mulia, sokong tetap sokong, bantah tetap bantah. Jangan kata secara proseskah, secara tidak proseskah, secara langsungkah, tidak langsungkah. Kalah hendak bantah, terus kata bantah daripada permulaan sehingga ke akhir-akhirnya. Itulah pendirian, bukan kata hendak ini atau itu. Di sini saya minta dia tetap bantah, tidak sokong, apabila putuskan sokong atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, pandang ke mari.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta dia terangkan dengan jelas sekali kalau

dia tidak sokong cakaplah tidak sokong. Bukan dengan mulut tetapi cara yang betul mengikut cara Parlimen

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sekarang dengan mulut

Tuan Lau Dak Kee: Sekarang dengan mulut

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Selepas ini kita tengoklah (*Ketawa*).

Tuan Lau Dak Kee: Itu baik, saya bersetuju sama ada dia jujur atau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jelas, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya menentang perjudian dan saya tidak akan menyokong perjudian. Itu saya hendak cakap terang-terang. Habis cerita! Clear, semua orang dengar, semua orang jadi saksi, Tuhan saya jadi saksi, Allah jadi saksi. Saya menentang perjudian, saya tidak akan menyokong perjudian.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih, saya minta satu penjelasan. Sama ada Akta ini disokong atau tidak, itu sahaja. Tidak ada lain. Akta ini telah dibentang di hadapan Yang Berhormat itu sokong atau tidak. Itu sahaja!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang bercakap dalam bentuk dan cara bahasa yang saya bawakan tadi, tetapi dia hendak bertanya soalan objektif kepada saya, tunggu sampai peringkat penghabisan saya jawablah. Soalan yang pertama tadi, saya sudah menjawab bahawa saya menentang perjudian dan saya tidak akan menyokong perjudian. Itu teranglah, saya ingat semua orang boleh tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengetahui bahawa matlamat akhir Kerajaan ialah untuk menghapuskan perjudian dan saya minta Kerajaan timbang elok-elok kerana kita tidak mahu DAP, PAS dan Semangat 46 menggunakan isu ini yang seolah-olah merekalah hero yang memperjuangkan anti-perjudian di negara ini. Semua orang tidak suka perjudian, tidak ada siapa yang suka perjudian di negara ini tetapi ke arah proses tersebut kita mesti ingat bahawa bukan segala benda yang boleh kita kata tutup hari ini, besok clear, itu kena ingat. Yang Berhormat juga kena ingat. Katalah kita haramkan hari ini, besok tidak ada perjudian. Sekarang ini perjudian diharamkan. Hanya yang dihalalkan di Genting Highlands dan tempat perjudian kuda. Itu sahaja yang dihalalkan. Yang lain-lain tidak dihalalkan tetapi yang tidak dihalalkan itu tiga kali ganda kalau mengikut angka tidak rasmi sampai \$5 billion setahun. Ini Kerajaan hendak kenalpasti. Hendak jadi Kerajaan ini susah, itu sebab Yang Berhormat tidak boleh memerintah. Yang boleh memerintah hanya kami yang mengetahui tentang masalah-masalah yang akan timbul. Kita mengenali dadah berapa lama baru kita boleh membuat undang-undang yang mengenakan hukuman gantung. Demikian juga judi. Kita terpaksa buat yang ini dahulu, selepas itu akhirnya pada tahun 2000 barulah Kerajaan isytiharkan judi diharamkan 100% apabila kita sudah dapat menguasai keadaan. Sebagai contohlah, perlahan-lahan, kita tidak mahu kita tutup buku hari ini, tiba-tiba dalam keadaan sebenarnya benda itu terjadi lagi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang kita buat, sekali kita buat, tutup. Jangan kita buat, tutup di sini, di sana

terbuka. Di atas ditutup, di bawah terbuka, tidak guna. Kalau hendak tutup, tutup semua supaya menjadi seorang yang perfect, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau. Dia kata tutup tidak tutup, buka tidak buka, rasmi tidak rasmi, halal tidak halal, haram tidak haram, ini semata-mata hanya hendak memutarbelitkan perkara ini. Di hadapan ini jelas dan terang Akta ini dianggap halal atau tidak halal, haram atau tidak haram. Beri pendirian yang jelaslah. Itu yang kita hendak di Dewan ini. Jangan kata kemudiannya, di akhirnya akan diharamkan, tidak guna!

Saya rasa Yang Berhormat dari Arau itu adalah seorang yang terhormat sekali dan perkataan-perkataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat itupun akan diambil berat bukan sahaja dalam Dewan ini terhadap Pembangkang tetapi juga terutama sekali terhadap pengundi-pengundi daripada kawasan Yang Berhormat iaitu Arau.

Tuan Speaker, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau berilah satu jawapan yang cukup terang, cukup jelas tentang Akta yang dibentangkan ini sama ada dia menentang atau menyokong. Kalau menyokong, kata menyokong, jangan kata 'akhirnya', 'kemudiannya', 'sekaranglah', sebab tiap-tiap kali apabila Yang Berhormat itu berdiri untuk menyoalkan perkara-perkara yang lain itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalan itu sudah jelas. Tidak payahlah diulangi begitu, dia pun faham soalan itu.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, apa yang saya hendak tanya panjang

sedikit, tetapi Tuan Speaker tidak sedar. Apabila saya berdiri, Tuan Speaker tidak sedar pada masa itu—susahlah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sedar, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Sedar! Terima kasih. Jadi saya minta sama ada dia sedar

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia faham soalan itu.

Tuan Lau Dak Kee: Dia faham soalan itu, tetapi kita hendak minta jawablah sokong atau tidak sokong terhadap Akta ini sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sokong perjudian, saya menentang perjudian habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kawan-kawan saya dalam DAP tidak baca buku ini, Akta pindaan ini tidak baca, ini dia pindaan, kalau kita tidak sokong pindaan pun Akta yang lama berjalan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*).

Tuan Shahidan bin Kassim: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Semua orang tidak baca buku ini khasnya yang di sebelah sana, dia akan sokong tidak sokong Akta ini, ini pindaan Tuan Yang di-Pertua, daripada Akta Ibu. Akta Ibu kita bukan bentang, semua sudah lulus sebelum kami tahun 1953, DAP pun tidak ada lagi pada masa itu. Sekarang pindaan 1989 Akta Ibu, tetap ada, dia tanya hendak sokong tidak sokong pindaan, katalah semua orang tidak sokong pindaan Akta Ibu berjalan. Jadi Akta Ibu sudah ada, maka saya cadangkan di

sini dari segi denda fikirilah habis-habis bahawa kita mengetahui matlamat Kerajaan sekarang ini hendak mengenalpasti perjudian. Kita tidak mahu seperti kawan-kawan kita dalam DAP tadi tidak menyokong Akta Pindaan ini, tetapi mintalah pada upacara-upacara tertentu supaya perkara ini dilonggarkan. Maknanya mereka masih lagi menganggap bahawa perjudian itu adalah mengikut tafsiran mereka sendiri yang dikatakan judi itu tetap judi, walaupun main singkong 10¢ atau 5¢, dengan izin, betting 5¢ pun atau betting \$1 juta pun adalah judi. Judi tetap judi jadi ke arah tersebut saya tidak mahu bercakap banyak berhubung dengan pindaan ini.

Berhubung dengan pindaan ini saya menganggap bahawa ini adalah matlamat Kerajaan untuk mengenalpasti perjudian. Selepas itu Kerajaan lambat-laun dengan proses-proses tertentu akan mengharamkan perjudian terus. Tetapi sebelum diharamkan Kerajaan mengetahui bahawa lebih daripada \$5 bilion perjudian haram berlaku dalam negara ini. Jadi Kerajaan terpaksa mengenalpasti dahulu sebelum mengharamkannya secara terus-menerus. Saya rasa ke arah tersebut semua orang akan menyokong, tetapi hendak suruh sokong tutup judi, tutup judi apa? Yang tadi itu dia suruh buka, yang mana satu dia hendak suruh tutup. Yang ini dia suruh tutup, yang sana dia suruh buka. Kalau hendak tutup, tutup semua. Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang saya tidak faham. Pendapat mereka pula berbagai-bagai.

Ahli dari Kota Melaka kata haramkan terus sehingga sebut fasal orang Islam tadi dan kawan saya dari Rasah pula kata hak ini mesti dibenarkan sebab mengikut philosophy dan tafsirannya ini bukan judi, yang itu judi. Jadi susahlah, hak yang kita buat tidak salah, yang orang buat salah. Oleh itu ke arah tersebut Kerajaan Barisan Nasional telah

mencapai satu solution, dengan izin, untuk menyelesaikan masalah tafsiran mereka yang berbagai-bagai dan tafsiran sebelah sini yang berbagai-bagai, iaitu ke arah pihak Kerajaan mengenalpasti judi yang sebenarnya dengan itu diperkenalkanlah pindaan ini. Kita mengharapkan dengan pindaan ini kita dapat mengenalpasti tetapi kita tidak akan dapat mengenalpasti selagi hukuman yang seberat-beratnya tidak dikenakan kepada mereka yang terlibat dengan rumah perjudian terbuka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.27 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama menyokong Rang Undang-undang Suatu Akta untuk meminda Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan)—bukan menyokong tetapi saya menyokong supaya Rang Undang-undang ini diperbahaskan dan selepas itu diberikan pandangan-pandangan supaya apa yang dikatakan ini diharamkan.

Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, di atas pindaan-pindaan yang telah dibuat, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi tentang masalah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, yang mana sekarang jikalau sekira perjudian ini begitu terbuka saya rasa masalah ini akan menjadi satu masalah yang besar kepada rakyat, jenerasi kita yang akan datang. Oleh itu dengan adanya pindaan-pindaan ini sebagaimana yang telah disebutkan memang sudah tiada perjudian-perjudian yang telahpun dihalalkan oleh pihak pemerintah kita umpamanya perjudian yang diadakan di Genting Highlands. Ini telahpun dipersetujui. Yang sekarang ini adalah

rumah-rumah perjudian haram yang mana kalau kita lihat di Kuala Lumpur ini begitu berleluasa rumah-rumah perjudian haram ini yang diadakan sama ada di rumah-rumah, bangunan-bangunan yang besar-besar. Begitu juga rumah-rumah perjudian haram ini juga ada berlaku di kawasan-kawasan rumah setingan, yang mana mereka yang menjalankan perjudian ini di depannya kadangkala mereka menempatkan alat permainan kanak-kanak, tetapi di belakang rumah mereka itu ada perjudian. Kita boleh lihat apabila kita lalu pada waktu malam di kawasan itu, begitu banyak kereta yang besar-besar, dan mereka ini bermain judi yang diharamkan itu.

Oleh itu dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka ini, saya menyokong penuh di atas pindaan-pindaan jikalau berlaku kepada pihak-pihak yang berkenaan yang

menjalankan perjudian ini dengan denda-denda yang telah diberi sebab kita tidak mahu perjudian-perjudian yang ada di negara kita ini merebak nanti seperti penyakit. Kalau penyakit itu kecil dapat kita mengubati dengan seberapa segera yang boleh, tetapi sekiranya, Tuan Yang di-Pertua, penyakit itu telah begitu merebak, ianya akan merosakkan masyarakat atau akan menjadi susah untuk mencari ubatnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.